

PERGAMAN
KAJIAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT BERADAT PERPATIH
DI KAMPUNG SIMPANG PELANGAI (PAHANG).

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

oleh
No. Matrik 23889

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

NOVEMBER 1976.

PENGHARGAAN.

Dalam usaha-usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Professor Abdul Kahar Bador sebagai Penyelia saya yang telah banyak memberikan pandangan, teguran dan kerjasama di sepanjang kajian dan penerangan Latihan Ilmiah ini.

Saya juga terhutang budi kepada penduduk Kampung Simpang Pelangai, khususnya yang telah terlibat dalam kajian ini, lebih-lebih lagi kepada Datok Empat Zainal dan Datok Penghulu Abdul-lah yang telah banyak memberikan maklumat yang berguna kepada saya.

Ucapan ribuan terima kasih juga kepada sesiapa saja yang terlibat dan memberikan kerjasama dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini terutama Emak, Achik, Angah, Akak istimewa Eff yang telah memberikan sokongan material dan moral sehingga kajian lahir dalam bentuk ini.

Terima kasih.

D 312, Kolej Kelima,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

November 1976.

3.1a	Bidup bersama KANDUNGAN.	24
3.2a	Jamili	25
3.3a	Perhubungan Selang Perkasa	Halaman.
Tajuk	...	i
Penghargaan	...	ii
Kandungan	...	iii
Senarai Jadual	...	vii
Senarai Rajah	...	vii
Peta	...	viii
BAB 1 PENDAHULUAN.		37
1.1	Tujuan Kajian ..	1
1.2	Pernyataan Masaalah Kajian .	4
1.3	Kepentingan Kajian ..	5
1.4	Bidang Kajian dan Pembatasan	6
1.5	Latar Belakang dan Sejarah Tempat Kajian	7
1.6	Cara Kajian ..	13
1.7	Kesulitan Kajian ..	15
1.8	Cadangan Kepada Pengkaji Baru ..	16
1.9	Hipotisis-hipotisis ..	17
BAB II PENGHURAIAN KONSEP-KONSEP		53
2.1	Kehidupan Sosial ..	19
2.2	Ekonomi ..	19
2.3	Adat Perpatih ..	21
BAB III ADAT PERPATIH DALAM TIORI DAN PRAKTISNYA		77
BAHAGIAN A: SOSIAL		

3.1a	Hidup bersuku-suku	24
3.2a	Famili	25
3.3a	Perhubungan Dalam Famili	26
3.4a	Kekeluargaan	28
3.5a	Hubungan Dalam Kekeluargaan	30
3.6a	Penentuan Pasangan	31
3.7a	Perkahwinan	32
3.8a	Perceraian	34
3.9a	Status dan Peranan Lelaki dan Wanita Dalam Famili dan Kekeluargaan	37
3.10a	Gelaran	39
3.11a	Istilah Penggilan Kekeluargaan	40

BAHAGIAN B: KEIMPINAN DAN KUASA

5.1b	Dalam Famili dan Kekeluargaan	42.
5.2b	Dalam Masyarakat	43

BAHAGIAN C: EKONOMI

3.1c	Pekerjaan (Sumber Mata Pencarian)	47
3.2c	Pembahagian Kerja	49
3.3c	Pemilikan Harta	51
3.4c	Pembahagian Harta (Selepas Bercerai Hidup/Mati)	53
3.5c	Perwarisan Harta	55

BAB IV FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN MASYARAKAT

BAHAGIAN DISINI BERPINDAH DARI NEGERI SEMBILAN	61
4.1.1a Pulang raja (Sumber Mata Pencarian)	77

BAB V SOSOI-EKONOMI MASYARAKAT DI KAMPUNG
SIMPANG PELANGAI

BAHAGIAN A: SOSIAL

5.1a	Hidup Bersuku-suku	83
5.2a	Famili	85
5.3a	Perhubungan Dalam Famili	87
5.4a	Kekeluargaan	90
5.5a	Perhubungan Dalam Kekeluargaan	91
5.6a	Perhubungan Dalam Masyarakat	94
5.7a	Pemilihan Pasangan	97
5.8a	Perkahwinan	103
5.9a	Perceraian	109
5.10a	Status dan Peranan Lelaki dan Wanita Dalam Masyarakat	112
5.11a	Pelajaran Dan Pendidikan	115
5.12a	Gelaran	118
5.13a	Istilah Panggilan Kekeluargaan	118
5.14a	Bahasa (Loghat)	119

BAHAGIAN B: KEPIMPINAN DAN KUASA

5.1b	Dalam Famili	122
5.2b	Datok Empat	123
5.3b	Datok Penghulu	125

BAHAGIAN C: EKONOMI

5.1c	Pekerjaan (Sumber Mata Pencarian)	..	128
a.	Getah	..	128

b.	Padi	137
c.	Berniaga	143
1.	Istana	148
2.	Keluarga	149
5.2c	Pembahagian Kerja	151
5.3c	Pemilikan Harta	151
5.4c	Perwarisan Harta	153
5.5c	Pembahagian Harta Setelah Bercerai Hidup atau Mati	156
BAB VI PENUTUP					
6.1	Implikasi Perpindahan	160
6.2	Kesimpulan	163
BIBLIOGRAFI					
		167



BAB 1.

PENDAHULUAN

1.1 TUJUAN KAJIAN.

Tujuan kajian adalah untuk menghuraikan dan menganalisa kehidupan sosio-ekonomi yang terdapat dalam masyarakat berAdat Perpatih yang telah berpindah keluar dari lingkungan Adat Perpatih; atau dengan kata lain mengkaji kehidupan sosio-ekonomi masyarakat berAdat Perpatih yang tinggal didalam masyarakat yang tidak mengamalkan Adat Perpatih. Tumpuan utama kajian ialah untuk melihat bagaimana rupa bentuk kehidupan sosio-ekonomi mereka yang baru. Masihkah dapat dikesan ciri-ciri atau bentuk kehidupan sosio-ekonomi mereka yang serupa dengan yang terdapat ditempat asal mereka (kemudian nanti untuk memudahkan kajian akan disebutkan sebagai Negeri Sembilan saja). Tulisan-tulisan dan kajian-kajian mengenai masyarakat berAdat Perpatih yang didalam lingkungan Adat Perpatih baik di Negeri Sembilan, beberapa bahagian di Melaka mahupun ditempat asalnya di Minangkabau sendiri memang telah banyak sekali kedapatan. Ianya samada hasil dari tulisan atau kajian orang-orang asing atau anak-anak tempatan rasanya sudah mencukupi untuk menjadi bahan bacaan bagi memahami kehidupan sosio-ekonomi masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih didalam lingkungan kawasan Adat Perpatih.

Hasil dari tulisan dan kajian orang-orang asing itu adalah seperti oleh P. Josselin De Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan; Socio-Political Structure in Indonesia (1922),

De Moubray, Matriarchy, in the Malay Peninsula and the Neighbouring Countries (1931), Winstedt R.O, A History of Negeri Sembilan (1934), M.G. Swift, Malay Peasant Society in Jelebu (1965) dan banyak lagi.

Manakala hasil penulisan dan kajian anak tempatan pula adalah seperti yang telah dilakukan oleh Kahar Bador, Adat Perpatih di Tanah Mengandung (1960), dan Kinship and Marriage Among the Negeri Sembilan Malays (1963), Abdul Rahman Mohamad, Dasar-dasar Adat Perpatih, (1964), Azizah Kassim, Kedudukan Wanita dalam Masyarakat Melayu berAdat Perpatih di Negeri Sembilan (1969) Zainal Keling, Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara (1969), Nor-din Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih (1975) dan banyak lagi.

Melihat kepada tajuk beberapa penulisan dan kajian diatas kita dapat menarik kesimpulan bahawa kajian-kajian yang pernah dilakukan adalah keseluruhannya dalam memperihalkan masyarakat berAdat Perpatih didalam lingkungan Adat Perpatih. Manakala penulisan dan kajian-kajian mengenai masyarakat berAdat Perpatih yang benar-benar diluar lingkungan Adat Perpatih tiada pernah terjumpa. Kalau ada pun, seperti kajian Zainal Keling (1969), masyarakat yang dikajinya adalah masyarakat yang telah mengamalkan Adat Perpatih sejak sedia kala. Atau pun seperti kajian Kamariah Sabeh (1967) dan Azizah Md Salleh (1974) dimana mereka mengkaji masyarakat Adat Perpatih yang telah berpindah dari kam-pung asal mereka, tetapi masyarakat yang dikaji mereka itu ma-sih lagi tinggal dikawasan yang dilingkungi oleh Adat Perpatih; atau ringkasnya tempat kajian mereka masih lagi terletak di-

Negeri Sembilan. Dengan itu selama ini kehidupan sosio-ekonomi masyarakat yang dulunya mengamalkan Adat Perpatih dan kemudian masuk ke kawasan masyarakat yang tidak mengamalkan Adat Perpatih telah dilupakan begitu sahaja.

1.2. PERATAMAN MASYARAKAT MAJU.

Misalnya di kampung Simpang Pelangai yang didiami oleh masyarakat berAdat Perpatih yang telah berpindah dari Negeri Sembilan. Pertama sekali yang menarik perhatian pengkaji untuk membuat kajian ialah kerana kedudukan kampung ini yang jaraknya dari sempadan politik Negeri Sembilan kira-kira tak sampai setengah batu saja, bahkan ada rumah yang jaraknya cuma beberapa elai saja darinya. Juga sempadan politik itu menjadi sempadan kepada kekuasaan atau pengaruh Adat Perpatih. Persoalan yang timbul sekarang ialah mengapa mereka memilih kampung ini sebagai tempat tumpuan perpindahan dari Negeri Sembilan. Kalau tujuan mereka hendak mencari tanah yang subur untuk bercucuk tanam maka didalam Negeri Sembilan sendiri pun masih banyak lagi tanah yang subur yang boleh dijadikan sawah ladang. Atau mengapa tidak berpindah ke daerah lain didalam negeri Pahang ini yang lebih jauh lagi. Dan kalaularah alasan mereka memilih kampung ini untuk dekat dengan kampung asal mereka, mereka lebih baik meneroka saja kawasan hutan di Negeri Sembilan sendiri yang lebih dekat.

SIMPANG PELANGAI INI.

Jadi pengkaji merasakan dengan pemilihan kampung ini yang amat hampir dengan sempadan Negeri Sembilan yang seolah-oleh sebagai tempat melarikan diri dari Negeri Sembilan atau

Moslem, pengaruhnya atau peninggalan.

kekuasaan Adat Perpatih sebagai tempat berpindah, ada mempunyai sesuatu muslihat disebaliknya.

- Apakah faktor-faktor seperti konflik, apakah langkah-langkah

1.2 PERNYATAAN MASAALAH KAJIAN.

Perkara-perkara yang menjadi masaalah untuk dikaji adalah seperti berikut:

- Apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka berpindah dari Negeri Sembilan.

- Adakah perpindahan ini disebabkan oleh soal semula jadi seperti pertambahan penduduk dan sebagainya.

- Adakah Adat Perpatih juga memainkan peranan dalam perpindahan ini.

- Kalau Adat Perpatih juga berperanan sebagai faktor peng dorong kepada perpindahan ini, apakah keseluruhan atau sebahagian sahaja.

- Setelah berlaku perpindahan itu, apa-apakah perubahan, perbedaan, kemajuan atau kemunduran dari segi sosio-ekonomi yang terdapat.

- Apakah perubahan yang mungkin terdapat berpunca dari perpindahan itu sendiri atau berpunca dari peninggalan Adat Perpatih atau sebab-sebab lain.

- Adakah Adat Perpatih masih terus diamalkan di kampung Simpang Pelangai ini.

- Kalau diamalkan adakah keseluruhannya atau pun sebahagian sahaja.

- Kalau ditinggalkan pula, di bahagian-bahagian mana.

- Kalau masih diamalkan, adakah dilakukan sebarang per-

ubahan, penyesuaian atau peninggalan.

- Adakah dalam memperaktikan Adat ini ada mengalami apa-apa halangan atau galakkan.

- Kalau berlaku sebarang konflik, apakah langkah-langkah yang telah dan akan dibuat bagi mengatasinya.

- Apakah persamaan-persamaan yang mungkin terdapat disini dengan Negeri Sembilan secara kebetulan atau sebaliknya.

- Bagaimanakah rupanya kehidupan sosio-ekonomi masyarakat disini secara keseluruhannya.

1.3. KEPENTINGAN KAJIAN.

Kajian ini nanti mungkin akan menghindarkan methos yang menganggap orang-orang Melayu pemalas, tidak rasional, tiada 'business minded', lebih mementingkan nilai kepaduan dari nilai ekonomi, segan berpindah dan sebagainya. Kalau betul pula anggapan diatas tadi terdapat dikalangan orang-orang Melayu, apakah sebab-sebabnya dan bagaimana cara untuk menghapuskannya.

Pengkaji harap kajian ini nanti akan dapat memberikan jawapan atau gambaran yang sebenar sedikit sebanyak tentang anggapan diatas. Kajian ini juga nanti mungkin akan dapat membaharu, memperbaiki dan menambahkan pendangan dan pegangan individu-individu yang selama ini begitu ghairah mengkaji dan berbicara tentang Adat Perpatih secara keseluruhannya.

Kajian ini juga diharapkan dapat melihat nilai-nilai, norma-norma dan kebiasaan-kebiasaan yang tak sanggup dan yang

sanggup ditinggalkan oleh mereka setelah berpindah. Ini pengkaji rasa berguna khususnya bagi pemerintah supaya rancangan pemindahan orang-orang Melayu misalnya kerancangan F.E.L.D.A, dan sebagainya menjadi lebih berkesan.

1.4. BIDANG KAJIAN DAN PEMBATASAN.

Kajian ini telah dijalankan di Kampung Simpang Pelangai didaerah Bentong didalam Negeri Pahang. Pengkajian dijalankan keatas orang-orang Melayu yang berpindah atau merantau* dari kawasan lingkungan Adat Perpatih yang tinggal disini, (selepas ini nanti perkataan orang atau masyarakat disini adalah merujuk kepada gulungan yang telah diterangkan diatas). Pengkajian adalah lebih dititik beratkan kepada ketua-ketua rumah dan kaum ibu.

Supaya kajian lebih lengkap dan mendapat gambaran yang sebenar, maka kajian dijalankan juga keatas individu-individu yang dianggap berguna sebagai menguatkan isi kajian ini. Misalnya Tok Penghulu, Ketua Kampung, Pegawai Pertanian dan sebagainya yang berkenaan. Kajian ini tidak dilakukan keatas orang-orang yang tidak berasal dari lingkungan Adat Perpatih samada yang menetap atau tidak disini. Pengkajian juga tidak dilakukan pada pegawai-pegawai kerajaan yang tidak tinggal tetap di-

* Istilah berpindah dan merantau ini akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam bab yang ke IV nanti.

disini kerana pekerjaan mereka, misalnya guru-guru, pegawai hutan dan sebagainya, walaupun mereka berasal dari Negeri Sembilan.

Kajian ini akan cuba menghuraikan dan memahami kehidupan sosial dan ekonomi masyarakat disini dan khususnya melihat perkaitan famili dan kekeluargaan dengan kegiatan ekonomi. Juga melihat sejauh manakah kedua-dua kehidupan sosial dan ekonomi masyarakat disini telah 'lari' dari keadaan di Negeri Sembilan. Pengkajian tidak dijalankan dan dimaksudkan kepada orang asing seperti Cina atau India samada mereka peniaga, penoreh getah, pekerja kilang papan dan sebagainya. Misalnya nanti kalau pengkaji menyebutkan perkataan peniaga, maka pengkaji tidak memaksudkan gulungan ethniki-ethnik diatas.

1.5 LATAR BELAKANG DAN SEJARAH TEMPAT KAJIAN.

Kampung ini dikenali dengan nama Kampung Simpang Pelangai, terletak dimukim Pelangai, daerah Bentong, dalam Negeri Pahang, (sila lihat peta yang dilampirkan dibelakang). Kampung ini adalah bersempadan dengan Negeri Sembilan kira-kira tak sampai setengah batu dan ada rumah-rumah yang hanya beberapa elsa saja jaraknya dari sempadan Negeri Sembilan. Penduduk yang tinggal tetap disini kesemuanya orang Melayu yang kebanyakannya datang berpindah dari Negeri Sembilan iaitu dari lingkungan Adat Perpatih. Juga kedapatan orang-orang yang berasal dari negeri lain seperti Melaka, Johor dan lain-lain selain dari orang Pahang sendiri. Tetapi bilangan mereka itu adalah ke-

cil saja dibandingkan dengan bilangan penduduk yang berasal dari Negeri Sembilan.

Jumlah penduduk disini dianggarkan kira-kira 1,000 orang, dimana keluarga yang berasal dari Negeri Sembilan adalah lebih kurang 100 keluarga. Mereka yang terlibat dalam urusan perniagaan juga adalah 100% terdiri dari orang Melayu, kecuali terdapat sebuah kedai Cina dikilang papan yang khusus berkhidmat kepada pekerja disitu. Juga terdapat beberapa orang India yang bekerja menoreh getah orang-orang Melayu. Orang-orang yang datang dari Negeri Sembilan mula-mula sekali dapat dikesan disekitar tahun 1930an. Ini bermakna kampung ini telah didiami mereka selama kira-kira 46 tahun. Ramai diantara orang-orang yang dilahirkan disini berumur dalam lingkungan 40 tahun berikutnya. Banyak orang yang berasal dari Negeri Sembilan. Namun pun begitu ramai juga yang berpindah selepas dari tahun 1930an hingga dewasa ini. Jadi orang-orang yang berasal dari Negeri Sembilan disini terdiri dari berbagai peringkat umur, kerana mereka berpindah adalah tidak secara serentak tetapi beransur-ansur.

Kampung ini dulu sebelum kedatangan orang-orang Negeri Sembilan adalah terbiar kosong saja kecuali beberapa buah rumah orang-orang Pahang yang membawa diri dari beberapa daerah dalam negeri Pahang. Sebabnya mungkin mereka telah merajuk atau pun telah berkelahi dengan orang-orang dikampung asal mereka, dan sebagainya. Walau bagaimana pun sebab-sebab ini tidak dapat dibuktikan kebenarannya, kerana hanya berdasarkan ingatan dan pen-

dapat beberapa orang-orang tua disini sahaja.

Dari hasil kajian, kampung ini tidak digemari oleh orang-orang Pahang kerana pertamanya; disini susah air untuk bersawah padi. Mereka lebih gemar dan biasa menanam padi dipaya-paya yang airnya sentiasa ada. Manakala ditempat ini kalau hendak dijadikan sawah terpaksa diteroka dan diairkan melalui empangan dan tali-tali air. Kedua; disini tiada sungai yang besar-besar. Orang-orang Pahang dimasa itu banyak bergantung pada sungai untuk mendapatkan ikan dan juga sebagai alat perhubungan dengan kawasan-kawasan lain. Orang-orang yang dari Negeri Sembilan itu memang biasa menanam padi dengan air yang didatangkan dari empang dan tali air. Juga mereka merasa tidak ada kesusahan atau canggung kalau tidak tinggal ditepi sungai yang besar. Kerana kedua-dua sebab diatas maka kampung ini tak ramai didiami oleh orang Pahang semasa kedatangan orang Negeri Sembilan yang mula-mula dulu dan keadaan itu berlarutan sehingga hari ini. Orang-orang Pahang dimasa itu dan sekarang tinggal dihilir dimana terdapat sebuah sungai yang agak besar iaitu sungai Teriang, anak sungai Pahang.

Pada mulanya dulu orang-orang Negeri Sembilan ini tinggal berjauhan dirumah mereka yang terasing-asing. Masa itu mereka meneroka tanah dan tinggal dimana mereka suka sahaja. Tapi bila tiba musim dharurat (1948) maka mereka dikumpulkan disatu kawasan yang sampai kini kawasan itu masih jadi tumpuan perumahan

dan inilah dia kampung Simpang Pelangai itu. Oleh kerana mereka sudah tinggal rapat-rapat disitu maka timbulah keperluan untuk seorang ketua. Maka telah dilantik salah seorang dari mereka yang berkebolehan untuk dijadikan ketua. Gelaran yang disandang olehnya ialah Datok Empat. Tugasnya ialah menguruskan dan menyelesaikan masaalah penduduk dimasa itu. Perlantikan itu dilakukan kira-kira tahun 1950. Datok Penghulu memang telah sedia ada dimasa itu yang bertugas mentadbirkan seluruh mukim iaitu mukim Pelangai. Setakat ini sudah masuk yang keempat jawatan penghulu disini.

Sebelum dharurat atau sebelum 'berkurung' mengikut istilah orang-orang disini terdapat ramai orang-orang Cina disini yang menjalankan perniagaan dan juga menjalankan perusahaan memproses kayu balak, yang dimasa itu masih lagi keseluruhannya menggunakan tenaga manusia dan kerbau. Satu ketika bilangan mereka melebihi bilangan orang-orang Melayu disini. Tapi bila dharurat diistiharkan orang-orang Cina ini semuanya lari meninggalkan kampung ini. Sejak itu mereka tidak datang-datang lagi kesini kecuali tinggal sebuah kilang papan saja, tapi mereka cuma berulang saja kesini tiap-tiap hari.

Kampung ini terletak dipertengahan jalan timur barat antara Pahang dengan Negeri Sembilan. Kampung ini seolah-olah perhentian orang-orang yang hendak pergi dari Negeri Sembilan ke Pahang atau sebaliknya kerana ia terletak dipinggir sempadan politik Negeri Sembilan dan Pahang. Terdapat sebatang jalan-

raya berminyak tar yang menghubungkan kampung ini dengan bandar Kuala Pilah di Negeri Sembilan dan Bentong di Pahang. Jalan ini tidak berapa baik, berlubang-lubang disetengah-setengah tempat dan sempit. Disamping itu terdapat juga jalan yang menghubungkan kampung ini dengan kampung-kampung dihilir (kalau mengikut arah sungai). Jalan ini agak baik, mungkin kerana baru dibina dan tiada kenderaan berat melaluinya tiap-tiap hari. Juga terdapat banyak jalan tanah mereh yang menghubungkan sesebuah rumah dengan kedua-dua jalan yang disebutkan tadi. Kampung ini juga seolah-olah pintu masuk keluar bagi orang-orang dibeberapa buah kampung dihilir.

Rumah-rumah dikampung ini agak rapat dan seolah-olah berpusat pada satu tempat iaitu masjid yang boleh dikatakan terletak ditengah-tengah kampung ini. Keadaan rumah semuanya baik belaka yang dibuat dari kayu dan keseluruhannya beratap zing. Susah untuk menjumpai rumah-rumah yang beratap rumbia atau nipah. Kedai-kedai juga terletak rapat-rapat dan kebanyakannya bersambung-sambung antara satu sama lain. Cuma ada sebuah dua kedai saja yang terpisah dari kedai lain tapi letaknya berdekatan. Seminggu sekali iaitu pada hari Jumaat diadakan pekan sehari dikampung ini, yang jadi tumpuan peniaga kecil dan penduduk kampung ini dan juga dari luar.

Dikampung ini terdapat tiga buah sekolah, sebuah sekolah rendah, sebuah sekolah menengah rendah Melayu dan sebuah

sekolah memengah rendah Ugama atau Arab. Juga terdapat sebuah taman didikan kanak-kanak (Tadika). Balai Penghulu, Pejabat Pertanian, Wakil Pos dan pondok talipon juga terletak dikampung ini untuk kemudahan penduduk kampung ini dan penduduk beberapa buah kampung lain. Kemudahan letrik juga sudah dinikmati oleh penduduk dikampung ini walaupun ia hanya berkhidmat diwaktu malam saja. Jadi penggunaan peti talivisyen sudah tidak menjadi perkara ganjil lagi disini. Bagaimana pun kemudahan paip air masih belum diterima lagi.

Bagi kemudahan kesihatan terdapat sebuah rumah bidan kerajaan dan dijadikan klinik seminggu sekali pada hari Khamis. Masyarakat disini menggunakan sepenuhnya kemudahan perkhidmatan kesihatan ini. Dihari-hari lain kalau terjadi apa-apa kemalangan mereka selalunya akan pergi ke kampung Simpang Durian di Negeri Sembilan dimana terdapat sebuah pusat kesihatan kecil di sana. Tapi kalau kemalangan itu agak teruk mereka akan pergi samada kehospital di Kuala Pilah atau Bentong.

Kenderaan yang meluas digunakan dikampung ini ialah motorsikal dan banyak juga yang menggunakan kereta. Untuk kebandar atau ketempat-tempat lain orang disini samada menaiki bas atau teksi, bagi mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri. Ada dua arah perkhidmatan bas disini, satu ke Kuala Pilah dan satu lagi ke Bentong dan seterusnya ketempat-tempat lain. Ke cenderungan orang-orang disini kalau hendak membeli belah adalah kebandar Kuala Pilah. Walau bagaimana pun dalam hal uru-

san resmi atau pejabat mereka tetap akan pergi ke Bentong kerana terdapat pejabat daerah disana.

1.6 CARA KAJIAN.

Pengkajian akan dilakukan dengan menggabungkan cara pemerhatian dan survey. Bagi mendapatkan data-data pula digunakan cara pemerhatian tanpa penyertaan dan alat soal selidik.

Soal selidik itu cuma digunakan untuk mendapatkan jawapan-jawapan yang khusus dan tepat sahaja. Untuk itu pengkaji telah cuma menggunakan 30 daftar kertas soal selidik saja yang dikemukakan secara rambang keatas satu-satu unit keluarga. Soalan-soalan dalam kertas soal selidik itu adalah soalan terbuka yang tidak disediakan jawapan didalamnya. Pengkaji sendiri yang mengisikan jawapan dalam kertas soal selidik itu semasa bertemu-bual dengan peserta yang dikaji. Ini kerana pengkaji menjangkakan terlebih dulu ada diantara soalan-soalan yang memerlukan penerangan serba sedikit oleh peserta. Ini diketahui oleh pengkaji setelah mengadakan percubaan terlebih dulu, dan didapati banyak soalan-soalan yang ditinggalkan kosong tidak berjawab.

Selain daripada itu pengkaji juga dapat mengumpulkan banyak data-data melalui temubual tanpa menggunakan soalan yang bertulis terlebih dulu semasa berbual dikedai-kedai kopitiam, semasa kenduri dan sebagainya. Walaupun pemerhatian yang dilakukan tanpa penyertaan namun pengkaji merasakan penduduk disini yang rapat dikaji adalah amat/dengannya kerana pengkaji tinggal berhampi-

ran dengan kawasan tempat kajian ini; kira-kira tiga batu saja. Pengkaji juga sentiasa berulang-alik melalui kawasan ini kerana kawasan ini dipertengahan jalan yang menghubungkan kampung pengkaji dengan bandar-bandar baik di Pahang maupun di Negeri Sembilan. Juga ditempat kajian ini terdapat kedai-kedai dan kemudahan lain yang menyebabkan pengkaji amat sering datang kesini. Penulis juga bernasib baik kerana dikawasan ini terdapat beberapa keluarga yang ada hubungan kekeluargaan dengan pengkaji, yang mana selalu pengkaji tinggal bermalam dirumah-rumah mereka.

Diatas segala-galanya pengkaji juga adalah orang yang berasal dari Negeri Sembilan dan menetap di kampung yang berdekatan dengan kawasan kajian.

Kajian yang berdasarkan bahan-bahan perpustakaan juga amat banyak digunakan untuk mendapatkan data-data tentang Adat Perpatih. Bahan-bahan perpustakaan juga digunakan untuk mendapatkan keterangan yang lebih khusus (specific) tentang kehidupan sosio-ekonomi masyarakat beradat Perpatih dikawasan lingkungan Adat Perpatih.

Pengkaji adalah bergantung sepenuhnya kepada hasil kajian dan penulisan yang terdapat. Pengkaji tidak bertanggungjawab untuk mempersoalkan apakah kajian dan penulisan itu tepat, ilmiah, jujur atau tidak. Ini kerana pengkaji tidak berkesempatan untuk membuktikan segala-galanya kerana tidak mungkin bagi pengkaji membuat kajian semula untuk membenarkan hasil kajian.

an atau penulisan yang telah sedia ada.

1.7. KESULITAN KAJIAN.

Diantara kesulitan-kesulitan yang dialami semasa kajian dilakukan adalah seperti disenaraikan dibawah:

- i. Tidak dapat diketahui angka yang tepat jumlah penduduk Melayu yang sebenar-benarnya berasal dari Negeri Sembilan.
- ii. Amat kurang sekali satu-satu keluarga itu dimasa ini yang betul-betul berasal dari Negeri Sembilan keseluruhannya. Ramai yang telah dilahirkan disini yang beribu-bapakan orang-orang yang berasal dari Negeri Sembilan. Ramai juga yang berkahwin 'campuran' samada isteri atau suami bukan berasal dari Negeri Sembilan. Maka tidak dapat hendak ditentukan data-data nanti adalah mewakili keseluruhannya jawapan dari orang-orang dari Negeri Sembilan.
- iii. Susah untuk ditemui mereka kerana tiada masa yang benar-benar sesuai untuk mereka ditemui. Mereka selalunya pergi mencari nafkah diwaktu pagi dan petang baru balik, cuma mereka berhenti sekejap untuk makan tangah hari dan sembahyang zuhur. Sudah tentulan masa ini tak sesuai, dan sebelan malam pula mereka keletihan.
- iv. Ramai yang tidak mahu berbicara tentang latar belakang atau sebab-sebab mereka berpindan.
- v. Pengkaji banyak terpaksa mengisi sendiri dalam daftar soal-selidik jawapan yang diberikan oleh peserta yang dikaji. Ini disebabkan kerana didapati ramai yang tidak faham

soalan yang diberikan, tidak tahu atau sudah lupa menulis, tak dapat menulis kerana tidak nampak, dan ada juga yang sengaja malas hendak menulis kerana tidak ada masa katanya.

vi. Juga amat susah untuk mendapatkan bahan kajian yang semasa untuk dibuat perbandingan. Dan kalau ada pula kebanyakan sudah 'out-of-date' dan sudah tidak tepat lagi. Juga ada diantara hasil kajian itu yang berbeda dan kadang-kadang bertentangan antara seorang pengkaji dengan seorang pengkaji yang lain.

1.8 CADANGAN KEPADA PENGKAJI BARU.

i. Dicadangkan supaya pengkaji masyarakat membuat kajian sekurang-kurangnya 25 tahun atau satu jenerasi sekali dikampung ini. Tujuannya untuk melihat perubahan dan penyesuaian dari keadaan yang ada sekarang. Apakah masih dapat dikesan ciri-ciri persamaan kehidupan sosio-ekonomi masyarakat disini dengan kehidupan sosio-ekonomi masyarakat di Negeri Sembilan. Apakah isi dan dasar Adat Perpatih sudah ditinggalkan keseluruhannya sehingga tidak dapat lagi dikesan apa-apa persamaan dengan kehidupan sosio-ekonomi masyarakat di Negeri Sembilan. Apakah disatu masa nanti kalau ada satu-satu keadaan atau masaalah yang baru mereka akan pulang semula ke Negeri Sembilan atau pergi ketempat lain diluar lingkungan Adat Perpatih atau pun mereka bersedia menghadapi sebarang dugaan yang datang nanti.

ii. Dicadangkan kepada pengkaji baru nanti tinggal bersama penduduk disini dengan lebih lama lagi sekurang-kurangnya setahun. Ini bertujuan supaya masyarakat disini dapat mengenali

dan beramah mesra dengan pengkaji, guna untuk memberi keyakinan dan kepercayaan kepada mereka. Ini penting untuk melihat soal-soal peribadi atau perasaan mereka seperti nilai, sikap, pendirian masaalah atau rahsia perseorangan dan sebagainya. Soalan begini tidak didapati jawapannya cuma dengan menggunakan alat soal-selidik, atau soalan-saalan semasa. Jadi untuk jawapan begini secara jujur dan tepat pengkaji nanti mestilah berusaha menjadikan dirinya sebagai salah seorang anggota masyarakat disini. Dengan itu nanti pengkaji juga akan dapat memahami kehidupan sosio-ekonomi masyarakat disini dari dalam. Kemudian jawapan yang dikehendaki itu akan didapati sendiri oleh pengkaji secara tidak sengaja dari pemerhatian atau perbualan harian. Untuk mencapai taraf ini sudah tentulah mengambil masa yang agak lama.

1.9 HAIPOTISIS-HAIPOTISIS.

Untuk memudahkan kajian ini dijalankan pengkaji mulakan dengan haipotisis-haipotisis awal sebagai landasan. Haipotisis-haipotisis itu ialah:

- i. Bahawa ada isi dan dasar Adat Perpatih yang menyebabkan masyarakat disini datang berpindah atau merantau dari Negeri Sembilan.
- ii. Bahawa dengan perpindahan ini akan menyebabkan perubahan dalam kehidupan sosio-ekonomi orang-orang yang telah berpindah itu.
- iii. Bahawa dengan perubahan dalam kehidupan sosial akan

mempengaruhi sedikit sebanyak kehidupan ekonomi mereka nanti.

iv. Bahawa dengan perubahan dalam kehidupan ekonomi akan mempengaruhi pula kehidupan sosial.

2.1 KEHIDUPAN SOSIAL.

Mengikut Dictionary of the Social Sciences, sosial itu difinisikan sebagai, "Applied to human beings, refer to any behaviour or attitude that is influenced by past or present experiences of the behaviour of other people - (direct or indirect) or that is oriented (consciously or unconsciously) toward other people". (1) Jadi jelaslah bahawa kosakata sosial itu hanya sudi dengan adanya perhubungan dengan orang lain atau dengan adanya masyarakat manusia. Dan, an itu bukannya juga boleh dianggap sebagai sebahagian daripada sosial.

Beliau kehidupan sosial itu institusi yang termasuk dalam adanya pengorganisasian supaya dapat hidup dengan baik dan berteratur. Adanya ada institusi perkembangan, hasil, kelangsungan, nilai-nilai, peraturan, pantang-larung dan setagai-nya bagi memudahkan kepuasan selain daripada kuperlukan biologi. Untuk kajian ini kepimpinan dan buku juga dimuatkan dibawah konsep kehidupan sosial.

2.2 KONSEP L.

Cik kerana masyarakat disini masih belum begitu 'mehisticated', rasanya cik kita lihat pendapat Beattie re-

ngensi cara kajian mengenai masyarakat yang begini. Pertama

BAB 11.

sekali politik "try to extract the physical con-

PENGHURAIAH KONSEP-KONSEP.

consciousness of life from their environment", sekadarnya, "... by

2.1 KEHIDUPAN SOSIAL.

activities involved in production". Dan kedua, "What is done with

Mengikut Dictionary of the Social Science, sosial itu
didefinasikan sebagai, "Applied to human beings, refer to any

behaviour or attitude that is influenced by past or present ex-

periences of the behaviour of other people (direct or indirect)

or that is oriented (consciously or unconsciously) toward other

people". (1) Jadi jelaslah bahawa konsep sosial itu hanya ujud

dengan adanya perhubungan dengan orang lain atau dengan adanya

masyarakat manusia. Dengan itu kebudayaan juga boleh dimasukan

sebagai sebahagian daripada sosial.

Jadi akhbar ini membincangkan mengenai bagaimana manus-

gia mencapai puasa-puasa yang terbatas untuk memenuhi ke-

Dalam kehidupan sosial itu institusi yang terkandung di-
hendak yang berbasar semulannya, ekonomi adalah
dalamnya yang mengatur anggotanya supaya dapat hidup dengan aman
dan berterusan. Misalnya ada institusi perkahwinan, famili, ke-
keluargaan, nilai, norma, peraturan, pantang-larang dan sebagai-
nya bagi memenuhi kepuasan selain daripada keperluan biologi.

Untuk kajian ini kepimpinan dan kuasa juga dimasukkan dibawah
konsep kehidupan sosial.

Dengan kata lain untuk menentukan keperluan fizikal atau
moral pada usalnya tadi, manusia terpaksa bertindak secara ra-

2.2 EKONOMI.

Oleh kerana masyarakat disini masih belum begitu

'sophisticated', rasanya elok kita lihat pendapat Beattie me-

ntara sudi

rasional dan logik.

ngenai cara kajian ekonomi masyarakat yang begini. Pertama sekali melihat, "How people manage to extract the physical necessities of life from their environment", maksudnya, "... by which resources are exploited and to the kinds of social activities involved in production". Dan kedua, "What is done with the goods after they are produced". (2)

Dalam kajian ini, cara melihat perekonomian seperti yang disarankan oleh Beattie itu adalah digunakan. Disamping itu dicuba lihat apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masaalah atau halangan untuk memenuhi keperluan fizikal atau bioloji tadi.

Jadi ekonomi itu adalah kajian mengenai bagaimana manusia menggunakan punca-punca yang terbatas untuk memenuhi kehendak yang ^{tak}terbatas. Kesimpulannya, ekonomi adalah berpunca atau berasas daripada tingkah-laku manusia untuk memenuhi keperluan fizikal atau bioloji mereka dengan cara yang difikirkan paling baik. Tingkah-laku mereka ini adalah selari atau tidak bertentangan dengan kehendak sosial atau masyarakat.

Dengan kata lain untuk memenuhi keperluan fizikal atau mereka pada asalnya tadi, manusia terpaksa bertindak secara rasional dan lojik; tetapi selari dengan itu mereka terpaksa juga melakukannya mengikut kehendak atau melalui peraturan yang dapat diterima oleh masyarakat yang kadang-kadang pula tidak rasional dan lojik.

Untuk kajian ini dimasukan juga dibawakan konsep ekonomi itu ialah melihat pekerjaan, sumber mata pencarian, pembahagian kerja, pemilikan harta, pembahagian harta semasa bercerai hidup atau mati dan perwarisan harta.

2.3 ADAT PERPATIH.

Adat Perpatih adalah merupakan sistem peraturan hidup yang telah dicipta oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang atau Sri Mara Patih di Minangkabau, Sumatra. (3) Adat ini menentukan peraturan hidup masyarakat penganutnya supaya dapat hidup berrusan dengan sebaik-baiknya.

Tujuan dicipta Adat ini ialah supaya masyarakat penganutnya dapat hidup dengan aman dan damai, kerana kalau tiada adat;

Siapa kuat siapa melanda,

Siapa tinggi siapa menghimpit.

Dan dengan adanya adat, ditetapkanlah;

Kalau besar jangan melanda,

Kalau cerdik jangan menipu.

Agar terjamin;

Yang kecil jangan tertipu,

Yang besar jangan menipu. (4)

Adat Perpatih tidak dapat diketahui bilakah tarikhnya ia mula tercipta, tetapi apa yang jelas keujudannya adalah sebelum ugama Islam sampai ke Minangkabau. Jadi Adat Perpatih kita dapat adalah berdasarkan segala ketentuan yang dapat dilihat,

didengar dan dirasa diatas dunia ini saja.

Sistem peraturan hidup Adat Perpatih adalah berdasarkan keturunan nisab ibu (matrilineal), dan penempatan selepas berkahwin pula ialah ditempat tinggal ibu (uxorilocal). Maka dari sini lah asas itu diperkembangkan hingga mempengaruhi segala bidang lain seperti kehidupan sosial, ekonomi, politik atau kepimpinan dan sebagainya.

Disamping itu Adat Perpatih itu juga menentukan peraturan yang melingkupi segala institusi yang penuh untuk masyarakat. Misalnya ada praturan dari segi sosial, ekonomi dan politik yang masing-masing tiap-tiap satu terdapat pecahan didalamnya. Ada pun yang dinamakan Adat Perpatih itu ialah; "Cincang pampas, bunuh beri balas, anak dipanggil makan, anak buah sorong ke-balas" (5). Inilah yang dijadikan asas undang-undang Adat Perpatih disamping beberapa perbilangan yang bersesuaian dengan keadaan yang timbul.

Kesimpulannya, Adat Perpatih itu adalah dicipta oleh manusia yang berdasarkan pada ketentuan alam. Segala peraturan yang terdapat didalamnya adalah disimpulkan dalam segala kata-kata adat yang terdapat. Ia dikuatkuasakan tidak melalui paksaan. Ia juga adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan kehidupan di-alam nyata dan tidak dapat memuaskan kehendak tentang alam ghaib.

Nota Kaki.

SAB III.

- 1). A Dictionary of the Social Sciences, Editors, Julius Gould William L. Kolb, Tavistock Publication, 1964.
- 2). Beattie, J., Other Cultures, Cohen & West, London, 1964. Hal: 184. Sembilan terdapat 12 suku yang mencakup seluruh
- 3) Didapati dari Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, Hal: 113, dan Abu Chik Mat Sarom dll. Asal Usul Adat Perpatih, Malay Press, Kuala Pilah, 1962, Hal: 14.
- 4) M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, Bulan Bintang, Jakarta, 1957, Hal: 63 dan 64.
- 5). Untuk memahami makna dan huraian lebih lanjut sila rujuk Abd. Kahar Bador, Adat Perpatih Di Tanah Mengandung, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1960, Hal:128.

Buku ini dibentuk dari gabungan beberapa buah perut yang

di ketuai oleh seorang. Kata Azizah Kasih puli yang membuat
perut di sini kelantai banang, "Tiap-tiap satu suku dimana ini
masyarakat tanah-tanah adat dan posisi dan tanah-tanah itu adalah
dipegang oleh ahli-ahli peresutan suku dan diturunkan melalui
anak perempuan". (1)

Maka 'perut' puli lebih kecil daripada suku. 'Perut' ini melalui gabungannya membentuk suku, dan ia diketuai oleh se-

BAB III.

ADAT PERPATIH DALAM TIORI DAN PRAKTISNYA.

3.1a HIDUP BERSUKU-SUKU.

Di Negeri Sembilan terdapat 12 suku yang mendiami seluruh negeri itu. Bagaimana pun tidak semua kedua-dua belas suku itu terdapat dalam tiap-tiap luak atau daerah itu. Diantara satu-satu suku itu pula ada yang lebih ramai anggotanya dari suku yang lain. Nama-nama suku itu adalah berasal dari nama negeri asal orang-orang Minangkabau yang datang berpindah ke Negeri Sembilan. Misalnya kalau mereka itu berasal dari negeri Mungkal di Minangkabau dan meneroka disatu kawasan disini, maka mereka menamakan diri mereka suku Mungkal dan seterusnya. Kesemua suku itu ialah, Sri Melenggang, Paya Kumbuh, Mungkal, Sri Lemak, Batu Hampar, Batu Belang, Tanah Datar, Tiga Batu, Tiga Nenek, Anak Aceh, Anak Melaka dan Biduanda.

Suku ini dibentuk dari gabungan beberapa buah perut yang diketuai oleh Lembaga. Kata Azizah Kassim pula yang membuat kajian di Seri Menanti bahawa, "Tiap-tiap satu suku dimukim ini mempunyai tanah-tanah adat dan pesaka dan tanah-tanah itu adalah dipegang oleh ahli-ahli perempuan suku dan diturunkan melalui anak perempuan". (1)

Manakala 'perut' pula lebih kecil daripada suku. 'Perut' ini melalui gabungannya membentuk suku, dan ia diketuai oleh se-

orang Buapak. 'Perut' pula dibentuk oleh gabungan famili yang masih lagi dapat disusur-galurkan puncanya, dan merupakan unit kekeluargaan yang paling kecil. Dalam 'perut' ini dilarang sama sekali semenda menyemenda atau endogami.

3.2a FAMILI.

Famili adalah merupakan unit yang membentuk 'perut'. Nordin Selat telah membahagikan famili kepada empat iaitu; keluarga* sedarah senisab ibu, keluarga kedin, keluarga sedarah senisab bapa dan keluarga semenda. Bagaimana pun di Negeri Sembilan, famili sedarah senisab ibu adalah lebih dititik-beratkan. Sehubungan dengan ini terdapat pula satu institusi yang dinamakan 'berkedin', guna untuk mengambil anggota baru kedalam satu famili. Tujuan utamanya ialah untuk mengambil anak perempuan kalau satu-satu famili itu tidak mempunyai anak perempuan atau pun untuk menerima orang luar menjadi saudara. Kedin ini pula ada dua iaitu kedin 'adat' saja atau 'kedin adat dengan Pesaka'. (2)

Suami tidak menjadi anggota suku isterinya dengan perkahwinan. Dia masih lagi dianggap sebagai anggota suku famili asalnya. Tarafnya adalah sebagai Orang Semenda. Pada idealnya suami mesti tinggal dirumah isterinya dan mengerjakan tanah isterinya, tapi masa ini akibat pengaruh moden, ramai isteri yang

* Untuk kajian ini, dimaksudkan kepada famili.

sekoligus menjadi Tempat Semenda kepada bapanya. Jadi pun dia dibawa tinggal bersama suami. Ini kerana ramai suami yang berkerja ditempat lain atau dibandar-bandar menyebabkan mereka terpaksa membawa isteri mereka bersama-sama.

Dalam keadaan paling ekstrim, anak lelaki boleh menyingsirkan bapanya kerana dia adalah sesuku dengan ibunya dan bila besar menjadi Orang Tempat Semenda bapanya.

Ketika kecil adalah anak,

Sudah besar adalah Tempat Semenda. (3)

Bagaimana pun kejadian seumpama ini mengikut Zainal Keling tidak pernah terjadi.

3.3a PERHUBUNGAN DALAM FAMILI.

Mengikut pembahagian Zainal Keling dalam corak hubungan dalam famili, kita dapat melihat dari empat sudut; antara suami-isteri, antara ibu-bapa dengan anak-anak, antara anak-anak itu (Adik-beradik) dan antara suami dan Tempat Semendanya. (4)

Kalau mengikut tiorinya hubungan suami dengan isteri tidaklah kerap dan mesra. Begitu juga perhubungan ibu-bapa dengan anak-anak adalah berbeda diantara satu sama lain. "Pernhubungan seorang ibu dengan anak-anaknya adalah lebih rapat dari perhubungan anak-anak itu dengan bapa mereka". (5) Ini tidaklah menghairankan kerana anggota famili adalah dikesan dari nisab ibu, menjadikan anak-anak dengan ibu mereka berada dalam satu suku

sekaligus menjadi Tempat Semenda kepada bapanya. Lagipun ibu semenda juga tidak boleh dinukus oleh orang Semenda, bagi keadaan lebih banyak bersama-sama dengan anak-anak dalam rumah tangga. Bagaimana pun perkara ini telah berubah sekarang kerana ramai suami, ~~tempat semenda untuk disebut tindakan seorangnya.~~ (8) juga isteri yang telah bekerja misalnya menjadi guru, kerani dan ada juga menjadi buruh kasar untuk membantu suami menambah kah pendapatan.

~~tetapi dia ini kerana akibat pengaruh moden dan masyarakat modern suami isteri yang sebabnya tempat tinggal baru (selocal).~~

Perhubungan antara adik beradik tentulah rapat dan mesra yang kadang-kadang berjalin daripada Orang Tempat Semenda, kerana mereka sama-sama satu suku yang mana suku ini bolehlah dianggap 'tali pengikat' merapatkan mereka. Tambahan pula abang sulung akan punya kuasa yang besar nanti terhadap adik-beradik perempuannya sehingga tidak boleh diketepikan begitu saja dalam memilih bakal pasangan anak adik perempuannya.

Perhubungan suami dengan Orang Tempat Semenda pula adalah dalam keadaan tidak sama rata. Orang Tempat Semenda adalah lebih berkuasa (superior) daripada Orang Semenda yang dianggap lemah (inferior). Orang Semenda itu seolah-olah menompang saja kepada Orang Tempat Semenda, dan segala yang ingin dilakukan mestilah bernati-hati supaya jangan diumpat-keji oleh Orang Tempat Semenda.

~~Anggota keluarganya itu rindunya adalah seperti dalam rojak disebelah.~~

Tentang status dan peranan Orang Semenda bergantunglah kepadanya seluruh jenasi keturunan manusia dan kelebihan kelebihan mereka masing-masing. Tapi apa yang nyata tiap-tiap Orang Semenda itu ada peranannya mengikut kebolehan dan kelebihan masing-masing. Orang Tempat

Semenda juga tidak boleh dihukum oleh Orang Semenda, tapi kalau mereka merasa tidak puas hati mereka bolehlah mengadu pada Bu-apak, Besar atau Lembaga untuk diambil tindakan sewajarnya. (6)

Bagaimana pun keadaan ini sudah tidak seberat dan seketat dulu lagi kerana akibat pengaruh moden dan masa dimana ramai suami isteri yang membina tempat tinggal baru (neolocal) yang kadang-kadang berjauhan daripada Orang Tempat Semenda.

3.4a KEKELUARGAAN.

Anggota kekeluargaan hanya dikesan melalui nisab ibu (matrilineal) saja dan tempat tinggal pula adalah ditempat tinggal ibu isteri (uxorilocal). Segala lelaki yang datang menyemda kedalam satu kekeluargaan itu tidak dianggap sebagai anggota kekeluargaan isterinya. Mereka masih lagi kekal sebagai anggota kekeluargaan asal mereka dan berhak mendapat keistimewaan sukunya.

Tentang pengelompokan satu-satu anggota kekeluargaan itu Kahar Bador telah menerangkannya dengan panjang lebar. (7) Kedudukan dan panggilan anggota kekeluargaan itu ringkasnya adalah seperti dalam rajah disebelah. Anggota kekeluargaan ego dikesan melalui jenerasi keatas, kebawah dan kesisi.. Maksudnya segala saudara ibu, wan, nenek, moyang dan saudara sepupu, dua pupu masing-masing dan seterusnya adalah anggota kekeluargaan ego, asalkan sesuku dengan ego. (Lihat rajah 1)

Sejuga juga dengan O Moyang, Sesua Anek, Cucu,
Cicit, Piut, Oneng-Oneng dan Antah-Antah ego adalah anggota ke-
kekeluargaan ego. Begitu juga O Nenek.

Seterusnya dengan ego iaitu sepupunya yang ovam ibu mereka masing
yang saiki-beradik, saudara lelaki atau perempuan dalam anggota
kekeluargaan ego. Seterusnya dan pupu ego yang masing-masing mereka
saiki beradik dan seterusnya O Ibu.

Juga saiki-beradik saudara
perempuan ego iaitu perempuan adalah anggota kekeluargaan
ego masingnya.

O Ego.

Begaimana pun bukanlah semua anggota kekeluargaan itu
penting sebagai bagi ego. Ini jadi sebaliknya bersebalik menitahkan
status dan peranan orang lain. Dalam sainsnya masyarakat mengatakan
O Cucu.

kekeluargaan ego seperti Sesua, Setuknya, Saudari masingnya, Suci
Siapunya dan seterusnya.

O Cicit.

3.5. KEDUDUKAN DALAM KELUARGA

O Piut.

Pembaharuan dikilaskan anggota kekeluargaan Ibu adalah
O Oneng-Oneng.

seut dapat sahli seperti saiki-beradik dan anak-anaknya. Dari
jiran seperti kata Setuknya, Setuk, Lelaki sahli perempuan
dalam perut dan bukunya adalah relawan. Begitu juga perempuan
sesua lelaki dalam perut dan bukunya adalah relawan. Ia senang

Rajah 1. Kedudukan dan panggilan anggota kekeluargaan.

tidak sahkin. (3)

Serupa juga dengan jenerasi kebawah. Semua anak, cucu, cicit, piut, oneng-oneng dan antah-antah ego adalah anggota kekeluargaan ego. Begitu jugalah mengikut pecahan tinggang seketurunan dengan ego iaitu sepupunya yang cuma ibu mereka saja yang adik-beradik, samada lelaki atau perempuan adalah anggota kekeluargaan ego. Seterusnya dua pupu ego yang mana wan mereka adik beradik dan seterusnya. Begitu juga anak-anak adik-beradik perempuan ego lelaki perempuan adalah anggota kekeluargaan ego semuanya.

Bagaimana pun bukanlah semua anggota kekeluargaan itu penting belaka bagi ego. Ini juga bukanlah bermakna menidakan status dan peranan orang lelaki yang menyemenda kedalam anggota kekeluargaan ego seperti bapanya, datuknya, suami anaknya, suami cucunya dan seterusnya.

3.5a HUBUNGAN DALAM KEKELUARGAAN.

Perhubungan dikalangan anggota kekeluargaan itu adalah amat rapat sekali seperti adik-beradik dan anak beranak. Ini jelas seperti kata Nordin Selat, "Pada lelaki semua perempuan dalam perut dan sukunya adalah keluarga. Begitu juga perempuan semua lelaki dalam perut dan sukunya adalah keluarga. Ikatan keluarga yang demikian rupa membuat endogami, kawin sesuku, tidak mungkin". (8)

Perhubungan juga adalah lebih rapat dan mesra dikalangan sesama sepupu selari (parallel-cousin) daripada perhubungan diantara sepupu silang (cross-cousin). Maksudnya, perhubungan antara ego dan sepupunya yang ibu mereka adik beradik adalah lebih rapat diantara perhubungan ego dengan sepupunya yang ibu dan bapa mereka adik-beradik. Ini kerana sepupu silang ego itu tidak lagi sesuku dengannya. Tambahan pula sepupu ego tadi tinggal ditempat yang berasingan kerana bapa sepupunya itu atau bapa saudara ego terpaksa berpindah tinggal dirumah isterinya, (ibu sepupu ego).

Begitu juga dengan adik-beradik perempuan ibu yang dikira seakan-akan ibu betul atas taraf mereka, dan kerana itu mereka pun dipanggil 'mak', (9) dengan ditambah istilah kekeluargaan yang akan diterangkan dibawah tajuk istilah kekeluargaan selepas ini kelak.

3.6a PENENTUAN PASANGAN.

Perkahwinan didalam suku atau 'perut' adalah dilarang keras dalam Adat Perpatih. Perkahwinan begini adalah telah melakukan 'sumbang salah' seakan-akan sama sumbangnya berkahwin dengan adik-beradik sendiri. Pada masa dahulu hukumannya amat berat. (10)

Pada hakikatnya dimasa ini kejadian begini telah ada

berlaku. Contohnya seperti yang diceritakan oleh Kahar Bador (1960) didalam kajianya di Luak Jempol. Dan orang-orang yang melakukannya ternyata tidak dihukum sebagaimana yang terdapat pada tiorinya. Namun begitu kejadian ini tidaklah berlaku berleluasa.

Bagaimana pun ada pula orang tertentu yang jadi pilihan utama dalam menentukan pasangan perkahwinan, iaitu antara anak lelaki seorang buapak kadim dengan anak buahnya, sebagaimana kata Azizah Kassim, "Pada keseluruhan didapati ada unsur-unsur 'preferred marriage' terutamanya diantara anak lelaki seorang buapak kadim dengan anak buah kadimnya". (11) Ini juga berlaku di Melaka Utara seperti kata Zainal Keling, "Tiap-tiap seorang lelaki mahu mengambil anak lelaki adik-beradik perempuanya (sebagai menantu). (12)

3.7a PERKAHWINAN.

Kenduri kendara perkahwinan adalah dijalankan dari mula hingga akhir oleh Orang-orang Semenda, Tempat Menda, Waris Pesa-ka, orang dekat rumah dekat kampung dibawan aranan Buapak atau Besar. Tuan rumah cuma mengadakan segala kelengkapan untuk kenduri kawin itu saja. (13) Kecil besarnya perkahwinan itu ber-gantunglah kepada kemampuan tuan rumah. Pada zaman De Jong dulu misalnya, satu-satu temasya perkahwinan itu dilangsungkan sehingga tujuh hari tujuh malam. Tiga hari yang pertama ialah is-

tiadat berinai, hari ke empat dan ke lima pula ialah istiadat bersanding sebagai puncaknya, dan hari ketujuh diakhiri dengan mandi adat (ritual bath). (14)

Untuk peringkat perkahwinan itu ada berbagai pendapat tapi kesimpulannya antara satu dengan lain tidaklah bertentangan. Peringkat perkahwinan yang paling lengkap pengkaji rasa seperti yang telah diuraikan oleh Zainal Keling (1969). Peringkat itu adalah bermula dari merisek, pinangan atau hantar tanda, berkampong, berinai, mengisi adat atau langsung, bertandang atau menyembah dan akhirnya menikam jejak. (15) Tentang maskahwinnya pula bagi anak dara adalah sebanyak \$28.00 dan bagi janda pula sebanyak \$14.00. (16)

Apa yang menarik perhatian dalam istiadat perkahwinan itu ialah tentang keistimewaan layanan kepada 'Lembaga'. (17) Tentang penghormatan itu dimasa ini tidaklah seperti dulu lagi. Ini kerana telah banyak orang lain lagi yang harus sama-sama dihormati. "Dan kerana itu, penghormatan yang dulunya ditumpukan kepada ketua-ketua masyarakat tradisi saja, sekarang ini telah berbagi-bagi tumpuannya". (18) Misalnya kepada alim ulamak, gulungan yang bekerja makan gaji dan berjawatan baik, dan juga gulungan yang terpelajar.

Seperkara lagi yang menarik hati tentang segala adat istiadat perkahwinan itu dari mula hingga akhir ialah senikata di-tempat tertentu. Misalnya semasa hendak meminang, hendak menjem-

put pengantin, semasa Buapak mengisi maskahwin dan sebagainya mempunyai senikata-senikata tersendiri. Juga disamping itu ada pula syarat atau perjanjian tertentu misalnya semasa pertunangan. Syarat-syarat itu juga ada perbilangannya yang tersendiri. (19)

interi, rumah dan makamnya.

Juga setelah perkahwinan, Orang Semenda dengan Orang Tempat Semenda ada mempunyai pantang-larangnya yang tertentu. Pantang larang itu bagi Orang Tempat Semenda ialah;

Satu diberi dua ditarik;

Satu enau dua sigai;

Satu kapal dua nakhoda;

Ibu kalau di Pelesit dua sejenjang. Manakala pantang-larang Orang Semenda pula ialah;

Sudah diberi ditarik balik;

Sudah diuja dipegangkan ekor;

Sudah dipertaruuh dipermalami;

Sudah dipesan dituruti. (20)

Selain dari itu terdapat juga beberapa jenis perkahwinan yang diluar dari kebiasaan (irregular marriage) yang dibenarkan oleh adat. Ini telah diceritakan dengan panjang lebar oleh Moubray, iaitu; perkahwinan terkurung didalam, serah-menyerah, merumahi dan nikah taalik. (21)

3.8a PERCERAIAN.

Perceraian itu boleh dibagi kepada dua iaitu cerai mati dan perceraian sahaja. (22)

dan cerai hidup. Cerai mati pula terbagi dua lagi iaitu mati suami saja atau mati isteri saja. Bila sesuatu pasangan itu berkahwin suamilah yang akan berpindah tinggal kerumah isterinya dan semasa bercerai suami jugalah yang akan meninggalkan isteri, rumah dan anak-anaknya.

Sigai mencari enau,

Enau tetap sigai berganjak. (22)

Lelaki juga setelah bercerai tiada hak keatas anak-anak mereka kerana anak itu adalah hak isterinya.

Nordin selat mengatakan bahawa lelaki yang telah bercerai itu kalau dia mahu berkahwin lagi, dia kadang-kala digalakan berkahwin dengan adik iparnya iaitu adik isterinya, (ganti tikar). (23)

Perceraian adalah suatu perkara yang cuba dielakan, tapi kalau terjadi juga, akibatnya lebih buruk kepada suami. Dengan perceraian itu dia terpaksa balik semula kedalam sukunya dan sekaligus ikatannya dengan anak-anak akan terputus. Dia dan anak-anak nya akan menjadi anggota kepada suku yang berlainan. Dengan ini segala keistimewaan dan penat lelah yang telah dilakukannya dirumah isterinya dulu, sudah tak dapat dinikmati lagi. Bagi wanita pula, "Mereka tidak gentar menghadapi perceraian ... kerana tanpa bersuami pun wanita-wanita boleh hidup" kerana "Kebanyakan dari mereka ada rumah dan kampung halaman sendiri untuk tempat tinggal dan ada pula sawah dan kebun getah sendiri untuk mencari nafkah", (24)

Dalam cerai mati pula adalah malang sekali kalau isteri yang mati dulu. lebih-lebih lagi kalau lelaki itu sudah tua dan tidak mempunyai harta. Lelaki yang kematian isteri akan meninggalkan rumah isterinya serta anak-anaknya dan pulang keruman suku atau waris perempuannya. Pada hari kenduri arwah yang ketiga (25) datanglah Buapak dan anggota kekeluargaan suami itu menjemput suami tadi. Istiadat ini dinamakan 'Jemput', yang merupakan satu institusi yang secara resmi menjemput suami yang kematian isteri itu pulang keruman warisnya.

"Kemudian apabila seseorang lelaki telah bercerai samada cerai hidup atau cerai mati, maka baliklah ia menjadi tanggungan emak atau saudara perempuannya.... Kalau pun ia tinggal dengan anak-anaknya, apabila ia mati segala harta cariannya jatuh pada saudara perempuannya". (26)

Bagi isteri yang kematian suami pula kalau masih berkemampuan dan ingin kawin lagi, dia mestilah menunggu hingga lepas edahnya iaitu empat bulan sepuluh hari. Dia biasanya akan memulangkan bekas batang tubuh suaminya, iaitu songkok, seluar, kain sehelai, baju senelai, keris sebilah dan kasut sepasang kepada bekas mentuanya atau salah seorang waris suaminya. Dia tetap tinggal bersama-sama anak-anak dirumahnya. Tapi kalau dia tiada bernajat hendak berkanwin lagi, maka benda-benda itu tidak perlu dikembalikan. (27)

3.9a STATUS DAN PERANAN LELAKI DAN WANITA DALAM FAMILI
DAN KEKELUARGAAN.

Mengikut Nordin Selat, "Semua status adalah askriptif iaitu sudah ada pada seseorang itu berdasarkan kedudukannya dalam suku dan perut (28) Status dan peranan lelaki boleh dibagikan kepada dua iaitu sebagai Orang Semenda dan Orang Tempat Semenda. Ini khusus bagi mereka yang telah berkanwin. Sebenarnya pemisahan itu cuma untuk memudahkan nuraihan saja kerana pada hakikatnya status dan peranan lelaki sebagai Orang Semenda dan Orang Tempat Semenda adalah berjalan serentak.

Maksudnya bila dia telah berkanwin, dia menjadi Orang Semenda kepada pehak isterinya dan sekaligus pula menjadi Orang Tempat Semenda kepada lelaki lain yang berkahwin dengan perempuan yang sesuku dengannya. Tentang status dan peranan Orang Semenda adalah bergantung pada ciri-ciri peribadi dan kebolehan mereka masing-masing.

Orang Semenda dalam perkahwinan anaknya tidak boleh memberi kata putus. Kedudukannya adalah sebagai menompang saja kepada suku isterinya. Dia tetap dikira sebagai orang luar kerana sukunya berbeda. Kerana itulah dia tidak boleh dengan sewenang-wenangnya membuat satu-satu keputusan khususnya yang melibatkan famili dan kekeluargaan isterinya.

Bagaimana pun suami adalah menjadi ketua famili; 'Lingkungan bendul the 'life and blood' of the males', 'the four members of the family yang empat Orang Semenda yang punya'. Tapi bila dia ma-

hu membuat satu keputusan atau mengambil sebarang tindakan dalam hal yang bersangkut paut dengan familinya, dia juga terpaksa memikirkan reaksi isteri serta kaum keluarganya. (29)

Jadi jelaslah seperti kata Asmah Kasim, "Adatnya adalah... Orang lelaki dalam Adat Perpatih kalau mengikut tiorinya adalah menompang dari mula dilahirkan sehingga mati. Kata Moubray, "... the men were invariably supported before marriage by their mothers or sisters, and after marriage by their wife". (30) Walaupun kadang-kadang dia membina rumah, tapi rumah itu tetap didalam bahagian tanah pesaka isterinya.

Bagaimana pun keseluruhannya lelakilah yang punya kuasa besar, merancang, memutus dan menjalankan sesuatu kegiatan. Hanya lelai saja yang memegang jawatan ketua-ketua adat. Perempuan adalah dibawah kekuasaannya. "Dalam adat kaum perempuan disebut 'bona kandung', ibu yang melahirkan anggota masyarakat atau 'waris pesaka', anggota yang boleh mewarisi pesaka". (31) Abu Chik pula menambah perempuan juga digelar waris pesoko, pentawar sedingin dan peti bernian. (32)

Seterusnya Moubray menyatakan bahawa wanita yang mempunyai kelebihan ini mempunyai tanggung jawab yang besar pula. Oleh kerana mereka yang mewarisi harta pesaka, mereka terpaksa menyediakan rumah untuk lelaki anggota familinya sebelum mereka berkahwin, semasa bercerai atau semasa sakit pening; "... preservation of the 'life and blood' of the males". (33) Selanjut-

wanita juga bertanggung-jawab dalam menyelesaikan 'hutang pesaka'nya (debt of inheritance).

apa keistimewaannya, cuma seante-nata gelaran saja.

Jadi jelaslah seperti kata Azizah Kassim, "Kedudukan anak-anak perempuan dikalangan masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih ini adalah istimewa juga ... mereka ada pula tanggung-jawab yang lebih terhadap ibu-bapa dan adik ... (34)

3.10a GELARAN.

Kecil bernama,

Pengerusi keluarga ialah 'zak' atau 'ank' saja. Adik beradik Gelaran ini adalah diberikan kepada seseorang lelaki sempena dengan perkahwinannya. Gelaran ini selalunya diberi oleh Orang Tempat Semenda, kadang-kadang juga oleh adik-beradik perempuannya. Kata De Jong, gelaran itu, "... is a token of a man's maturity, of his initiation as a fully-fledged member of the community...". (35)

Contoh gelaran itu adalah seperti Kodo (Nakhoda), Menteri (Menteri), Merajo (Sri maharaja), Laksamano (Laksamana), Kari (Qari), Bilal (Bilal), memporang (Imam Perang). ((36) Gelaran itu hanya disandang oleh lelaki saja. Ia diletakan dipangkal nama seseorang, misalnya memperang Yasin kalau nama orang yang dapat gelaran itu Yasin, dan seterusnya.

Gelaran itu ada juga membawa implikasi tertentu kepada penyandangnya. Misalnya Kari kepada mereka yang pandai mengaji

Quran, dan Bilal pula bertugas disurau atau masjid untuk berazan. Gelaran seperti Menteri, Sri Maharaja itu tidak ada apa-apa keistimewaannya, cuma semata-mata gelaran saja.

Bagaimana pun istilah-istilah ini tak pentingnya dapat 3.11a ISTILAH PANGGILAN KEKELUARGAAN. Ibu dan kekeluargaan itu terdiri kecil atau berbilang besar.

Dalam famili dan kekeluargaan ada istilah tertentu untuk memanggil seseorang itu. Istilah itu jadi penunjuk kepada status dan peranan seseorang itu berdasarkan umur dan jantinanya.

Panggilan kepada ibu ialah 'emak' atau 'mak'saja. Adik beradik ibu yang perempuan juga dipanggil 'mak' dengan ditambah dengan ditambah 'Long' untuk yang tua, 'Ngah' untuk yang kedua, 'Alang' untuk yang ketiga, 'Andak' untuk yang keempat, 'Uteh' untuk yang kelima, 'Itam' untuk yang keenam dan 'Ancu' atau 'Acu' untuk yang bongsu.

Istilah 'indok' juga meliputi panggilan kepada perempuan yang pertalian dengan 'ibu' ialah sepupu; iaitu emak mereka dan emak 'ibu' adik-beradik, dan seterusnya dalam satu perut hingga-lah seterusnya dalam satu suku. (37)

Bagi adik-beradik lelaki ibu juga istilah ini dipakai dengan panggilan 'mak' itu digantikan dengan panggilan 'pak'. Begitu juga dikalangan adik-beradik. Bagi kakak yang tua sekali dipanggil Kak Long, dan abang pula dipanggil Bang Long. Seterusnya istilah seperti memenggil 'mak' dan 'pak' saudara diatas,

cuma perkataan 'mak' dan 'pak' itu digantikan dengan perkataan 'kak' dan 'bang'.

Bagaimana pun istilah-istilah ini tak semestinya dapat digunakan kesemuanya kalau sesuatu famili dan kekeluargaan itu terlalu kecil atau terlalu besar.

Istilah-istilah ini membawa sedikit perbedaan implikasi kepada status dan peranan seseorang lelaki dan perempuan yang sefamili atau sekeluargaan. Misalnya Pak Long atau Mak Long lebih tinggi status dan besar peranannya dalam kekeluargaan daripada Pak Acu atau Mak Acu. Begitu juga Bang Long atau Kak Long lebih tinggi status dan besar peranannya dalam famili dari pada adik-beradiknya yang lain.

Dalam lingkungan bandar yang besar orang seconde yang punya tumpuan yang digunakan adalah untuk setakat bentuk pengalaman dalam famili mereka. Mereka tidak beri kewenangan dan bertindak berseorongan alih-alih dalam perkahwinan mereka. Ini adalah tanggung-jawab mereka diantara diri mereka isterinya, emara isterinya khususnya bukan kandis saudara. Japak tujuh ini juga dikenali sebagai 'mamak'. Dalam suatu rumah walaupun memperkatakan tentangnya, "in the house of this house-hold stands the mother's eldest brother. This person, the uncle on the mother's side, the uncle so he is called, has the right and duties of a real father in respect of his sisters' children, his kawakan". (38)

BAHAGIAN B: KEPIMPINAN DAN KUASA. sejurus sebarang keputusan atau
tindakan atau sebarang pelaksanaan tanpa mengira siapa atau bantahan.

3.1b DALAM FAMILI DAN KEKELUARGAAN. Dalam hal ini, seorang tindakan atau
keputusan suami adalah dianggap orang luar kerana dia mempunyai
suku yang tidak sama dengan suku isteri, anak dan waris isterinya.
Dalam satu famili dan kekeluargaan itu, suami adalah mem-
punyai kuasa yang kecil saja. Pada logiknya memang begitu.
Dia hanya seorang saja yang datang kedalam suku isteri dan wa-
risnya melalui perkahwinan, sedangkan yang menanti iaitu isteri
dan warisnya adalah ramai. Jadi berdasarkan ini, suami tidak
boleh 'memerintah' atau membuat sebarang keputusan yang bersang-
kutan dengan famili dan kekeluargaan isterinya dengan sewenang-
wenangnya. *"See Brunei".* (39)

Bagaimana pun kata adat: lingkungan bendul yang empat
orang semenda yang punya. Tapi kuasa yang digunakan adalah ter-
had setakat membuat keputusan dalam famili nya saja. Dia tidak
boleh beri kata putus dan bertindak berseorangan misalnya dalam
perkahwinan anaknya. Ini adalah tanggung-jawab bersama dianta-
ra dia dengan isterinya, saudara isterinya khususnya buapak ka-
dim anaknya. Buapak kadim ini juga dikenali sebagai 'mamak'.
Seterusnya Boubray telah memperkatakan tentangnya, "At the head
of this house-hold stands the mother's eldest brother. This
person, the uncle on the mothers side, the mamak as he is cal-
led, has the right and duties af a real father in respect of
his sisters' children, his kemanakan". (38)

Kaum perempuan pula mesti menerima sebarang keputusan suaminya atau saudara lelakinya tanpa ragu-ragu atau bantahan. Dengan kata lain, kaum perempuan dalam sebarang tindakan untuk mengambil keputusan tidaklah mempunyai tekanan yang berat. Mereka cuma menurut saja apa-apa keputusan yang baik yang diambil samada oleh suami atau warisnya.

Lebih jelas lagi kalaupun kita lihat perbilangan Adat Melayu, Bagaimana pun kuasa bapa saudara itu sehingga kehari ini, (sekurang-kurangnya tahun 1969) masih cuba untuk dikekalkan. Caranya dengan mengambil anak adik perempuannya untuk dijadikan menantu. Dengan ini seperti kata Zainal Keling, "... dia mempunyai dan dapat menjalankan kuasanya keatas adik-beradik perempuannya dan anak buahnya". (39)

Keseluruhannya dimasa ini kerana pasangan suami isteri telah banyak membuat tempat tinggal baru (neolocal) yang berjauhan dengan tempat asal isterinya, maka kuasa bapa saudara itu tidaklah lagi sehebat dulu.

3.2b DALAM MASYARAKAT.

Terdapat begitu banyak versi tentang perbilangan Adat mengenai kepimpinan dan kuasa dalam masyarakat. Misalnya Kahar Bador telah mengemukakan tiga versi, tapi beliau mengambil satu versi yang dikira menyeluruh kepada rangka susunan kepimpinan dan kuasa dalam masyarakat Adat Perpatih (40) iaitu:

Alam beraja,
 atau-satu berpnnghulu, Suku berperanan sebagai Atu-
 bapa kepada suku. "Pemerintah" pula dilakukan dengan
 kebulatan. Suku berlembaga, buapak dengan anak buah (42).
 Anak buah berpuapak,
 Orang Semenda bertempat Semenda.

Lebih jelas lagi kalau kita lihat perbilangan ini menge-
 nai kepimpinan dan kuasa yang berjanjar naik dan bertangga turun
 itu, iaitu:

Raja memerintahkan alam,
 Penghulu memerintahkan luak,
 Lembaga memerintahkan suku,
 Besar memerintahkan waris,
 Buapak memerintahkan anak buah,
 Anak buah memerintahkan Orang Semenda,
 Orang Semenda memerintahkan waris
 pesoko iaitu isterinya. (41)

Maksud perbilangan itu kalau dilihat dari bawah ialah
 Orang Semenda (suami) adalah berkuasa keatas famili iaitu anak
 dan isterinya. Sebarang keputusan yang melibatkan familiinya de-
 ngan famili lain (inter-family) mestilah dirundingkan dulu ber-
 sama-sama dengan waris isterinya khususnya buapak kadim iaitu
 abang iparnya.

Buapak ialah seorang lelaki dalam satu perut yang diang-
 kat menjadi ketua melalui kebulatan dalam muafakat diantara sa-

satu-satu kumpulan keluarga. Beliau berperanan sebagai ibu-bapa kepada segala anak buahnya. 'Besar' pula dilantik dengan kebulatan muafakat diantara Buapak dengan anak buah. (42)

Diatas daripada Buapak dan Besar itu ialah Lembaga. Dia dipilih diantara anggota lelaki dalam satu-satu suku dengan giliran mengikut 'perut-perut'. Inilah yang dinamakan 'pesaka bergilir'. (43) Dia dilantik dengan kebulatan Buapak dengan anak buah. Lembaga adalah ketua adat dalam satu-satu suku, yang kuasanya terbatas dalam suku itu saja.

Seterusnya Penghulu Luak adalah orang yang berjawatan ketua adat yang tertinggi dalam satu-satu luak itu. Perlantikannya adalah dengan kebulatan segala Lembaga yang terdapat dalam satu-satu luak. Beliau adalah sebagai ketua turus adat dalam satu-satu luak dan bertanggung-jawab untuk memelihara, mengekalkan dan mentadbirkan adat. Kemudian terdapat empat orang Undang di Negeri Sembilan. Ia disandang oleh orang-orang yang bersuku Biduanda sahaja.

Akhir sekali diperingkat paling atas iaitu diperingkat negeri ialah Raja. Raja adalah dilantik mengikut warisan sebelah bapa. Baginda di penggil Yang Di Pertuan Besar atau Yam-tuan sahaja. Raja ini dilantik oleh Undang yang empat.

Ada pun adab mengadap ketua-ketua adat diatas adalah ber-

beda-beda. Untuk mengadap Buapak dan Besar nemadai dengan hormat saja. Mengadap pada Lembaga menggenggam dua tangan paras dada. Mengadap pada Penghulu Luak angkat dua tangan menjunjung duli paras dagu. Mengadap pada Undang angkat dua tangan paras hidung. Dan mengadap pada Raja ialah mengangkat tangan menjunjung duli paras kening. (44)

Segala bentuk kepimpinan dan kuasa yang dihuraikan adalah pada peringkat tiorinya saja. Sekurang-kurangnya sejak tahun 1895 M, sudah mula berlaku perubahan dengan kemasukan British campur-tangan dalam pentadbiran di Negeri Sembilan. Dengan perubahan ini kedudukan raja adalah bertambah kukuh dan terjamin, sebaliknya Penghulu Luak dan Lembaga kian pudar kuasanya.

Juga ugama Islam turut menggoncang kedudukan ketua adat itu, misalnya Lembaga; mereka tidak lagi dinurmati seperti sebelum kekuatan pengaruh Islam. (45) Pengaruh pelajaran moden juga menyebabkan anggota masyarakat berpandangan luas. Mereka yang terpelajar dan mereka yang mendapat pekerjaan yang baik dengan kerajaan telan sama-sama dihurmati oleh masyarakat. Dengan itu penghormatan yang sebelum ini tertumpu kepada ketua-ketua adat saja sudah menjadi berbagi-bagi.

bantuan. Dua sumber mata pencarian datangnya dari pertanian.
BAHAGIAN C: EKONOMI. apa yang lebih penting dalam kehidupan

~~Adat Perpatih~~ Adat Perpatih memang tidak dapat dinafikan amat beratkan ekonomi masyarakatnya. Dalam adat 'emas' adalan dilambangkan kepada harta kekayaan. Ini jelas dalam perbilangan Adat yang banyak kedapatan, antaranya;

'Hilang rupa dek penyakit,
 Hilang bangsa dek tak beremas.
 Emas pendinding malu, ni suatu
 Kain pendinding miang. (46)
 Mereka juga digalakan merantau sebelum berkahwin untuk mengumpulkan harta kekayaan dan dibawa pulang satu masa nanti.

3.1c PEKERJAAN (SUMBER MATA PENCARIAN).

Asas perekonomian masyarakat tradisi itu ialah pertanian dan intipati perekonomian tradisi itu ialah sistem perekonomian yang berdasarkan milik bersama. (47) Ini jelas bagaimana Adat Perpatih menitik beratkan tanah. Tanah dijadikan harta pesaka dan menjadi milik suku. Begitu juga hak milik perseorangan, segala-galanya akan menjadi hak milik suku akhirnya.

Masyarakat Adat Perpatih tradisional umumnya dengan itu bekerja dan mendapatkan sumber mata pencarian daripada tanah, atau masyarakat tani. Sebelum 1891, iaitu sebelum getah diperkenalkan, masyarakat Adat Perpatih bergantung hidup kepada penanaman gambir, lada hitam dan tumbuh-tumbuhan yang mendatangkan

hasil. Juga sumber mata pencarian datangnya dari pekerjaan melombong bijih. (48) Apa yang lebih penting ialah pekerjaan menanam padi. Tanah sawah menjadi milik bersama seperut dan sesuku. Oleh kerana begitu terlibatnya mereka dengan sawah timbulah beberapa institusi dalam pengeraian sawah itu seperti institusi tolong-menolong dan seraya-menyeraya.

3.28 Mengikut Moubray pula sebelum getah diperkenalkan, masyarakat Adat Perpatih di negeri Sembilan mempunyai tiga jenis tanah untuk dikerjakan, iaitu; dusun, ladang dan terpenting ialah tanah sawah. (49) Hingga kemasa ini sumber mata pencarian itu masih diteruskan, tapi apa yang ditanam dan apa tanaman yang dititik-beratkan sudah banyak berubah daripada masa dulu. Namun begitu menanam padi dan dusun buah-buahan masih lagi diteruskan hingga kehari ini.

Mengikut Swift di Jelebu, "The Malay economy in Jelebu... base on the production of three crops, rice, rubber and fruit." (50) Ini dibenarkan oleh Nordin Selat, katanya, "Hampir semua masyarakat Adat Perpatih punya hubungan dengan getah. Getah adalah sumber wang tunai yang utama". (51)

Begitu juga dengan perniagaan atau lebih tepat lagi berkedai runcit. Perkara ini telah diuraikan dengan panjang lebar oleh Mohd. Yusuff Hj. Hussin. (52) Didapati ramai masyarakat Melayu yang telah mencebukan diri dalam perniagaan berkedai runcit ditempat kajian. Juga dimasa ini ramai yang telah

keluar untuk bekerja samada dengan kerajaan, syarikat atau bekerja sendiri dibandar-bandar. Ini kerana sebagaimana kata Nor-din Selat, "Tanah pesaka cuma memberi 'asas' ekonomi secukup hidup saja, 'tanah seluas kangkang kera, rumah tiang empat batang, sawah selopak dua'". (53) *dan selalunya selalu ada anak-anak". (55)*

3.2c PEMBAHAGIAN KERJA.

Pembahagian kerja dalam masyarakat Adat Perpatih tradisional adalah berdasarkan status, umur, dan jantina. Pada bentuk idealnya lelakilah yang banyak bekerja disawan pada masa itu membantu isterinya. Sedangkan isteri menjaga dan menguruskan rumah tangga serta anak-anak. Tetapi oleh kerana sawan adalah dimiliki oleh perempuan, maka sebagai akibatnya lelaki kurang bergiat dalam persawahan. Ini diakui oleh Azizah Kassim sebagaimana katanya, "... kurangnya penyertaan lelaki, khasnya suami didalam usha-usha bersawah padi itu seolah-olah menunjukan mereka kurang berminat dalam bidang ini. Hal seperti ini mungkin berpunca dari corak pemilikan tanah sawan yang terdapat di tempat ini dan dari kedudukan suami itu sendiri". Jadi dengan itu, "Suami selalunya bertanggung-jawab atas soal wang dan oleh yang demikian semua hal yang bersangkut-paut dengan mencari wang untuk keluarga atau perbelanjaan rumah tangga adalah ditangan suami". Manakala, "Si isteri lebih banyak membuat kerja dirumah - menguruskan rumah-tangga dan menjaga anak-anak serta bersawah padi". (54)

Si suami pula bekerja menoreh getah untuk mendapat wang. Bukannya suami selama-lamanya tidak mahu bergiat disawah padi, tapi sebagaimana kata Azizah Kassim lagi, "Dari penyiasatan yang dilakukan didapati bahawa kebanyakkan suami hanya akan berusaha betul-betul untuk kepentingan familinya selepas mendapat anak". (55) *Oleh sebaliknya yang membela.* (57)

Keadaan ini sudah jauh benar berubah dimasa ini, misalnya di Kampong Terusan seperti yang pernah dikaji oleh Aziz Ujang dimana didapatinya ramai juga isteri yang pergi bekerja diladang mengambil upah untuk membantu suami dalam menambahkan jumlah pendapatan yang berbentuk wang. Tapi beliau tak menafikan yang bekerja disawah keseluruhannya dikerjakan oleh wanita dimana lelaki amat sedikit sekali campur-tangan. (56)

Jadi dapat dirumuskan dalam masyarakat adat rerpatrih tugas sebagai isteri adalah agak berat juga dimasa ini. mereka terpaksa menguruskan rumah-tangga dan anak-anak, mengerjakan sawah dimusim bersawah dan juga menolong suami menambahkan sumber mata pencarian seperti bekerja diladang atau dalam perniagaan. Juga dimasa ini ramai suami bekerja makan gaji dengan kerajaan. Sering juga anak perempuan atau isteri yang bekerja diperjabat atau sebagai guru. Jadi pembahagian kerja mengikut perekonomian secara tradisi sudah tidak berjalan lagi keseluruhannya.

territorial unity as an instrument dalam pengembangan karyaku-
nti Mankukut. (58)

3.3c PEMILIKAN HARTA. dan Swift bapa juga bertanggungjawab menyediakan bahagian anak perempuannya, (nyior sebatu), seolah seolah Terbit pusaka kepada saka, perkawinannya. (60) Harta pesaka & Silelaki menyandang pusaka, tanah, juga berbentuk rebah, dari Siperempuan yang punya pesaka, mengikut Roukrey punya anak Orang Semenda yang membela. (57) Berhak memiliki suman dan tanah kepong di mana rumah itu berdiri, manakala awam perempuan yang memiliki harta. Daripada ungkapan perbilangan diatas nyata sekali kaum adalah dibutuhkan olehnya pun untuk mendapatkan sebuah perempuan yang memiliki harta. Tetapi lelaki iaitu waris berhak menggunakaninya, lebih-lebih lagi dimasa belum berkahwin, dimasa bercerai dan dimasa sakit. Namun begitu lelaki boleh juga memiliki harta dengan jalan mencari sendiri. Manakala Orang Semenda pula cuma membela saja harta itu. Maksudnya mengerjakan bagi tujuan mengeluarkan hasil.

Ada dua jenis pemilikan harta iaitu harta pesaka dan harta carian. Untuk lebih jelas lagi De Jong telah membahagikannya seperti dibawah; (58)

Harta.

Harta Pesaka

Harta Carian.

Ibu diutamakan.

Caraan Laki Bini

Carian Bujang.

Sebelum Berkanwin Selepas Bercerai.

Harta pesaka ini terutama tanah pesaka, "... mengujudkan territorial unity yang instrumental dalam mengekalkan masyarakat muafakat". (59)

untuk kepentingan perniagaan mereka. (60)

Mengikut Moubray dan Swift bapa juga bertanggung-jawab menyediakan bahagian anak perempuannya, (nyior sebatang, sawah selopak, kampong sesudut) semasa perkahwinannya. (60) Harta pesaka itu selain daripada berbentuk tanah, juga berbentuk rumah, barang-barang kemas dan sebagainya. Mengikut Moubray hanya anak perempuan yang tertua saja yang berhak memiliki rumah dan tanah kampong dimana rumah itu terdiri, manakala sawah adalah dibagi-bagikan. Bagaimana pun anak lelaki berhak mendapat jaminan hidup atas tanah pesaka. Moubray menambah, "Ancestral land cannot become the absolute property of male even in the absence of a female third cousin". (61)

Begitu juga dengan dusun buah-buahan, adalah dimiliki oleh perempuan. Bagaimana pun lelaki berhak menikmatinya, bahkan menjualkan hasilnya. Dan kalau dia meninggalkan rumah untuk berkahwin atau merantau dia juga dibenarkan oleh adat membawa bersama-samanya harta bahagian ibunya itu samada dalam bentuk wang atau benda. (62)

Kesimpulannya dalam pemilikan harta kaum perempuan adalah diutamakan. Tapi bagi mereka yang memiliki harta pesaka itu mempunyai tanggung-jawab yang tertentu pula keatas anggota familiinya. Kata Moubray, "... the holder of ancestral property is responsible for the life and blood of all members of the family". (63) Tanah pesaka ini tidak boleh dijualkan kepada orang lain selain daripada kumpulan kekeluargaan dengan tujuan untuk kepentingan perut dan suku. (64)

Keadaan ini sudah jauh berubah dimasa ini. Ini disebabkan oleh kedatangan British tahun 1895M yang campur tangan dalam urusan pentadbiran. Undang-undang tanah baru mengikut Sistem Torrens telah diperkenal dan dikuat-kuasakan. (65) Akibatnya lelaki telah berpeluang memiliki tanah atas nama sendiri. Jadi, "Dengan mempunyai harta sendiri dan juga rumah sendiri maka sistem harta milik bersama itu telah tertinggal. Sebagai gantinya timbul corak perekonomian yang lebih menitik-beratkan kepada kepentingan diri sendiri". (66) Juga Pejabat Ugama Islam telah melarang menjadikan tanah pusaka yang baru yang sekaligus membenarkan lelaki mewarisi harta.

3,4c PEMBAHAGIAN HARTA (SELEPAS BERCEBURI HIDUP/MATI).

Suarang beragih,
 Sekutu belah,
 Pembawa kembli,
 Dapatan tinggal,
 Carian bagi,
 Mati laki tinggal kebini,
 mati bini tinggal kelaki,
 Kalau tiada anak antara keduanya.

Perbilangan diatas adalah menjadi asas kepada cara pembahagian harta selepas bercerai samada hidup atau mati. Harta pembawa adalah harta lelaki (suami) yang dibawanya bersama-sama semasa berkahwin. Harta itu termasuklah bahagian yang

diberikan padanya oleh familiinya dan harta carian bujangnya. Harta dapatan adalah harta perempuan (isteri) yang termasuklah harta pesaka dari famili dan harta carian bujangnya, atau bahagian carian laki bini semasa perkahwinannya sebelum ini. Harta ini boleh di dintrepetasikan sebagai keuntungan kepada suami yang berpunca dari perkahwinannya.

Harta carian pula adalah sama-sama dimiliki yang didapati bersama oleh suami-isteri sepanjang perkahwinan mereka, Segala harta ini hendaklah diistiharkan semasa perkahwinan dan sekali lagi semasa bercerai.

Semasa bercerai hidup atau mati, segala harta 'pembawa' itu adalah hak suami untuk dibawanya balik ketempat asalnya, iaitu kerumah waris yang menjemputnya. Segala harta 'dapatan' itu pula tidaklah ada haknya untuk menuntut. Itu adalah hak mutlak isterinya. Manakala harta carian pula termasuklah hutang-piutang dan semasa perceraian itu hendaklah dibagi dua. Tapi anak tetap tinggal dengan isteri atau waris isterinya. "... maka oleh itu adat berkuasa menahan harta kerana anak. Suami keluar dari rumah isteri dengan pakaian saja". (67)

Pembahagian harta carian laki bini semasa bercerai hidup ialah dibagi dua. Tapi kalau bercerai mati misalnya, suami mati dulu, harta tinggal kepada isteri dan anak-anak. Dan kalau

Kecenderungan akan diwariskan kepada anak-anaknya. Isteri mati dahulu, harta itu tinggal kepada suami dan anak-anak. Kalau tiada anak, harta itu terserah kepada salah seorang yang hidup (68) De Jong mengatakan, "In case of divorce, or when a married man dies, the pesaka which lent to him return to his suku". (69) Ini ditambah oleh Nordin Selat, "Apakala seseorang lelaki telah bercerai, samada cerai hidup atau cerai mati, maka baliklah ia menjadi tanggungan emak atau saudara perempuannya, ... kalau pun ia tinggal dengan anak-anaknya, apabila mati segala harta cariannya tetap jatuh pada saudara perempuannya". (70)

Tentang 'suarang beragih' pula bermakna tempat Semenda kedin 'bersuara' pada Orang Semenda mengunjuk beri harta untuk siisteri itu. 'Kutu Belah' bermakna semasa bercerai harta perkongsian laki bini yang tidak dipesakakan dibelah dibagi dua. (71)

3.5c PERWARISAN HARTA.

Ada dua jenis harta yang besar iaitu harta pesaka dan harta carian. Harta carian ini akan jadi harta pesaka juga lama-kelamaannya. Harta pesaka termasuklah didalamnya rumah, sawah, dusun, barang-barang kemas dan sebagainya; adalah hak mutlak perempuan untuk mewarisinya. Dalam adat lelaki tidak sekali-kali dibenarkan mewarisi harta pesaka walaupun dia anak tunggal.

Segala harta pesaka isteri dengan harta cariannya adalah

keseluruhannya akan diwariskan kepada anak-anak perempuannya. Sekiranya tiada, kepada waris perempuannya. Lelaki hanya berhak keatas harta cariannya, samada carian bujang atau carian hasil daripada bahagiannya selepas bercerai, dan tidak boleh diwariskan kepada anak-anaknya. Sebaliknya ia jatuh kepada waris perempuannya, seperti kata Moubray, "If the man dies during the bachelor period within which they were acquired they can obviously be inherited by none but his waris". (72)

Bagaimana pun kebun (plantation) boleh diwariskan kepada anak-anak. Kata Moubray lagi, "Rice fields and orchard cannot be inherited by men, plantation can. Rice field and orchard on being inherited by children cannot be sold, plantation can. Plantations become ancestral on being transmitted to great-grand children". (73)

Tapi cara perwarisan harta begini telah banyak ditentang. Misalnya dari kaum lelaki yang mendapat bahagian yang amat sedikit harta kekayaan. Juga dari gulungan yang memehak kepada ugama Islam. Selain dari itu gulungan kecil orang-orang berada juga ingin mewariskan harta carian mereka kepada anak-anak terutama anak lelaki mereka. Gulungan ini dan juga gulungan yang lain selalunya mencari perlindungan atau pemberian dari ugama Islam, dimana Islam dalam sistem pembahagian harta Faraidnya membenarkan harta diwariskan kepada anak lelaki bahkan dalam kadar yang lebih banyak pula dari perempuan.

keseluruhannya akan diwariskan kepada anak-anak perempuannya. Sekiranya tiada, kepada waris perempuannya. Lelaki hanya berhak keatas harta cariannya, samada carian bujang atau carian hasil daripada bahagiannya selepas bercerai, dan tidak boleh diwariskan kepada anak-anaknya. Sebaliknya ia jatuh kepada waris perempuannya, seperti kata Moubray, "If the man dies during the bachelor period within which they were acquired they can obviously be inherited by none but his waris". (72)

Bagaimana pun kebun (plantation) boleh diwariskan kepada anak-anak. Kata Moubray lagi, "Rice fields and orchard cannot be inherited by men, plantation can. Rice field and orchard on being inherited by children cannot be sold, plantation can. Plantations become ancestral on being transmitted to great-grand children". (73)

Tapi cara perwarisan harta begini telah banyak ditentang. Misalnya dari kaum lelaki yang mendapat bahagian yang amat sedikit harta kekayaan. Juga dari gulungan yang memehak kepada uga-ma Islam. Selain dari itu gulungan kecil orang-orang berada juga ingin mewariskan harta carian mereka kepada anak-anak terutama anak lelaki mereka. Gulungan ini dan juga gulungan yang lain selalunya mencari perlindungan atau pemberian dari ugama Islam, dimana Islam dalam sistem pembahagian harta Faraidnya membenarkan harta diwariskan kepada anak lelaki bahkan dalam kadar yang lebih banyak pula dari perempuan.

Nota kaki. mengetahui lebih lanjut sila lihat, Zainal Keling,
op. cit, Hal: 211 hingga 231.

- 1). Azizah Kassim, Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu berAdat Perpatih di Negeri Sembilan, K.L. 1969, thesis M.A., hal: 60.
- 2). Untuk huraian lebih lanjut sila lihat Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, 1975, (salinan diperpustakaan Universiti Malaya), Hal: 61 hingga 64; dan segala upacaranya pula sila lihat Abu Chik, op. cit. Hal: 53 hingga 54.
- 3). Zainal Keling, Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara, Thesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Hal: 159.
- 4). Ibid, Hal: 165.
- 5). Azizah Kassim, op. cit. Hal: 87.
- 6). Mengikut keterangan Abdullah Siddik, op. cit. Hal: 52.
- 7). Untuk pemahaman lebih lanjut sila lihar A. Kahar Bador, op. cit. Hal: 62 hingga 68.
- 8). Nordin Selat, op. cit. Hal: 56.
- 9). Abd. Kahar Bador, op. cit, Hal: 62.
- 10). Untuk mengetahui lebih lanjut sila rujuk Abd. Kahar Bador, op. cit, Hal: 76 hingga 78; dan Nordin Selat, op. cit, Hal: 56.
- 11). Azizah Kassim, op. cit, Hal: 106.
- 12). Zainal Keling, op, cit, Hal: 203.
- 13). Mengikut keterangan Abu Chik, op. cit, Hal: 63 hingga 64.
- 14). Patrick Edward De Josselin De Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan. Socio-Political Structure in Indonesia, Leiden, 1922, Hal: 127.

- 15). Untuk mengetahui lebih lanjut sila lihat, Zainal Keling, op. cit, Hal: 213 hingga 231.
- 16). Abu Chik, op. cit, Hal: 66.
- 17). Untuk melihat bagaimana hebatnya kelengkapan dan layanan yang diberikan kepada lembaga, sila lihat Abd. Kahar Bador, op. cit, Hal: 90 hingga 91; dan Abu Chik, op. cit, Hal: 63.
- 18). Abd. Kahar Bador, op. cit, Hal: 144. ~~ada menuliskan petikan~~
- 19). Untuk itu sila lihat Zainal Keling, op. cit, Hal: 204.
- 20). Selanjutnya sila lihat Abu Chik, op. cit, Hal: 26 hingga 27
- 21). Selanjutnya sila lihat petikan Parr & Mackray oleh G.A. De. C. DE Moubray, Matriarchy, in the Malay Peninsula and Neighbouring Countries, London, George Routledge & Son, Ltd, 1931, Hal: 111 hingga 112. ~~hal: 66~~
- 22). Nordin Selat, op. cit, Hal: 91.
- 23). Ibid, Hal: 71.
- 24). Azizah Kassim, op. cit, Hal: 175 hingga 176.
- 25). Mengikut Abu Chik, op. cit, Hal. 74. ~~cit, hal: 138~~
- 26). Nordin Selat, op. cit, Hal: 201.
- 27). Mengikut keterangan Abu Chik, op. cit, Hal: 73 hingga 74.
- 28). Nordin Selat, op. cit, Hal: 220. ~~sent society~~
- 29). Sebagaimana kata Azizah Kassim, op. cit, Hal: 82.
- 30). De Moubray, op. cit, Hal: 24.
- 31). Nordin Selat, op.cit, Hal: 8. ~~di Paketai mencipta~~
- 32). Ertinya sila lihat Abu Chik, op. cit, Hal: 27 hingga 28.
- 33). Selanjutnya sila lihat Moubray, op. cit, Hal: 123 hingga 124.
- 34). Nordin Selat, op.cit, hal:150.

- 34). Azizah Kassim, op.cit, hal: 89.
- 35). De Jong, op.cit, hal:128.
- 36). Nordin Selat, op.cit, hal: 71.
- 37). Abd. Kahar Bador, op.cit, hal: 63.
- 38). Moubray, op.cit, hal: 73.
- 39). Zainal Keling, op.cit, hal:204.
- 40). Sila lihat Abd. Kahar Bador. Beliau ada menuliskan petikan perbilangan itu dan huraiannya, op.cit, hal: 54 hingga 56.
- 41). Abu Chik, op.cit, hal: 25 hingga 26.
- 42). Tentang tugas-tugasnya, seterusnya lihat Abd. Kahar Bador op.cit, hal: 75.
- 43). Ibid, hal: 82.
- 44). Abu Chik, op.cit, hal: 85.
- 45). Lihat contoh pertentangan 'Lembaga' dengan 'Imam' di Jempul, Abd. Kahar Bador, op. cit, hal: 142 hingga 143.
- 46). M. Nasroen, op.cit, hal: 191.
- 47). Dari keterangan Abd. Kahar Bador, op.cit, hal: 133.
- 48). Ibid, hal: 134.
- 49). Seterusnya lihat Moubray, op.cit, hal: 96.
- 50). Michael Godfrey, Swift, Malay Peasant Society in Jelebu, London, The Athlone Press, 1965, hal: 33.
- 51). Nordin Selat, op.cit, hal: 142.
- 52). Mohd. Yusuff Haji Kassim, Pekedai-Pekedai Runcit Melayu Mukim Ulu Jempul, Kajian Iliiah Jabatan Antropologi dan Sosio-
logi, Universiti Malaya, 1973/74.
- 53). Nordin Selat, op.cit, hal:130.

- 54). Azizah Kassim. op.cit, hal: 81.
- 55). Ibid, hal: 52.
- 56). Asis Ujang, Penyesuaian Adat dan Hukum Syarak Bagi Kedudukan Wanita berAdat Perpatih, Di Kampung Terusan, Kajian Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya 1975/76.
- 57). Nordin Selat, op.cit, hal: 179.
- 58). De Jong, op.cit, hal: 131.
- 59). Nordin Selat, op.cit, hal: 6.
- 60). Moubray, op.cit, hal: 153, dan Swift, op.cit, hal: 36.
- 61). Moubray, op.cit, hal: 252.
- 62). Ibid, hal: 120.
- 63). Ibid, hal: 121.
- 64). Abd. Kahar Bador, op.cit, hal: 133.
- 65). Ibid, hal: 121.
- 66). Ibid, hal: 135.
- 67). Nordin Selat, op.cit, hal: 200.
- 68). Ibid, hal: 183.
- 69). De Jong, op.cit, hal: 134.
- 70). Nordin Selat, op, cit, hal: 201.
- 71). Untuk huraian lebih lanjut sila lihat Abd. Kahar Bador op, cit, hal: 92 hingga 93.
- 72). Moubray, op.cit, hal: 139.
- 73). Moubray, op.cit, hal: 127.

Mungkin masyarakat BAB IV. ini tidak menyedari perpindahan

atau perpindahan masyarakat atau menjadi
FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN MASYARAKAT *atau menjadi*
DISINI BERPINDAH DARI NEGERI SEMBILAN.

Faktor-faktor ini adalah didapati dan difahami dari dua punca; pertama, dari jawapan dan keterangan peserta yang dikaji yang menceritakan sebab-sebab mereka berpindah. Kedua, dari bahan-bahan perpustakaan yang sedia ada. Pengkaji akan melihat dan cuba mengaitkan dakwaan peserta tadi dengan kehidupan masyarakat Adat Perpatih secara tiori dan praktisnya seperti yang didapatinya dari bahan-bahan perpustakaan. Dalam hal ini pengkaji sedikit pun tidak berniat untuk mencela sistem aturan hidup Adat Perpatih. Apa yang cuba pengkaji huraikan nanti semata-mata dari dua punca yang telah disebutkan.

Oleh kerana orang-orang disini adalah merupakan orang yang berpindah atau merantau dari Negeri Sembilan, maka adalah amat penting sekali diketahui sebab-sebab disebalik perpindahan atau perantauan mereka itu. Untuk itu pengkaji ingin cuba menjawab hipotisis awal yang berbunyi: "Bahawa ada isi dan dasar Adat Perpatih yang menyebabkan masyarakat disini datang berpindah atau merantau dari Negeri Sembilan". Ini sekurang-kurangnya telah dipersetujui oleh Nordin Selat (1), walaupun beliau mendapati ada dua sebab mengapa masyarakat Negeri Sembilan berpindah (merantau) iaitu kerana tolakan keadaan dan tolakan adat, tapi beliau mengakui bahawa tolakan adat adalah lebih kuat.

Mungkin masyarakat disini tidak menyedari perpindahan atau perantauan mereka adalah sesuatu yang biasa atau menjadi tradisi seperti apa yang pernah dilakukan oleh nenek-moyang mereka dahulu iaitu orang-orang Minangkabau, yang menggalakan perpindahan atau perantauan. Ini disetujui oleh De Jong dan Norhalim. De Jong berpendapat dalam tulisannya yang berbunyi, "The Minangkabau are characterized by a wanderlust, a period spent abroad as a merchant is a normal feature in the life of the Minangkabau man". (2) Pendapat De Jong ini dibenarkan oleh kajian Norhalim yang melihat gejala ini di Rembau. "Anak-anak muda itu keluar dari kampung mereka kerana ini sudah menjadi tradisi orang-orang disini (iaitu sejak zaman datuk nenek moyang iaitu orang-orang Minangkabau) mereka anak-anak muda digalakan keluar mencari harta dan kemudian kembali semula ke kampung". Sambungnya lagi, "Pada hakikatnya, penduduk-penduduk Melayu Rembau ramai yang telah keluar atau pindah dari kampung asal mereka disini ...". (3) Norhalim juga mengatakan umur mereka yang berpindah itu adalah diantara 25 ke 45 tahun, yang maksudnya tentulah kesemua mereka ini umumnya telah berkahwin atau telah menjadi Orang Semenda.

Barangkali dari pantun seloka mereka yang berbunyi;

"Karatau madang dihulu,

Berbunga berbuah belum,

Merantau dagang dahulu,

Dikampung berguna belum". (4)

dapat dilihat dengan jelas bagaimana merantau adalah satu-satu

perlakuan yang digalakan. Jadi ternyata halah kepada kita bahawa merantau atau berpindah itu adalah satu perkara yang menjadi tradisi dan digalakkan kepada anggota masyarakat berAdat Perpatih. ~~Sembilan~~

Perpindahan atau perantauan mereka ini merupakan gejala-gejala yang boleh dilihat sebagai kesan negatif atau positif tentang isi dan dasar Adat Perpatih. Mungkin positif bagi mereka yang telah berpindah tapi yang nyata adalah negatif bagi mereka yang tinggal kerana sebagaimana kata Nordin Selat, "Sekarang kebanyakannya kampung penuh dengan orang yang sudah berumur yang baru bersara dari kerja dan kaum perempuan" (5). Implikasinya yang buruk dengan perpindahan atau perantauan ini akan menyebabkan kampung terbiar dan tanah yang sepetutnya boleh dikerjakan tidak lagi dikerjakan sepenuhnya, kerana tiada tenaga yang cukup untuk mengerjakan sawah ladang atau getah.

Pada dasarnya Adat Perpatih itu elok untuk memelihara kelangsungan hidup bermasyarakat, tapi bila dilaksanakan banyak yang telah menyeleweng dari tujuan murni adat itu. Penyelewengan ini bagi satu pehak akan menyebabkan rasa tak puas hati, kecil hati, merajuk, marah dan sebagainya. Dan dalam kontek ini orang-orang yang beginilah yang telan berpindah. Ada juga kemungkinan silap pemahaman atau anggapan terhadap dasar Adat Perpatih lebih-lebih lagi tentang kedudukan Orang Semenda di Tempat Semenda. (6) Ini kerana sebagaimana yang sedia maklum

tiada institusi yang formal yang telah ditubuhkan untuk memberi kefahaman tentang Adat Perpatih dimana-mana pun di Negeri Sembilan. Tidak ada sebuah sekolah pun yang mengajar Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Jadi Adat Perpatih itu difahami mengikut cara masing-masing.

Kadang-kadang ada yang tidak faham langsung tentang kebaikan isi dan dasar Adat Perpatih, cuma yang dapat dilihatnya hanyalah keburukan semata-mata. Ini tidak boleh disalangkan mereka kerana mereka tidak pernah diajar secara formal. Cuma mereka yang berminat sahaja ada mencuba untuk mengetahui, mempelajari dan menyelidiki dasar dan isi Adat Perpatih ini, dan bagi mereka yang tak berminat maka tinggallah mereka dalam kejahanan. Ada juga yang salah faham dalam proses cuma menyelidiki dan sebagainya. Ini terbukti dari kajian pengkaji di-kampung Simpang Pelangai ini. Contohnya ada diantara orang disini yang mengatakan hanyalah orang perempuan saja yang berkuasa dan berhak terhadap harta, istimewa harta pesaka didalam sistem pemilikan Adat Perpatih; sedangkan apa yang sebenarnya tidak.

Sila

Silap faham ini juga berkemungkinan dari masaalah satu-satu keluarga atau masaalah perseorangan, bukannya masaalah keseluruhan masyarakat Adat Perpatih. Contohnya dalam sebuah keluarga di Negeri Sembilan yang kebetulan seorang isteri yang berkuasa pada suaminya (queen-control), keadaan ini mungkin berlaku dimana-mana saja, bukanlah wanita dinegeri Sembilan saja yang punya hak mutlak untuk bersikap begitu. Mungkin ada

diantara anak-anak mereka terutama yang lelaki dan orang lain melihat fenomina ini disebabkan oleh Adat Perpatih, lalu mereka membina satu pegangan yang negatif terhadap Adat Perpatih. Dan mereka inilah yang telah berpindah dari negeri Sembilan dan ada di antaranya yang menetap dikampung ini.

Contoh tentang silap perlaksanaan pula; terdapat beberapa orang peserta yang telah ditemui mengatakan mereka telah mengalami apa yang dikatakan sebagai kelancangan Orang Tempat Semenda melanggar pantang larang Orang Semenda yang berbunyi: *masuk pihak, Sudah diberi diambil balik, orang semenda. Bintara persilangan Sudah diuja dipegangkan ekor, atau pengaja disalah tahanakan dia. Pesan taroh dipermalami,* kepada Orang Semenda tentang kedudukan *orang semenda.* Sudah dipesan dituruti. (7)

Misalnya setelah Si A berkahwin (menyemenda) dengan seorang perempuan, maka Orang Tempat Semenda menyerahkan dusun untuk dijaga olehnya suami isteri. Jadi Si A tadi akan menjaga dusun ini dengan sebaik-baiknya seperti dia menjaga haknya sendiri. Tetapi bila buah itu mula gugur atau masak Orang Tempat Semenda datang dengan sewenang-wenangnya memungut hasil tanpa menimbangkan penat lelah Si A tadi dengan anggapan dia Orang Tempat Semenda, bebas buat apa saja. Jadi dengan perbuatan ini sudah tentulah akan menyakitkan hati Si A tadi. Dan kalau tidak berlaku pergaduhan mungkin Si A tadi akan merajuk atau pun setelah pergaduhan Si A akan keluar meninggalkan kampung. *sebal-*
nya akan menyusahkan diri sendiri saja, walau pun sebaliknya

Hati bengis melakukan, Hati hiba membawa jauh. (8)

Kejadian seperti diatas tadi memang ada diceritakan oleh orang-orang disini dan mungkin benar juga berlaku pada orang lain tapi mereka enggan menceritakannya.

Silap pemahaman tentang adat berpunca dari perbilangan adat itu sendiri. Ia boleh datang dari Orang Tempat Semenda atau Orang Semenda ataupun kedua-duanya sekali. Mungkin juga perbilangan itu sengaja disalah fahamkan untuk kepentingan satu-satu pihak, selalunya pihak Orang Tempat Semenda. Diantara perbilangan yang mungkin disalah fahamkan atau sengaja disalah fahamkan oleh Orang Tempat Semenda kepada Orang Semenda tentang kedudukan Orang Semenda yang berbunyi:

Bagai mentimun dengan durian,
Menggolek pun luka,
Kena golek pun luka. (9)

Implikasi perbilangan diatas membuatkan pihak Orang Tempat Semenda yang tidak faham atau sengaja disalan fahamkan samada kerana kejahilan atau kerana niat untuk kepentingan diri sendiri akan menafsirkan diri mereka sebagai 'superior' yang boleh menakluk Orang Semenda dengan andaian Orang Semenda tidak boleh buat apa-apa.

Bagi Orang Semenda pula kerana mereka merasakan tidak akan ada gunanya melawan Tempat Semenda, kerana hasilnya semata-mata akan menyusahkan diri mereka saja. Walaupun sebenarnya

dalam adat sesiapa yang tertindas ini berhak mengadu dan berhak dapat pembelaan daripada Buapak atau Lembaga dan seterusnya. Tapi oleh kerana mereka tidak mahu 'heboh-heboh', mereka akan bersabar. Tetapi sabar juga ada hadnya. Bila sampai hadnya orang-orang yang beginilah yang berpindah keluar. ~~mar kesungkuhan~~ faham akan terjadi. Jadi perselisihan faham ini juga jadi ... Yang boleh jadi punca kontroversial ialah perbilangan: nordin selat Bagai abu atas tungkul, banyak mengeluh orang untuk merantau Dipanggil datang, faham dalam kalangan. Adik beradik lele Disuruh pergi. (10) ialah banuan harta carian atau Kalau ditafsirkan perbilangan diatas akan membawa maksud Orang Semenda itu seolah-olah orang suruhan saja. Boleh dipanggil dan disuruh-suruh. Juga kedudukan mereka yang tidak terjamin, bila-bila masa saja boleh disingkirkan - bagai abu atas tungkul. Jadi bagi mereka yang berjiwa bebas yang tidak suka disuruh arah oleh orang (Orang Tempat Semenda), sudah tentulah mereka cuba mengelakan dari diperlakukan sedemikian. Maka jalan yang semolek-moleknya ialah dengan berpindah keluar dari lingkungan Adat Perpatih, dengan itu boleh menjadi Orang Semenda Bebas. Ini disokong oleh Nordin Selat sebagaimana katanya, "Ada juga yang merantau untuk menjadi Orang Semenda Bebas. Dirantau orang tidak terkongkong oleh norma-norma semenda menyemenda". (11)

Pengkaji rasa apa yang penting dalam dasar dan isi Adat Perpatih ialah tentang keturunan yang dikesan dari nisab ibu dan harta pesaka adalah diwariskan kepada anak-anak perempuan saja. Dengan kata lain dasar dan isi Adat Perpatih adalah mem-

beratkan kepada perempuan saja. Di Rembau keadaan ini ada berlaku sebagaimana kata Norhalim, "Mereka ini keluar dari kampung mereka ... adalah kerana keadaan adat yang ujud didaerah ini ia itu kaum lek-ki tidak berhak keatas tanah (pesaka) ibu bapanya".

(12) Kalau mereka tinggal juga dikampung maka besar kemungkinan salah faham akan terjadi. Jadi perselisihan faham ini juga jadi satu penggerak kepada perpindahan seperti yang diakui oleh Nordin Selat, "Salah satu punca yang banyak menggerakan orang untuk merantau ialah perselisihan faham dalam keluarga. Adik beradik lelaki berselisih kerana salah bahagi harta carian atau ada yang tertinggal sama sekali. ... Bagi perempuan pula (suami ikut sama merajuk) perselisihan mungkin akibat pembahagian tanah pesaka". (13) Kalau perpindahan mereka bertujuan untuk membaki taraf ekonomi, ini juga sedikit sebanyak berpunca dari dasar Adat Perpatih yang membuat pembahagian tanah pesaka yang tidak ekonomik. Pembahagian ini menyebabkan tanah pesaka jadi tambah kecil dan tidak menguntungkan untuk diusahakan.

"Tempat kediaman bagi satu-satu kelamin ialah dikawasan kepunyaan ibu isteri". (14) Jadi ini bermakna suami akan membumi/ditanah pesaka isteri atau tinggal dirumah yang telah disediakan oleh mentua atau Orang Tempat Semenda. "Bila mereka kawin, lelakilah yang berpindah untuk tinggal dirumah mereka 'sigai mencari enau, enau tetap sigai berganjak'. Dan kalau mereka bercerai lelakilah yang mesti keluar". (15) Jadi sisuami tadi tidak begitu boleh 'berbunyi' kerana dia berada ditempat orang, sebagaimana kata Swift, "There is no answer to the charge 'this is

not part of your father's inheritance". (16) Inilah yang menjadikan pemuda yang baru kawin itu merasakan keadaan ini bertentangan dengan status atau kebebasan yang dulu iaitu semasa tinggal bersama-sama dengan ibu-bapanya. Ini disedari juga oleh Swift, "Nevertheless these are disadvantage which weigh heavily with a young man. He must accept the authority of his mantua and of the Tempat Semenda. This may will be an unpleasant contrast with his spoiled status in his mother's house and his freedom the peer-group". (17)

Dalam kegiatan ekonomi pula seperti bersawah padi, menoreh getah dan berniaga, pengaruh Adat Perpatih dapat juga dikehendaki. Ini berpunca dari nilai masyarakat Adat Perpatih tentang budi bahasa, muafakat dan timbang rasa yang amat dituntut. Ini dibenarkan oleh Nordin Selat, katanya, "Budi adalah nilai yang central dalam Adat Perpatih. Banyak hal-hal dalam Adat Perpatih tidak mungkin difahami tanpa mengetahui konsep budi. Hampir semua unsur-unsur Adat Perpatih ada hubungannya dengan budi. 'Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah... (18) Ini menunjukkan mereka mementingkan sama rata dalam masyarakat sikit sama sikit, banyak sama banyak.

Budi ialah satu perkara yang dituntut. Banyak pantun-pantun yang dicipta sebagai manifestasi mereka tentang keagungan budi. Antaranya:

"A man give more land than he needs is under strong pressure to allow his wife's poor relatives to use it. The

Tidak ada yang merah daripada kundi,
 Tidak ada yang bundar daripada saga,
 Tidak ada yang indah daripada budi,
 Tidak ada yang elok daripada bahasa. (19)

Jadi ternyata budi bahasa merupakan nilai sosial yang utama yang secara tak disedari mempengaruhi kehidupan ekonomi masyarakat berAdat Perpatih. Sebelum itu harus diingat, budi itu mestilah difahami dalam ertikata yang luas, bukan setakat bertegur sapa sahaja. Bagi pengkaji nilai ini dari segi ekonomi moden memberi kesan yang tidak begitu baik. Apatah lagi kalau mereka ada hubungan kekeluargaan, budi ini amat dipentingkan. Maka mereka yang sama-sama dalam satu kekeluargaan akan tidak mungkin dapat bertegas dari segi ekonomi. Untuk itu ada diantara ranya yang cuba mengelakkan untuk berhubungan dari segi ekonomi dengan ahli kekeluargaan mereka seperti yang dapat diperhatikan oleh Swift, "They preferred to avoid economic relation with kin as far as possible, because of the obligation not to calculate carefully and to be generous". (20)

Keadaan ini benar dalam semua bentuk ekonomi samada menoreh getah, bersawah padi atau berniaga. Dalam persawahan misalnya di Negeri Sembilan, si suami tidak dapat menetapkan bayaran sewa sawah itu jikalau sekiranya sawah itu diberikan kepada saudara isterinya untuk diushakan, seperti yang dilihat oleh Swift di Jelebu, "A man with more land than he needs is under strong pressure to allow his wife's poor relatives to use it. The

land is their inheritance too ... (21) Jika disatu ketika saudara mereka ini tidak mahu atau tidak dapat membayar sewa, maka tidaklah ada apa-apa tindakan yang boleh dilakukan kerana selain mereka itu bersaudara, juga untuk menjaga budi bahasa, takut nanti dikata oleh jiran-jiran.

Begitu juga dalam perniagaan, budi bahasa itu amat dijaga kerana mereka hidup dalam lingkungan kekeluargaan. Ini diperhatikan oleh Mohd Yusuf keatas pekedai-pekedai runcit dalam mukim Ulu Jempul, "Pekedai-pekedai runcit dalam mukim ini terpaksa bertindak mengikut prinsip timbang rasa ... untuk menjaga 'hati orang' ada kalanya merugikan mereka". Seterusnya dia yakin, "unsur-unsur matrilocal dan kekeluargaan yang rapat memberi akibat yang negatif atas perniagaan pekedai-pekedai runcit dalam mukim ini". (22)

Maka dengan hal yang demikian, tuntutan budi bahasa yang melebih-lebih dikalangan keluarga dan kekeluargaan ini menyebabkan susah untuk membuat sesuatu keputusan berdasarkan atas pertimbangan ekonomi semata-mata. Kalau juga ingin berbuat begitu maka Mohd Yusuff menasihat dan mencadangkan supaya pekedai ini berkedai ditempat lain untuk bebas bertindak dan bebas dari tanggung-jawab berhubung dengan sifat mereka sebagai Orang Semenda atau Tempat Semenda. (23) Jadi tempatnya selagi berada dalam lingkungan Adat Perpatih, kalau ia pun terlepas dari ikatan semenda menyemenda, mereka masih belum terlepas dari ikatan

nilai budi bahasa yang dipentingkan dalam dasar dan isi Adat Perpatih. Buktinya memang ada kedapatan pekedai-pekedai dari Negeri Sembilan datang berpindah berniaga disini.

Jadi untuk menegakkan kebenaran atau penilaian mereka Memang telah diketahui umum bahawa ada sebahagian dari isi dan dasar Adat Perpatih yang bertentangan dengan hukum Islam. Pertentangan ini khususnya dalam corak perwarisan harta dan dalam larangan berkahwin sesuku atau seperut. Perwarisan harta pesaka yang menidakan hak lelaki adalah bertentangan dengan sistem Faraid dalam Islam. (24) Dengan itu ada orang-orang sini yang mengatakan memakan hasil harta pesaka itu adalah haram hukumnya kerana tidak tahu puncanya dan ada orang yang tidak menghalalkannya.

Larangan berkahwin sesuku dan seperut juga tidak terdapat dalam Islam. Mereka yang dilarang berkahwin telah ditentukan dalam Surah An Nisa' ayat 23 yang mana tidak terdapat larangan kahwin sesuku atau seperut. Larangan ini cuma ada dalam Adat Perpatih saja. Jadi mereka yang tidak bersetuju dengan dasar-dasar itu tadi akan cuba menentangnya. Tapi oleh kerana mereka hidup dalam lingkungan Adat Perpatih yang ramai, maka mereka sudah tentulah tidak berjaya. Pertamanya kerana gungan begini tidak ramai maka suara mereka tidak lantang. Kedua-duanya kerana adat ini telah menjadi seolah-olah darah daging masyarakat penganutnya, dan oleh kerana bilangan mereka ramai sudah tentulah suara-suara yang menentang dasar dan isi adat yang

telah dipusakai turun temurun ini dapat dikalahkan dengan
senangnya.
apapun pun, mereka tidak diintasakan. Mereka juga merasa red-
dah dili untuk sendiri mengeluarkan pendapat oerangs-orang

Jadi untuk menegakkan kebenaran atau pendirian mereka
yang berpelajaran tadi. Tapi disamping itu pula mereka
masing-masing yang bertentangan dengan adat ini maka jalannya
yang sebaik-baiknya ialah dengan berpindah keluar dari lingku-
gan kawasan masyarakat berAdat Perpatih. Atau dengan kata la-
in, kalau hendak 'berkehendak hati', jalan yang mudah ialah ke-
luar dari masyarakat yang ditentangnya dan masuk kedalam masya-
rakat yang menerimanya atau pun masyarakat yang sediakala tidak
mengamalkan apa-apa yang mereka tentang tadi. Jadi dalam kon-
tek ini, kampung Simpang Pelangai menyediakan kemudahan-kemuda-
han diatas. Maka dengan itu pada awal-awalnya dulu ramai orang-
orang alim atau Tok Haji yang datang meneroka kawasan ini.

Biskir-shit ini bermula kira-kira 10 ke 20 tahun yang lalu

Satu sebab lagi ialah pelajaran. Didapati semua anggota
masyarakat yang dikaji tidak ada seorang pun yang mendapat pa-
lajaran yang melebihi darjah enam sekolah Melayu, sekolah Ing-
geris jauh sekali. Ada juga yang tidak bersekolah langsung.
Jadi mereka ini menganggap diri mereka bodoh atau sememangnya
bodoh dari segi pelajaran moden. Ini berbanding dengan adik-
beradik atau saudara mereka yang lain yang mendapat pelajaran
yang lebih tinggi dari mereka. Kaitannya dengan Adat Perpatih
pengkaji rasa ialah dalam perbilangan adat yang berbunyi;

Jika cerdik teman berunding,

dikatakan bahwa yang cerdik akan gaji dan berpendapat tetapi
Jika bodoh disuruh arah. (25)

Giberi keutamaan dari yang berjaya sendiri dikuspong" dan akhirnya, "didapati pedikir sekali silangan wanita di pawoi sur-

Mungkin mereka dapati dalam setiap perundingan baik dalam apa segi pun, mereka tidak diutamakan. Mereka juga merasa rendah diri untuk sama-sama mengeluarkan pendapat bersama-sama orang yang berpelajaran tadi. Tapi disamping itu pula mereka tidak suka disuruh arah oleh orang kerana memang dasar manusia tidak rela direndahkan darjatnya. Jadi mereka dalam keadaan serba salah, untuk sama-sama berunding mereka difikirkan tak layak atau mereka sendiri memikirkan diri mereka tak layak, dan untuk disuruh arah pula (memang Orang Tempat Semenda berhak berbuat begitu) mereka tidak rela pula. Jadi jalan yang sebaik-baiknya diambil ialah dengan berpindah keluar dari lingkungan Semenda menyemenda atau amnya Adat Perpatih. Dengan itu segala masaalah diatas akan dapat diatasi dengan sendirinya.

Diakhir-akhir ini pula kira-kira 10 ke 20 tahun yang lepas ada kecenderungan di Negeri Sembilan, ibu-bapa memilih bakal menantu dari orang-orang yang bekerja makan gaji dengan kerajaan atau berpendapatan tetap. Ini kerana kerja-kerja pertanian di Negeri Sembilan sudah tidak begitu boleh menjamin kehidupan moden ini, lebih-lebih lagi kalau kawasan pertanian itu dikampung asal mereka. Kecenderungan ini pertamanya disebabkan pengaruh moden dan keduanya sistem tanah pesaka sudah tidak menguntungkan lagi dalam kegiatan ekonomi. Contohnya Azizah Kassim menceritakan keadaan di Seri Menanti, "Pada keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa yang bekerja makan gaji dan berpendapatan tetap diberi keutamaan dari yang bekerja sendiri dikampung" dan akibatnya, " didapati sedikit sekali bilangan wanita di bawah umur

30 tahun bersuamikan petani dan penoreh getah". (26)

Jika cerdik tempat berunding,

Begitu juga Norhalim melihat gejala yang serupa di Rembau, katanya, "... kalau anak muda duduk dikampung dan bekerja kampung seperti bercucuk tanam dan membela ternakan secara besar-besaran dan bersungguh-sungguh maka mereka akan dipandang hina- (mungkin tidak ada orang yang sudi berkahwin dengannya)!" (27) Tapi untuk makan gaji, pelajaran mereka rendah dan untuk bekerja sendiri keadaan adalah tidak menggalakan. Maka dengan itulah mereka keluar berpindah ke kawasan yang lain yang lebih kurang sama dengan kampung asal mereka dari segi ilmu alam. Dengan itu mereka bebas bertani atau berternak tanpa dipengaruhi oleh faktor-faktor yang telah disebutkan. Untuk berpindah kebandar juga tidak begitu memungkinkan kerana taraf pelajaran mereka yang rendah tadi. Oleh itu ramai dari mereka yang berpindah kekampung ini mengalami keadaan seperti diatas.

Akhir sekali melihat huraian-huraian yang diberikan di atas, memang tak dapat dinafikan ada isi dan dasar Adat Perpatih yang menyebabkan masyarakat disini berpindah atau merantau dari Negeri Sembilan. Segala sebab-sebab atau faktor-faktor yang menyebabkan mereka berpindah dapat dikesan dari isi dan dasar Adat Perpatih sendiri. Umumnya orang-orang yang sebelum berpindah kesini adalah telah berkahwin dan telah menjadi Orang Semenda ditempat asalnya. Segala status dan peranan Orang Semenda dapat disimpulkan dalam perbilangan adat yang verbunyi;

Orang Semenda diTempat Semenda,
 Perpatih atau khususnya di Negeri Sembilan. dan bukanlah semua
 adat lain itu menghalang masyarakat dari perpindahan, kerana ka-
 laulan demikian halnya, tentulah tiada orang-orang dari kawasan
 ini yang akan berpindah. Cuma pengkaji sendapati ada korelasi
 (correlation) diantara adat-aliran hidup Adat Perpatih dengan
 perpindahan masyarakatnya.

Jika cerdik tempat berunding,
 Jika bodoh disuruh arah,
 Tinggi banir tempat berlindung,
 Rimbun daun tempat bernaung,
 Disuruh pergi, dipanggil datang,
 Yang buta disuruh menghembus lesung,
 Yang patah disuruh menunggu jemuran,
 Yang pekak disuruh mencucuh meriam,
 Yang berani dibuat kepala lawan,
 Kalau kaya hendakan emasnya,
 Kalau alim hendakan ilmunya. (28)

Perpindahan orang disini dari Negeri Sembilan dapat di-
 kesan sekitar tahun 1930an. Dimasa itu pengaruh Adat Perpatih
 masih kuat lagi seperti apa yang dapat dilihat dari penulisan
 De Moubray (1931). Disamping itu campur tangan British juga
 sudah masuk ke tahun yang ke 34. Jadi tentulah banyak kekeco-
 han yang terjadi diantara sistem pentadbiran British dengan
 Adat Perpatih. Ini juga menjadi punca segala penyelewengan
 dan silap faham terjadi. Dimasa ini pengaruh Adat Perpatih
 itu sudah lemah, maka oleh itu tidaklah boleh dikatakan hanya
 isi dan dasar Adat Perpatih saja yang menyebabkan perpindahan.
 Seterusnya bukanlah semua isi dan dasar Adat Perpatih yang me-
 nyebabkan perpindahan, kerana kalau lah betul begitu, maka mung-
 kin tidak ada orang yang tinggal dikawasan masyarakat berAdat

Bagi yang suka berkelahiaan pastilah Selat juga menyakini Perpatih atau khususnya di Negeri Sembilan. Dan bukanlah semua adat lain itu menghalang masyarakat dari berpindahan, kerana kalaulah demikian halnya, tentulah tiada orang-orang dari kawasan ini yang akan berpindahan. Cuma pengkaji mendapati ada korelasi (correlation) diantara sistem aturan hidup Adat Perpatih dengan perpindahan masyarakat disini.

4.1 PULANG.

Disini istilah pulang itu tak semestinya sama dengan makna balik, Pulang selalunya tidak balik-balik lagi. Berbeda dengan balik selalunya akan pulang semula ketempat asal. Perbedaan makna istilah ini mungkin hanya benar dan sesuai dalam kontek masyarakat kampung ini sahaja.

Jadi apa yang dimaksudkan pulang sisini ialah samada masyarakat disini berniat hendak pulang semula ketempat asal mereka iaitu Negeri Sembilan atau tidak. Nordin Selat disamping mengakui hakikat ada orang yang berpindahan atau merantau itu yang tidak pulang-pulang lagi menekankan juga kebanyakannya yang merantau itu tetap akan pulang. Katanya, "Hakikat merantau hanya sementara, walaupun tiada batasan masa ... cuma sebagai niat dan hakikat mereka itu tetap balik ke tempat asal". (29). Ini di tekankan lebih-lebih lagi kepada anak-anak muda yang pergi merantau.

atau ak Bagi yang sudah berkelamin Nordin Selat juga meyakini mereka akan pulang juga sebagaimana katanya, "Bagi perempuan laki bini yang merantau, mereka akan berdikit-dikit untuk menyimpan wang, merantau bermakna mencari rezeki,..... Pendekata bila balik kampung nanti ada tanda kejayaan merantau." (30)

Pendapat atau keyakinan Nordin Selat diatas tidak dapat dinafikan kebenarannya tapi kebenaran itu sedikit sebanyak ter-takluk kepada tempat dan masa. Pendapat dan keyakinan itu tidak mungkin benar pada bila-bila masa dan pada mana-mana tempat.

Sebagaimana yang dikatakan Nordin Selat, pendapat yang ti-
ada ini terbukti daripada kajian dikampung ini, tiada seorang pun daripada mereka yang ditanya yang dengan tegas menjawab mereka akan pulang semula ke Negeri Sembilan. Kebanyakan daripada mereka berkata segala-galanya terserah kepada Allah, tapi sebagaimana niat mereka, mereka tetap tidak akan pulang semula ke Negeri Sembilan selagi keadaan disini tidak memaksa. Sehubungan dengan itu, segala tahan pesaka mereka di Negeri Sembilan telah diserahkan pada waris mereka.

Konsep pulang dan balik itu berkait rapat dengan konsep berpindah dan merantau. Merantau umumnya mesti akan pulang semula ketempat asal, manakala pindah pula tidak pulang-pulang lagi, cuma balik sekali sekala saja dalam masa yang agak singkat. Merantau selalunya digerakkan untuk tujuan ekonomi atau mencari harta. Disamping itu juga pergi menuntut ilmu samada ilmu dunia tanggung sendiri, tiada saudara atau orang tuanya yang

atau akhirat juga termasuk dalam makna merantau. Bagi mereka yang berpindah pula, memang mereka sejak mula-mula lagi tidak berniat untuk pulang semula ketempat asal.

Dalam kajian ini apa yang ditekankan ialah keosep berpindah tadi. Dalam kontek masyarakat disini berpindah ini ada juga yang berasal dari merantau. Mula-mula dulu mereka merantau, lama kelamaan mereka berpindah dan terus menetap (bertanah air) disini.

Sebagaimana yang dikatakan tadi konsep merantau yang tidak balik atau akan balik semula adalah bergantung pada keadaan tempat dan masa. Maksudnya, kalau orang yang keluar dari kampung itu pergi kebandar samada sudah berkahwin atau belum untuk mencari pekerjaan, selalunya akan pulang semula. Tapi kalau mereka keluar ketempat lain yang lebih kurang sama dengan keadaan ilmu alam tempat asal mereka, kepulangan mereka itu amat diragukan. Ini terbukti dari kajian dikampung ini, mana-mana orang yang telah datang kesini lebih-lebih lagi yang sudah berkahwin tidak pernah terniat dihati mereka untuk pulang semula.

Masa pula bermaksud bila berlakunya satu fenomina itu. Dalam kontek ini orang-orang Negeri Sembilan pada masa mula-mula dulu ramai yang pulang atau balik semula ke Negeri Sembilan. Pada masa itu kampung ini tidak ramai orang, masih berhutan tebal, banyak binatang buas dan sebagainya. Segala kesusahan ditanggung sendiri, tiada saudara atau Orang Tempat Semenda yang

datang menolong. Jadi bila satu-satu kesusahan timbul maka besar kemungkinan mereka pulang semula ke Negeri Sembilan. Misalnya ramai yang pulang atau balik ke Negeri Sembilan dalam masa kesusahan perang dunia ke dua dulu, tapi ramai juga yang datang semula kesini setelah keadaan pulih semula. Ada juga yang pulang ke Negeri Sembilan masa itu kerana mereka telah berjaya mengumpulkan harta dan wang disini, lalu mereka mendirikan rumah besar dikampung mereka. Orang-orang begini tidak ramai. Masa ini orang-orang yang sudah kaya tidak mahu pulang semula ke Negeri Sembilan kerana mereka sudah terhutang budi dengan kampung ini yang mengkayakan mereka dan sayang pada harta atau rumah yang telah didirikan. Juga kampung ini sudah maju, orang sudah ramai, ada sekolah, ada jalan raya, ada klinik, ada listrik dan sebagainya; jadi tiada sebab kalau dari segi kemudahan ini untuk mereka pulang semula ke Negeri Sembilan.

(3). Berdiri sebat, hal: 124.

(4). Jadi dari keterangan diatas dapat disimpulkan bahawa merantau dan berpindah itu adalah dua fenomina yang disebabkan atau mungkin disebabkan oleh tolakan keadaan sosio-ekonomi yang serupa. Dalam hal ini tolakan itu berpunca dari sebahagian isi dan dasar Adat Perpatih, di Negeri Sembilan. Maka dengan ini dapat menjawab mengapa masyarakat disini dimasa ini tidak berniat langsung untuk pulang semula ke Negeri Sembilan kerana Adat Perpatih di Negeri Sembilanlah yang sedikit sebanyak menolak mereka untuk berpindah kesini.

(5). Ibid, hal: 127.

NOTA KAKI.

- 1). Lihat Nordin Selat, op.cit, hal: 157.
- 2). De Jong, op.cit, hal: 9.
- 3). Norhalim Ibrahim, Kekeluargaan dan Ekonomi dalam masyarakat Melayu desa di Rembau, Negeri Sembilan, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Melayu, 1971, hal: 13.
- 4). M. Nasroen, op.cit, hal: 193.
- 5). Nordin Selat, op.cit, hal: 160.
- 6). Nordin Selat, op.cit, hal: 72.
- 7). Abu Chik, op.cit, hal: 27.
- 8). Nordin Selat, op.cit, hal: 189.
- 9). Ibid, hal: 158.
- 10). Ibid, hal: 72.
- 11). Ibid, hal: 159.
- 12). Norhalim, op.cit, hal: 13.
- 13). Nordin Selat, op.cit, hal: 158.
- 14). Azizah Kassim, op.cit, hal: 52.
- 15). Nordin Selat, op.cit, hal: 9.
- 16). Swift, op. cit, hal: 140.
- 17). Ibid, hal: 122.
- 18). Nordin Selat, op,cit, hal: 6.
- 19). Nasroen, op.cit, hal: 175.
- 20). Swift, op.cit, hal: 26.
- 21). Ibid, hal: 38.
- 22). Mohd. Yusuff Hj. Kassim, op.cit, hal: 103.
- 23). Ibid, hal: 117.

- 24). Selanjutnya untuk melihat huraian apa-apakah dia syarat dan siapakah yang berhak menerima harta dalam sistem Faradi, sila lihat Abdullah Siddik, op.cit, hal: 176.
- 25). Ibid, hal. 134, dan Abu Chik, op.cit, hal.52.
- 26). Azizah Kassim, op.cit, hal: 110.
- 27). Norhalim Ibrahim, op.cit, hal: 13.
- 28). Abdullah Siddik, op.cit, hal: 134.
- 29). Nordin Selat, op.cit, hal: 154.
- 30). Ibid, hal: 156.

Bab Iain yang pertama dalam kerana orang-orang ini
sini merasakan hidup beratus-anak dan sejaya akan mengalami
kegagalan ekonomi. SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT DI KAMPUNG
BAHAGIAN A: SOSIAL.

Boleh dikatakan semua suku yang ada di Negeri Sembilan terdapat di kampung ini, kecuali suku Biduanda. Ini mungkin kerana di Negeri Sembilan, suku Biduanda mempunyai kedudukan yang istimewa, iaitu mereka boleh menyandang jawatan Undang.

5.1a. HIDUP BERSUKU-SUKU.

Di Negeri Sembilan sering kedapatan anggota sesebuah kampung itu terdiri dari orang-orang yang sama suku. Rumah mereka pula dalam satu kawasan selalunya dipunyai oleh mereka yang ada hubungan kekeluargaan seperti adik-beradik atau anak-beranak. Disini adalah satu kebetulan saja kalau kita jumpai antara rumah-rumah yang bersepadan pagar itu dipunyai oleh mereka yang sama-sama satu suku. Keadaan ini terjadi kerana ramai lelaki yang telah berkahwin dengan orang-orang yang bukan berasal dari Negeri Sembilan. Orang-orang perempuan ini tidak mempunyai suku. Jadi dengan perkahwinan mereka ini seolah-olah me'mati'-kan sistem hidup bersuku-suku. Keturunan dalam sistem hidup bersuku-suku adalah dikesan dari nisab ibu. Jadi kalau ibu atau isteri tidak mempunyai suku, maka anak-anak mereka pun turut sama tidak mempunyai suku.

Sebab lain yang penting juga ialah kerana orang-orang disini merasakan hidup bersuku-suku ini hanya akan menjelaskan kegiatan ekonomi mereka saja. Ini disebabkan dengan persamaan suku itu, seolah-olah telah menjadi tanggung-jawab dan harapan sesama mereka akan dapat keutamaan dari segi ekonomi dari orang lain. Buktinya, telah ada sekelompok orang-orang yang bersuku Sri Lemak Minangkabau hendak menubuhkan persatuan. Tujuannya semata-mata untuk mengeratkan perhubungan sesama suku disamping menjaga kepentingan sosial dan kebajikan ahli-ahlinya. Persatuan ini cuma sempat mengutip yuran buat kali yang pertama saja. Dari contoh ini jelas menunjukan masyarakat disini tidak berminal lagi atau terpaksa tidak berminat untuk meneruskan sistem hidup bersuku-suku.

Namun begitu, perhubungan diantara orang-orang yang sama-sama satu suku itu nampaknya lebih muhibbah lagi daripada mereka yang bukan sesuku. Perasaan muhibbah dikalangan sesama suku itu mungkin juga berpunca dari pengaruh perbilangan Adat Perpatih yang berbunyi;

Dekat cari Waris,

Jauh cari suku. (2)

Kesimpulannya, peraturan hidup bersuku-suku dikampung ini sudah lenyap. Ada anak-anak muda belasan tahun yang tidak tahu suku mereka. Ada dua kemungkinan; pertama, dia memang tidak lagi mempunyai suku kerana mungkin ibunya bukan orang negeri Sembilan. Dan kedua, dia memang tidak mahu ambil tahu atau ti-

dak diberitahu tentang sukunya walaupun mungkin ibunya berasal dari Negeri Sembilan.

5.2a FAMILI.

Satu famili itu adalah terdiri dari suami, isteri dan anak-anak mereka. Mungkin juga ada ibu-bapa suami atau isteri yang tinggal serumah dengan mereka, ini juga dikira sebagai anggota famili. Tapi dalam famili-famili dikampung ini sekurang-kurangnya 30 orang yang dikaji, tidak seorang pun daripada mereka yang sudah berfamili ini tinggal bersama-sama ibu-bapa mereka. Dengan kata lain tiada, samada ibu-bapa suami atau isteri yang tinggal serumah dengan mereka. Jadi tiap-tiap famili disini adalah sebuah famili asas (nuclear family). Ini mungkin disebabkan ibu-bapa mereka tinggal di Negeri Sembilan atau pun ada disini tapi tinggal dirumah-rumah yang berasingan.

Woreka juga boleh dikatakan, boleh dilihat dan suruh jadi.

Bagaimana pun ada juga famili yang tidak lengkap, walau-pun famili jenis ini amat sedikit. Maksudnya, ada famili yang terdiri dari isteri dengan anak-anaknya saja kerana suami mereka telah bercerai samada cerai hidup atau mati dan sebaliknya. Mana-mana wanita yang tinggal bersama anak-anaknya itu umumnya mempunyai anak-anak melebihi tiga orang. Mungkin ini-lah sebabnya tiada lelaki yang ingin berkahwin dengan mereka disebabkan enggan atau tidak sanggup memelihara anak-anak mereka. Bagi lelaki yang tinggal bersama anak-anaknya itu boleh dikatakan semuanya sudah tua-tua belaka dalam erti kata tidak berkebolehan lagi untuk berkahwin. Tetapi tidak ada famili yang

terdiri dari samada suami atau isteri yang masih muda tinggal bersama anak-anak mereka. Muda ini bermaksud lelaki itu berumur dibawah 30 tahun dan perempuan berumur dibawah 25 tahun. Kalau ada pun cuma untuk sementara waktu sahaja sebelum berkahwin lagi.

Di kampung ini bilangan anggota satu-satu famili itu umumnya paling minima ialah lima orang. Apa yang selalu kedapatan ialah diantara 8 hingga 10 orang. Ini bermakna tiap-tiap satu famili itu mempunyai anggota yang agak ramai juga. Ini kerana dalam kegiatan ekonomi mereka yang memerlukan banyak tenaga samada secara langsung atau tidak. Contohnya dalam kegiatan pertanian dan juga perniagaan kerana corak perniagaan masyarakat disini memerlukan tenaga yang banyak. Oleh itu tenaga famili adalah diharapkan sangat kerana selain daripada senang didapati, mereka juga boleh dipercayai, boleh diharap dan murah pula.

Dalam menentukan keturunan pula, ia adalah dikesan dari dua belah pihak (bilateral). Maksudnya anak-anak mereka tidak lagi menjadi anggota satu-satu belah pihak saja. Ini lebih-lebih lagi kalau si isteri bukannya orang Negeri Sembilan. Kalau si isteri orang Negeri Sembilan tapi suami pula bukan orang Negeri Sembilan; anak-anak mereka kalau hendak dikirakan masih lagi mempunyai suku, tapi suku itu hanya setakat punya suku saja. Ia hanya disedari bila ditanya saja. Tidak ada membawa apa-apa makna atau implikasi disebaliknya. Ini kerana suami begini tidak lagi menghiraukan suku anak-anaknya atau sengaja

tidak mahu ambil hirau tentang hal itu. Agak berlainan sedikit kalau kedua-dua suami-isteri itu berasal dari Negeri Sembilan, dan ada diantara anak-anak mereka lahir di Negeri Sembilan. Keturunan anak-anak mereka adalah lebih berat kepada isteri. Ini kerana kedua-dua mereka dan anak-anak mereka masih lagi belum putus hubungan dengan kerabat di negeri Sembilan. Kalau ada saudara mara mereka datang lebih-lebih lagi pihak isteri, maka soal suku itu selalu diberitahu kepada anak-anak mereka. Bagaimana pun pada hakikatnya anak-anak yang dilahirkan disini tidak lagi mengambil hirau tentang itu semua.

5.3a PERHUBUNGAN DALAM FAMILI.

Pergaulan dalam famili ini boleh dilihat dari empat sudut, iaitu, suami dengan isteri, suami (bapa) dengan anak-anak, isteri (ibu) dengan anak-anak dan anak-anak sesama mereka atau sesama adik-beradik.

Kesemua corak jalinan hubungan diatas adalah rapat, kerap dan mesra. Tidak terdapat jarak perhubungan yang luas dengan salah satu pihak saja. Kita akan dapati berbagai variasi corak perhubungan antara satu famili dengan satu famili yang lain. Dengan kata lain, corak perhubungan itu adalah lebih banyak ber-gantung pada kemesraan dalam sesebuah keluarga itu. Hubungan suami isteri disini adalah kerap dan mesra. Mereka saling harap mengharapkan sebagai orang yang layak dipercayai dalam serba-

Bagaimanapun dapat juga siksaan perbuatan dalam serbi. Mereka lebih banyak menghabiskan masa bersama-sama dalam kegiatan ekonomi dan dalam rumah tangga. Dimasa tertentu suami memerlukan pertolongan isteri dan begitu juga sebaliknya. Isteri adalah orang yang paling layak untuk menggantikan suami dalam kegiatan ekonomi, misalnya, kalau satu hari suami terpaksa kebandar, maka isteri bertanggung-jawab mengambil alih urusan menjaga kedai. Atau bila suami tidak dapat datang dalam kenduri kendara, maka isteri akan dihantar sebagai wakil, atau pun dalam satu-satu masa isteri tidak dapat turun kesawah, maka suamilah yang akan menggilirkan kerja isteri. Maka tidak hairanlah hubungan mereka agak kerap dan saling perlu-memperlukan.

Begini juga hubungan mereka dengan anak-anak. Kita kadang-kadang mendapati ada anak-anak lelaki yang lebih mesra dengan ibunya dan takut pula dengan bapanya. Dan kadang-kadang pula ada anak perempuan itu yang lebih mesra dengan bapanya dan takut-takut dengan ibunya. Jadi apa yang nyata corak perhubungan diantara sesama famili itu ditentukan oleh kemesraan ibubapa dan juga keadaan tempatan. Maksudnya, disini keturunan adalah dikesan dari pehak ibu dan bapa. Ibu bapa pula dalam kegiatan harian mereka mencari nafkah adalah berkisar dikalam kampong ini saja. Ini menyebabkan mereka punya banyak masa untuk dihabiskan dirumah. Selain dari itu anggota kekeluargaan mereka tidak ramai disini, dan kalau ada pun rumah-rumah mereka sudah terpisah-pisah.

Bagaimana pun dapat juga dikesan perhubungan diantara anak lelaki dengan bapa mereka lebih kerap daripada ibu mereka. Dan anak perempuan pula berhubung lebih kerap dengan ibu mereka. Tapi kemesraan diantara kedua-duanya tetap tidak berlebih kurang. Cuma darjah kekerapan perhubungan saja yang berbeda. Anak lelaki lebih kerap berhubungan dengan bapa mereka kerana mereka sering menolong atau diminta pertolongan oleh bapa mereka, khususnya dalam kerja-kerja yang agak berat dan tak sesuai dikerjakan oleh anak-anak perempuan. Perhubungan ini lebih kerap lagi di masa cuti sekolah. Dalam masa yang lain pula anak lelaki tadi terhutang budi pada ibunya yang menjaga makan pakainya. Dengan ini terdapat keseimbangan.

Anak-anak perempuan pula lebih kerap berhubung dengan ibu mereka kerana mereka sering menolong atau diminta pertolongan dalam kerja-kerja rumah oleh ibunya. Dalam masa yang lain pula, mereka akan terhutang budi pada bapa mereka kerana mereka dapat duit belanja sekolah dan kain baju dari bapanya. Bapa juga yang selalunya mengambil berat tentang pelajaran sekolahnya kerana umumnya bapa-bapa disini mendapat pelajaran lebih sedikit dariisteri mereka. Dengan ini menjadikan keseimbangan antara anak-anak perempuan dengan bapa mereka. Puncak segala-galanya, bapalah yang memutuskan satu-satu hal dalam rumah tangga samada soal pelajaran, pekerjaan, atau soal perkahwinan. Jadi bapa dinurmati dan ibu pula disayangi.

Diantara adik-beradik pula perhubungan adalah juga begitu mesra. Tidak ada perbedaan kasih sayang antara adik-beradik lelaki atau perempuan. Ini mungkin kerana belum ramai abang-abang atau kakak mereka yang keluar bekerja dibandar-bandar, kerana peluang pekerjaan dikampung ini sentiasa ada. Bagaimana pun ke nyataan ini hanya tepat diantara adik beradik yang berumur belasan tahun, kerana mereka umumnya masih belum berkanwin dan tinggal dibawah satu bumbung. Namun begitu dapat juga dikesan pola-pola tertentu iaitu adik beradik lelaki selalunya lebih kerap berhubung sesama mereka dan sebaliknya. Kalau bermain atau berjalan kita dapati mereka yang lelaki sesama adik beradik lelaki. Jika seorang abang berhubung begitu kerap seperti bermain dan berjalan dengan adik perempuannya, ini sudah tentulah jadi per bualan orang-orang kampung.

5.4a. KEKELUARGAAN.

Kekeluargaan itu adalah perhubungan yang berpunca dari keturunan darah samada benar-benar atau pun anggapan saja, dan melalui perkahwinan. Anggota satu-satu kekeluargaan disini disusur-galurkan dari dua belah pihak, lebih-lebih lagi kalau salah seorang daripada ibu-bapa mereka itu bukannya berasal dari negeri Sembilan. Anggota satu-satu kekeluargaan berbanding dengan anggota satu-satu famili tadi tidaklah besar. Ini semata-mata disebabkan oleh perpindahan yang menjadikan ramai dari anggota kekeluargaan mereka ditinggalkan di negeri Sembilan. Mana-mana anggota kekeluargaan yang ada disini adalah samada mereka sama-sama berpindan atau baru terbentuk disini melalui perkanwi-

nan atau melalui kelahiran anggota baru.

Ringkasnya disini seorang itu punya saudara bapa dari ayahnya

dan ibu.

Bagaimana pun terdapat berbagai variasi dalam kecenderungan menentukan anggota kekeluargaan itu, mengikut keadaan. Maksudnya, kalau adik beradik dan saudara mara ibu ego lebih ramai disini berbanding dengan adik beradik bapa ego, maka besar kecenderungan ego akan kerap berhubungan dengan anggota kekeluargaan sebelah ibunya. Akibatnya ego akan lebih merasakan saudara mara sebelah ibunya sebagai anggota kekeluarganya. Dan sebaliknya kalau saudara mara bapa ego lebih ramai disini.

Jika adik beradik dan saudara mara baik sebelah ibu atau sebelah bapa lebih kurang sama saja banyaknya, maka ego akan berhubung lebih kurang sama saja kerapnya. Dan ego akan merasakan keadaan dua penak saudara mara itu sebagai anggota kekeluarganya. Hakikatnya ialah anggota kekeluargaan itu adalah ditentukan dari kedua belah pihak, manakala kekerapan dan kemeriahan antara ego dengan anggota kekeluarganya adalah bergantung pada bilangan anggota kekeluargaan sebelah mana yang lebih ramai.

5.5a PERHUBUNGAN DALAM KEKELUARGAAN.

Sebagaimana yang dikatakan diatas, keturunan adalah dikira dari dua belah pinak, maka mereka yang tergolong dalam satu-satu kelompok kekeluargaan pun dikira dari dua penak. Bertinya, bagi ego adik beradik bapanya dan adik beradik ibunya, samada lelaki atau perempuan adalah menjadi anggota kekeluarganya. ^{juga} bagitul anak adik beradik bapa ego atau anak adik baradik ibu ego, sama-

ada lelaki atau perempuan adalah menjadi anggota kekeluargaannya. Ringkasnya disini seseorang itu punya saudara mala dari sebelah ibu dan bapa. Dalam hubungan sosial diantara anggota kekeluargaan ini amat rapat. Ini juga kerana keadaan tempatan dimana mereka sama-sama berada ditempat orang. Kalau tidak dengan saudara mala dengan siapa lagi hendak mengadu dimasa kesusahan. Jadi sakit seorang, sakit semua; malu seorang, malu semua. Oleh itu antara anggota satu-satu kekeluargaan itu amat mengambil berat antara satu sama lain. Kalau berlaku sakit pening, mereka tidak akan bertangguh lagi untuk menolong sebanyak mana terdaya. Kalau dalam kenduri kendara pula anggota kekeluargaan inilah yang jadi harapan untuk bersama-sama menjayakan majlis itu. Dalam kesempitan wang pula, dari anggota kekeluargaan inilah punca utama untuk meminta bantuan atau meminjam. Jadi atas dasar inilah diantara sesama anggota kekeluargaan ini perhubungan mereka amat rapat sekali.

Bagaimana pun kemesraan ini adalah juga dipengaruhi sedikit sebanyak oleh peribadi anggota kekeluargaan itu, selain dari keadaan tempatan. Oleh kerana kekeluargaan ini anggotanya lebih kecil dibandingkan dengan di Negeri Sembilan, maka seseorang itu tidak banyak pilihan untuk berhubung. Oleh itu hubungan mereka sesama anggota kekeluargaan itu menjadi kerap dan mesra. Dengan kata lain ego merasakan bapa dan ibu saudaranya itu sebagai bapanya dan ibunya sendiri. Dan saudara pupunya le-

laki perempuan dirasakan oleh ego sebagai adik beradik sendiri.

Berbanding dengan anggota kekeluargaan mereka yang di Negeri Sembilan, hubungan mereka adalah seperti orang asing. Ini lebih-lebih lagi kalau ego dilahirkan disini dan tidak langsung dapat bersama dengan saudara mereka itu. Tapi lain sedikit halnya kalau ego dilahirkan di Negeri Sembilan dan sempat dibesarkan di Negeri Sembilan buat beberapa lama dikalangan anggota kekeluarganya disana, maka hubungan ego dengan mereka adalah lebih mesra dari mereka yang dilahirkan disini. Sekurang-kurangnya ego mengenali dan kadang-kadang misalnya dihari raya ego selalu pergi juga kerumah saudara mara mereka di Negeri Sembilan.

Namun pada hakikatnya perhubungan diantara seseorang itu dengan anggota kekeluargaan yang dinegeri Sembilan adalah jauh lebih renggang daripada anggota kekeluarganya disini. Dalam kes-kes yang agak ekstrim ada diantara bapa atau ibu saudara ego samada sebelah ibu atau bapanya yang tidak dikenali rupa atau namanya. Ini kerana anggota kekeluargaan hanya datang sekali saja seperti di hari raya, kenduri kendara, kematian dan sebagainya. Kadang-kadang juga langsung tidak datang hingga empat lima tahun. Dan kalau datang sekali itu cuma sekejap saja. Jadi tiada asas yang kuat untuk seseorang itu bermesra-mesra dengan kerabatnya di Negeri Sembilan.

Ada juga kes-kes dimana ada diantara anak-anak orang disini yang tinggal bersama-sama dengan salah seorang anggota ke-

biasa ini kecemasan juga bukan sahaja muda-mudi yang tidak keluargaan disana, samada sedang bersekolah atau sudah bekerja. Selalunya ialah dirumah 'wan' atau dirumah adik-beradik bapa atau ibunya. Tapi paling kerap ialah tinggal bersama dengan 'wan'nya. Ini mungkin untuk menemankan 'wan' dan datuknya yang sudah tua. Selain dari itu 'wan' dan datuk ini juga berkecenderungan untuk memelihara cucunya kalau tidak dapat ramai, seorang pun jadilah, dengan harapan supaya ibubapa cucunya sering melawatnya. Jadi cucu tadi seolah-olah 'tali penghubung' antara negeri Sembilan dan Pahang.

5.6a MASYARAKAT DALAM PERHUBUNGAN

Masyarakat disini bolehlah dikatakan sudah menerima unsur moden. Dengan itu hubungan muda-mudi bolehlah juga dianggap bebas, tapi bukanlah bermakna tiada batasan langsung. Maksudnya, muda-mudi bebas bergaul dalam persatuan belia, bersukan dan juga dalam kenduri kendara.

Bagaimana pun hubungan yang merentas kampung masih belum meluas lagi. Maksudnya, anak-anak muda disini lebih banyak menghabiskan masa mereka bergaul didalam kampung ini saja. Mereka bukanlah bermusuh dengan anak-anak muda dikampung lain, tapi sekadarkan mereka tidak bergaul saja. Kalau ada keramaian seperti pertunjukan, sukan dan sebagainya, kita akan dapati dengan jelas anak-anak muda ini berkelompok mengikut kampung masing-masing.

Dimasa ini kedapatan juga hubungan muda-muda yang tidak menyenangkan masyarakat. Selalunya perkara ini tidak akan dibiarakan lama kalau mereka tak dikawinkan, mereka akan ditegah oleh ibu-bapa masing-masing supaya memberhentikan perhubungan yang begitu. Gejala-gejala ini baru timbul akibat pembukaan ladang-ladang seperti ladang kelapa bali FELDA dan ladang getah RISDA yang meluas berhampiran dengan kampung ini, juga penggunaan peti telivisyen yang boleh dikatakan ada ditiap-tiap kedai kopi dikampung ini.

Mereka yang selalunya pergi bekerja diladang itu ialah kebanyakannya wanita dan lelaki yang rata-rata belum berkahwin. Mereka selalunya pergi bekerja dijemput dengan kereta atau lori kontrektor diladang itu. Untuk itu mereka terpaksa menunggu agak awal sedikit, dimana hari masih gelap lagi. Kemudian mereka akan pergi bekerja bersama-sama dalam satu kenderaan, dan dimasa bekerja pula mereka bekerja berdekatan, atau pun bersama-sama. Misalnya kalau lelaki memunggah baja, perempuan pula menaburkan baja. Faktor inilah yang menyebabkan perhubungan antara mereka lebih kerap kerana banyak kesempatan. Jadi tidak hairanlah kalau ada diantara mereka yang mengambil kesempatan ini untuk melakukan perbuatan yang tak manis dipandang mata.

Telivisyen juga menyebabkan hubungan muda-mudi menjadi lebih kerap. Oleh kerana ramai yang tidak mampu untuk membelinya, maka-anak-anak muda akan bertumpu kekedai kopi yang ada peti telivisyen. Untuk kerumah orang lain dimalam-malam hari

adalah tidak sopan atau mereka sengaja tidak mahu walaupun di rumah saudara mara mereka ada peti televisyen. Jadi muda-mudi lelaki perempuan keluar menonton sesama mereka saja, tiada ibubapa mereka yang menemankan dan pulang pula agak jauh malam. Dikedai-kedai ini mereka bebas bergaul atau berbual-bual antara satu sama lain. Jadi kedai-kedai ini seolah-olah pusat pertemuan tak resmi mereka. Kadang-kadang pula ada teruna yang berani menemankan gadis pulang kerumahnya. Akibatnya timbulah macam-macam cerita. Walau bagaimana pun fenomina baru ini masih lagi boleh dikawal.

Perhubungan diantara yang sebaya umur juga adalah rapat dan mesra, tidak kira kaya atau miskin. Bagaimana pun kadang-kadang mereka yang miskin merasa 'rendah hati' untuk bergaul dengan orang yang kaya, tapi orang yang kaya disini tidak pula meninggikan diri mereka. Mereka sering kelihatan bergaul dengan orang-orang lain seperti dikedai-kedai kopi atau semasa kenduri-kendara. Tiada perbedaan dalam pergaulan samada sesama muda atau tua yang berdasarkan taraf ekonomi. Begitu juga perhubungan masyarakat disini dengan mereka yang bekerja sebagai, guru pegawai pertanian atau pernutanan adalah mesra juga. Tambahan mereka ini tidak membesar-besarkan diri mereka.

Bagaimana pun perhubungan masyarakat disini dengan orang-orang yang memegang jawatan yang khusus untuk masyarakat disini seperti datok Penghulu, Datok Empat atau Imam adalah berjarak sedikit. Mereka ini lebih dinurmati dari orang-orang lain. Ini

adalah satu perkara yang sepatutnya berdasarkan norma-norma masyarakat Melayu. suka sama suka. sesuatu lagi perkembangan besar ini suku dan perut masih lagi belum pernah terjadi dalam sejarah. Dalam kenduri kendara lebih-lebih lagi yang besar-besaran Datok Penghulu, Datok Empat dan Imam tidak pernah ketinggalan untuk dijemput. Dengan kedatangan mereka ini akan memeriahkan lagi suasana dan tuan rumah yang mengadakan kenduri itu akan merasa puas hati kerana kendurinya dirasakan berjaya dengan kedatangan mereka ini. Misalnya kalaulah mereka ini tidak datang atas sebab-sebab peribadi walaupun sudah dijemput, perkara ini sekurang-kurangnya akan menjadi bahan pembualan orang disini buat beberapa hari. mungkin ada orang disini yang menganggap ada sesuatu yang tak kena pada tuan rumah.


Dalam kenduri kendara, selalunya orang yang duduk di hujung ialah mereka yang seperti diatas. walau pun ada kecenderungan untuk mempersilakan mereka yang bekerja seperti guru, pegawai pertanian, perhutanan dan sebagainya untuk duduk di hujung tetapi selalunya mereka ini menolak dan lebih suka bercampur dengan orang-orang dipangkal. Bagaimana pun sesiapa saja boleh duduk untuk memenuhi bahagian sebelah hujung rumah. Jadi jelaslah mereka yang dihormati dan dimuliakan itu bukanlah berdasarkan taraf ekonomi mereka.

5.7a PEMILIHAN PASANGAN.

Tiada 'preferred marriage' dikampung ini. Maksudnya tidak ada orang-orang yang tertentu atau gulungan tertentu yang jadi

pilihan utama. Perkahwinan pasangan-pasangan disini adalah lebih berdasarkan suka sama suka. Namun begitu perkahwinan sesama suku dan perut masih lagi belum pernah terjadi dalam sejarah kampung ini. Masyarakat disini hingga kehari ini masih lagi belum sanggup merelakan pasangan yang ingin berkahwin sesuku atau seperut.

Walau pun mereka semua menyedari bahawa kawin sesuku atau seperut tidak salan dari segi ugama Islam, tetapi mereka tetap juga tidak mahu menerima hakikat ini. Lebih dari itu, disini bahkan perkahwinan seperti yang digalakan di Negeri Sembilan iaitu diantara anak seorang buapak kadim dengan anak buah kadim juga selainnya cuba dielakan. (lihat rajah 2). Ego adalah tidak digalakan berkahwin dengan 'y'. Begitu juga ego tidak digalakan berkahwin dengan 'z', walau pun mereka itu hanya bapa saja yang adik-beradik. Perkahwinan diantara ego dengan 'x' sudah jelas cuba dielakan.



Rajah 2. Pemilihan Pasangan.

△ = Lelaki.

○ = Perempuan.

Pengkaji rasa pengaruh Adat Perpatih dahulu masih belum dapat ditinggalkan khususnya dalam kontek ini. Pengaruh itu seolah-olah sudah sebatи tanpa disedari oleh mereka. Ini lebih-lebih lagi kepada mereka yang berpindah kesini setelah agak dewasa, atau setelah berkahwin. Bagaimana pun disini mereka ada cara-cara tersendiri untuk merasionalkannya. Sekurang-kurangnya ada tiga sebab mengapa mereka cuba mengelakan kawin sesuku, seperut dan sewaris;

a) Ekonomi. Kawin sesuku, seperut dan sewaris (iaitu perkahwinan diantara ego dengan 'x', 'y' dan 'z' seperti dalam rajah disebelah) bermakna kawin dengan anggota kekeluargaan dan saudara mara. Mereka menganggap mangambil anggota kekeluargaan dan saudara mara sebagai menantu adalah tidak menguntungkan. Ini kerana mengikut mereka menantu begini akan menghabiskan harta saja. Kalau harta Pak dan Mak mentuanya habis mereka mungkin berkata, "Alan, kalau tidak aku, siapa lagi yang nak menghabiskannya". Juga kata mereka menantu begini agak pemalas dan tidak ada semangat untuk berlumba-lumba, (bersinggit-singgit kalau mengikut istilah orang-orang sini). Jadi kalau mereka memilih menantu dari kalangan bukan saudara mara atau orang luar yang menetap disini, mereka akan lebih berusaha untuk maju dalam mencari harta. Mereka yang begini merasa bertanggung-jawab untuk memberi kesenangan pada isterinya dan anak-anak. Atau sekurang-kurangnya menunjukan pada orang kampung atau Pak dan Mak mentuanya yang dia tidak mempersia-siakan isterinya. Jadi tak hairanlah disini ramai wanita bersuamikan orang-orang yang bukan saudara mara atau bukan berasal dari Negeri Sembilan.

b) Malu. Perasaan ini masih dibawa 'berpindah' bersama-sama dengan perpindahan mereka. Ianya belum hilang lagi, walaupun mereka sudah tinggal disini berpuluhan-puluhan tahun lamanya. Malu itu pertamanya diantara suami-isteri yang telah merasakan mereka seolah-olah adik beradik. Juga suami-isteri akan malu kepada mak dan rak mentuanya yang telah dianggap sebagai ibubapa sendiri sebelumnya, lebih-lebih lagi kalau isterinya mengandung. Juga malu bagi pihak Pak dan mak mentua untuk menyeru arah menantunya. Kalau menantunya buat tak tahu saja, mereka tak bolen buat apa-apa.

c) Takut kalau-kalau bercerai. Memang tujuan perkahwinan itu untuk merapatkan lagi hubungan diantara saudara mara dua belah pihak, tapi apa yang mereka bimbangkan ialah kalau-kalau perkahwinan itu tidak berjaya atau ringkasnya kalau terjadi perceraian. Soal pihak mana yang salah itu tidak penting, tapi yang penting ialah dengan perceraian itu akan mengakibatkan kesan yang buruk kepada dua-dua belah pihak. Mereka tidak mahu ini semua kerana saudara mara mereka disini tidak ramai. Mereka tak mahu nanti kalau terjadi perceraian, saudara mara mereka yang sedia kecil ini bertambah kecil lagi.

Dalam pemilihan pasangan selain daripada cuba mengelakan dari mengambil saudara mara, orang-orang disini cuba untuk mengelakan perkahwinan dengan saudara mara yang di Negeri Sembilan. Sebaliknya ada kecenderungan saudara mara mereka yang di Negeri Sembilan cuba untuk mengeratkan pertalian kekeluargaan mereka

melalui perkahwinan. Kecenderungan ini amat jelas kerana selalu kedapatan wakil-wakil dari Negeri Sembilan yang cuba merisik anak-anak gadis atau teruna disini untuk dijodohkan dengan anak gadis atau teruna di Negeri Sembilan yang terdiri dari saudara mara mereka. Dini jelas seolah-olah orang-orang disini cuba untuk memutuskan pertalian mereka dengan saudara mara mereka di Negeri Sembilan, khususnya melalui perkahwinan ini saja. Ini disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya;

- a) Mereka tidak mahu nanti kekeluargaan yang telah sedia-kala renggang (walau pun bukan bermusuhan), akan bertambah renggang atau hancur langsung sekiranya terjadi perceraian.
- b) Ibu-bapa disini seboleh-bolehnya tak mahu anak-anak mereka lebih-lebih lagi yang lelaki meninggalkan mereka dengan perkahwinan itu nanti, kerana kalau mereka berkahwin dengan orang Negeri Sembilan mereka seharusnya tinggal dengan isterinya disana. Jadi kalau dapat bakal isteri atau suami anak-anak mereka nanti biarlah orang-orang dari kampung ini atau dari kampung yang berdekatan.
- c) Keluarga disini, lebih-lebih lagi pihak bapa telah berpindah kesini sedikit sebanyak mungkin disebabkan konflik di Negeri Sembilan. Jadi mereka tidak mahu kalau anak-anak mereka nanti yang berkahwin dengan pasangan dari Negeri Sembilan akan mengalami apa yang telah mereka alami.
- d) Apa yang penting sekali ialah tidak adanya kecenderungan anak-anak muda disini untuk berkahwin dengan saudara mara atau orang Negeri Sembilan. Mereka lebih suka memilih pasangan

yang lebih tinggi daripada dari jangka masa sekarang ini, mereka dikalangan orang-orang disini yang lebih mereka kenali dan biasa.

Berdasarkan alasan-alasan diatas, maka kita dapat ijarang sekali anak-anak muda disini lebih-lebih lagi yang berkahwin dengan orang-orang atau saudara-mara mereka dari Negeri Sembilan.

Dalam soal memutuskan perkahwinan ini adalah terletak dalam tangan bapa keseluruhannya. Bagaimana pun dimasa ini oleh kerana pengaruh moden, sudah ada kecenderungan anak-anak mereka akan memilih pasangan mereka sendiri dengan persetujuan ibu-bapa mereka sendiri. Dalam soal ini tidak ada kategori tertentu dari segi ekonomi, pelajaran atau darjat yang menjadi ukuran yang rigid. Apa yang dipentingkan ialah peribadi bakal menantu mereka itu baik dan dihormati. Bagi ibu-bapa pula tidak membedakan antara menantu mereka yang ada, samada menantu mereka itu anak orang kaya, guru atau hanya seorang petani biasa. Sifat atau sikap ini amat disenangi oleh anak-anak muda disini lebih-lebih lagi yang lelaki.

Jadi tak hairanlah kalau didapati disini ada anak Tok Empat yang berkahwin dengan seorang penoreh getah, atau anak seorang peniaga yang terkaya dengan hanya seorang penjual sayur, dan sebagainya. Pengkaji rasa sikap ini adalah disebabkan, kesemua masyarakat disini yang datang berpindah dulu pada asalnya adalah sama saja. Tiada yang lebih kaya dari yang lain, tiada

yang lebih tinggi darjatnya dari yang lain. Taraf mereka sama, kelas mereka sama-sama tergolong dalam kategori peneroka atau orang dagang. Dan setelah tinggal disini beberapa lama, ada di antara mereka yang lebih senang dari orang lain atas usaha sendiri, tetapi mereka masih lagi tergolong sebagai peneroka.

Keduanya, mungkin disebabkan untuk mencari pasangan yang bekerja makan gaji adalah suatu perkara yang sukar. Jadi mereka seolah-olah tiada pilihan lain lagi selain daripada menerima saja pinangan sesiapa saja yang sesuai asalkan peribadi mereka baik, baik dan anak mereka pun suka.

Ringkasnya, tiada 'preferred marriage' disini. Perkahwinan sesuku dan seperut setoleh-bolehnya cuba dielakan. Bahkan kahwin diantara bapa mereka adik-beradik juga cuba dielakan, (lihat rajah 2) dimana ego tak digalakan berkahwin dengan 'z'. Ini kerana dengan perkahwinan itu dari segi Islam akan memutuskan tali wali selain dari tiga sebab yang telah diberikan.

5.8a PERKAHWINAN.

Keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa tahap-tahap perkahwinan masyarakat disini tidaklah berbeda sangat dengan di Negeri Sembilan. Bagaimana pun teruapat juga sedikit sebanyak perbedaan di beberapa tempat yang disesuaikan dengan masa dan tempat. Dalam soal perkahwinan ini, keputusan adalah dibuat dalam sesebuah rumah diantara anak dengan ibu-bapa saja, dimana bapalah yang memberikan kata putus. Cuma diperlukan ialah men-

dapatkan persetujuan dari Datok Empat, yang pada hakikatnya adalah tidak pernah menolak atas kepentingan sendiri. Dan dimasa hari langsung, tiada orang-orang tertentu yang harus diutamakan tempat duduk atau makanannya seperti Lembaga di Negeri Sembilan. Cuma yang lebih sedikit diambil berat ialah Datok Empat, Datok Penghulu, Imam dan orang lain yang punya peranan yang agak besar dalam masyarakat setempat. Tapi layanan yang diberikan serupa saja dengan yang diberikan pada orang lain, cuma lebih-lebih mereka digalakan duduk dihadapan orang tuanya.

a) Merisik. Ia dilakukan oleh ibu-bapa atau lebih utama saudara-mara pihak lelaki. Istilah merisik ini membawa makna lebih kurang meninjau samada pinak perempuan itu boleh dan sesuai untuk dipinang nanti. Ianya dilakukan secara sembunyi atau diam-diam, namun pada hakikatnya perkara ini dapat juga dikesan oleh masyarakat setempat. Dalam merisik itu ibu-bapa atau saudara-mara lelaki akan bertanyakan perkara yang bersangkutan dengan soal perempuan yang dihajati itu, termasuklah soal peribadi dan kaum keluarganya.

Tapi dimasa ini tugas merisik itu telah 'diambil alih' oleh anak lelaki mereka. Selalunya anak-anak lelaki itu menuakwa dia lebih tahu tentang bakal isteri dan keluarganya. Tapi disamping itu ibu-bapa tadi secara diam-diam samada mereka sendiri atau disuruh orang lain tetap juga akan merisik bakal isteri anak mereka. Ibu-bapa tidak sulat-sulat mempercayai kata-kata

anak mereka. Disini apa yang dikatakan merisik itu tidaklah merupakan satu tugas yang berat kerana kawasan prkampungan ini agak kecil. Semua orang mengenali antara satu sama lain.

Bakal menantu itu adalah seorang yang baik. Pemberitahuan

b) Meminang. Ia dijalankan setelah merisik dan ibu-bapa lelaki puas hati akan bakal menantu dan keluarganya. Reminang ini pada dasarnya belum lagi merupakan satu keputusan, kerana pihak perempuan belum tentu lagi akan menerimanya. Tapi pada hakikatnya, sekurang-kurangnya dikampung ini, belum pernah terjadi peminangan yang ditolak. Ini kerana pihak lelaki sebelum masuk meminang sudah merasa begitu yakin akan pinangan mereka akan diterima.

Kemari bertunung itu pihak lelaki akan pergi ke rumah pihak perempuan dengan mengantarkan seorang pertamanya. Maka ini disebut peminangan ini dilakukan oleh saudara mara pihak lelaki. Untuk itu selalunya diberitahu kepada saudara mara, Buapak dan Lembaga di Negeri Sembilan. Pemberitahuan ini cuma setakat memberitahu saja, bukannya minta buah fikiran apa lagi keputusan. Ia cuma setakat budi bahasa saja.

Semasa meminang ini pihak lelaki akan membawa sebentuk cincin yang dinamakan 'cincin tanya'. Cincin itu cincin biasa dan kadang-kadang cincin lama saja. Semasa istiadat meminang itu dijalankan, tiada menggunakan kata-kata perbilangan atau kata-kata adat. Bak kata orang-orang disini ber'lurus-lurus' saja. Kemudian pihak saudara-mara perempuan yang ada disini akan berunding sesama mereka, apakah patut diterima pinangan itu atau tidak. Setelah semuanya bersetuju perkara ini diru-

jukan kepada Datok Empat untuk mendapat persetujuan darinya. Selalunya Datok Empat mengikut saja kerana dia tahu kalau ibubapa dan saudara-mara pihak perempuan sudah setuju, tentulah bakal menantunya itu adalah seorang yang baik. Pemberitahuan itu sekadarkan budi bahasa dan memenuhkan tanggung-jawab sebagai anak buah.

c) Bertunang. Secepat-cepatnya seminggu selepas dilakukan peminangan itu maka cincin tanya itu akan dikembalikan berserta dengan jawapan samada diterima atau tidak. Selalunya jawapan sudah diduga terlebih dulu yang ia tidak akan ditolak. Pada hari bertunang itu pihak lelaki akan pergi kerumah pihak perempuan dengan menghantar cincin pertunangan. Kali ini cincin itu adalah istimewa dan kadang-kadang sengaja ditempah bersesuaian dengan jari bakal pengantin perempuan. Kedua-dua belah pihak pun berundinglah hari-hari yang difikirkan sesuai untuk dilangsungkan perkahwinan itu nanti. Dalam bertunangan itu ada syarat-syaratnya sama seperti di Negeri Sembilan. Kalau lelaki mungkir janji atau membuat helah, maka cincin pertunangan itu akan terserah pada perempuan. Kalau perempuan pula yang begitu maka dia terpaksa memulangkan dua bentuk cincin kepada pihak lelaki.

Masa pertunangan itu dijalankan, diadakan sedikit kenduri pada kedua-dua belah pihak. Selalunya menyembelin kambing saja. Dihari inilah selalunya saudara mara dari Negeri Sembilan datang untuk sama-sama memeriahkan dan membincangkan tentang se-

gala hal bagi menjayakan perkahwinan itu nanti. Misalnya, setakat manakah besarnya kenduri itu nanti, siapa-siapakan yang akan dijemput, bila hendak mula berkampung dan sebagainya. Kemudian ditentukan hari yang sesuai untuk berkampung dan melangsungkan perkahwinan. Hari yang sesuai selalunya ialah hari Ahad dimusim cuti sekolah, juga seboleh-bolehnya selepas menuai padi. Tempoh pertunangan itu tak dapat nak ditentukan, bergantunglah pada kemahuan masing-masing.

d) Berkampung. Maknanya berkumpul. Berkumpul sesama saudara-mara dan orang-orang dekat rumah bagi menyediakan segala kelengakapan untuk melangsungkan perkahwinan itu nanti. Selalu-nya hari berkampung itu selewat-lewatnya seminggu sebelum hari langsung. Dihari ini didirikan khemah untuk memasak dan tempat jemputan, dicari kayu api dan sebagainya. Pada hari ini banyak tenaga yang diperlukan. Kadang-kadang tidak cukup tenaga saudara mara disini dan terpaksa diminta pertolongan dari jiran sebelah. Selalunya ada juga saudara mara dari Negeri Sembilan datang menolong. Bagi pihak perempuan hari ini juga disebut hari 'mengacau pengangan', iaitu membuat sedikit kueh seperti pengangan atau wajek untuk digunakan pada hari menyembah nanti. Membuat persiapan untuk melangsungkan perkahwinan ini tidak pernah selesai dalam satu hari saja. Ia akan disambung pada keesokannya atau pada hari lain yang telah dipersetujui.

e) Hari Langsung. Apa yang istimewa dihari ini ialah istiadat persandingan. Istiadat ini bolehlah dikatakan puncak

satu-satu institusi perkahwinan itu. Ia biasanya dijalankan di siang hari, tapi selalu juga dijalankan di malam hari. Kalau ia hendak dilangsungkan di malam hari, maka istiadat persandingan itu dijalankan diwaktu malam dan sebaliknya.

Kalau hendak dijalankan di siang hari, malamnya kerap diadakan majlis yang dikenal 'berinai kecil'. Majlis ini dijalankan dirumah pihak perempuan. Dimasa ini pengantin perempuan saja yang akan diinaikan dimana keluarga pengantin perempuan sesama anak-beranak akan melakukannya istiadat 'mencecah inai'. Selepas itu mulalah segala saudara bala atau orang lain menjalankan tugas masing-masing iaitu memasak untuk makanan esok hari. Selalunya semalam-malam itu tiada yang tidor.

Esoknya barulah persandingan itu dilangsungkan. Pada hari ini segala jemputan jauh dan dekat akan datang. Mereka selalu-nya akan membawa hadiah berupa barang atau wang. Mereka akan dipersilakan duduk dibawah khemah yang telah disediakan. Hari ini juga dilakukan ijab kabul atau akad nikah. Ia dijalankan sebelum bersanding oleh tiga pengantin perempuan. Kalau tiada bapa, ia akan digantikan oleh wali atau kadi. Dalam istiadat ini disebutkan sekian-sekian banyaknya maskawin. Disini kadar bayaran maskawin ialah \$22.50 tidak kira janda atau anak dara.

Sebelumnya kadang-kadang ada juga pengantin perempuan berkhataf Quran. Pengantin lelaki selalunya datang kira-kira pukul 12 tengah hari atau sebelum makan. Kemudian dilakukan

persandingan diatas tempat yang dinamakan pelamin. Dimasa ini biasanya dijalankan istiadat 'bersuapan', dan dipersembahkan pencak silat dan tarian. Ketika bersanding inilah keluarga pengantin perempuan dan juga jemputan akan berpeluang melihat rupa paras kedua-dua pengantin itu. Kemudian daripada ini resmilih kedua-dua pengantin itu sebagai suami isteri yang sah disisi Islam dan diterima oleh masyarakat.

1) Menyalang. Istiadat ini bukanlah satu perkara yang menjadi kemestian. Ia adalah diatas permintaan atau hajat pihak keluarga pengantin lelaki. Ia dilakukan selepas pengantin itu bersanding dirumah pengantin perempuan, dan dimasa inigiliran pengantin perempuan pula bersanding dirumah pengantin lelaki. Tujuannya untuk memperkenalkan kedua-dua penantin itu, lebih-lebih lagi yang perempuan kepada ibu-bapa dan sanak saudara sebelah lelaki.

2) Menyembah. Istiadat ini dalam erti kata yang lain ialah berkenal-kenalan dengan saudara mara atau anggota kekeluargaan pihak suami. Fungsi menyembah ini amat penting dimasa-masa lalu dimana pihak saudara mara lelaki tidak mengenali pengantin perempuan. Tapi sekarang belum pun bertunang lagi bakal isteri itu telah dibawanya kerumah. Pasangan yang baru berakahwin tadi mula-mula sekali menyembah ibubapa suaminya dan kemudian barulah mereka kerumah saudara mara yang lain. Semasa menyembah ini mereka akan membawa sedikit kuih yang telah disediakan oleh keluarga pengantin perempuan semasa berkampung

dulu. Kueh ini akan diberikan kepada ibubapa dan saudara mara pihak lelaki. Ia dibalas dengan wang yang diletakan didalam tempat kueh yang telah diambil isinya. Kadar bayarannya tak ditentukan tapi selaunya tidak kurang dari \$5.00. Perbuatan ini adalah sebagai permulaan bagi kedua-dua belah pihak untuk berbalas-balasan atau memberi dan menerima selanjutnya.

Bagaimana pun dimasa ini adat menyembah ini sudah banyak yang ditinggalkan. Ini lebih-lebih lagi bagi pasangan yang bekerja dengan kerajaan dan dilahirkan disini. Apa yang penting ialah tiada orang yang akan 'berontak' kalau tidak dilakukan istiadat ini. Pasangan yang baru berkahwin disini boleh dikatakan tiada langsung yang pergi menyembah kerumah saudara mara mereka di Negeri Sembilan, walaupun mungkin ada bapa saudara kadimnya disana. Sebaliknya pasangan dari Negeri Sembilan sering datang menyembah kesini.

Apa yang dinamakan istiadat 'menikam jejak' seperti yang diceritakan oleh Zainal Keling di Melaka Utara tidak pernah kedengaran disini. (3)

ini adalah peringkat perkahwinan yang biasa. Tapi kadang-kadang ada juga peringkat itu yang tidak diikuti sepenuhnya. Misalnya ada pasangan yang tak bertunang terlebih dulu, terus saja berkahwin. Ada juga yang berkahwin kena tangkap berdua-duaan. Bagaimana pun perkara ini adalah satu kegantilan dan amat jarang berlaku.

5.9a PERCERAIAN.

Perceraian yang berlaku disini mengikut keterangan orang-orang disini selalunya tidak atau jarang didahului oleh perkela-hian. Perceraian itu diselesaikan secara aman. Disamping itu ada juga kecacatan satu-satu pihak menjadi punca perceraian. Difahami juga perceraian yang telah berlaku itu amat jarang datangnya dari atau berpunca dari wanita. Ini menunjukkan bahawa wanita disini takut untuk bercerai.

Ini mungkin disebabkan oleh perpindahan yang menyebab-kan segala tanah pesaka, sawah dan kebun getah hak perempuan kalau-lah ada semuanya telah ditinggalkan di Negeri Sembilan. Juga Adat Perpatih yang menyokong wanita memiliki harta sudah tidak tidak diamalkan lagi disini. Seterusnya disini perasaan kasih sayang antara suami isteri itu amat mendalam kerana mereka sama-sama berdagang, sama-sama berpindah, sama-sama susah dan sebagainya.

Segala sebab diatas sedikit sebanyak menghalang atau ti-dak menggalakkan perceraian, kerana suami isteri saling memerlukan terutama isteri yang bergantung keseluruhan hidupnya pada suami. Tiada lagi tanah pesaka, sawah ladang atau rumah gedang yang dimegah-megahkan atau dapat menjadi tempat tinggal sele-pas bercerai atau diceraikan.

Dalam kes bercerai mati kalau suami yang meninggal dulu isteri tetap akan tinggal dirumah yang telah dibina bersama-

sama. Umumnya rumah yang didirikan adalah diatas tanah carian mereka berdua semasa hidup. Anak-anak mereka akan dipelihara oleh isteri sendiri dengan pertolongan saudara mara mereka. Kalau isteri itu sudah tua, ia mungkin dibawa oleh salah seorang anak-anaknya kerumah mereka. Kalau isteri itu masih muda dan tiada anak lagi, ia berkemungkinan akan kawin lagi atau balik semula kerumah ibu-bapanya.

Kalau isteri pula yang mati dulu, penyelesaiannya adalah serupa dengan yang diatas. Disini tiada lagi istiadat 'jemput' seperti di Negeri Sembilan itu dijalankan. Cuma ada satu kesaja disini silelaki yang kematian isteri itu dijemput oleh saudaranya disini. Dan masyarakat disini maganggap perbuatan itu sebagai mengada-ngada atau olok-olok saja.

Tidak ada kes disini dimana suami yang sudah tua yang kematian isteri yang tidak mempunyai anak langsung. Jadi susah untuk diagakan apakah kecenderungan yang akan berlaku kalau mereka tiada anak. Pengkaji yakin kalau lelaki itu masih muda tentulah dia akan mencari ganti, dan kalau sudah tua sangat, ia mungkin dibawa balik ke Negeri Sembilan oleh saudara mara mereka atau mereka yang datang kesini menjaganya.

5.10a STATUS DAN PERANAN LELAKI DAN WANITA DALAM MASYARAKAT.

Status dan peranan adalah dua perkara yang berjalan selari dan kadang-kadang identikal. Status itu ialah satu kedudukan yang tertentu dalam masyarakat yang ditentukan samada mela-

lui warisan atau pencapaian. Peranan pula adalah merupakan tindakan atau perlakuan yang dipengaruhi oleh seseorang yang berada atau memegang satu-satu status.

Walau dalam apa keadaan sekali pun status dan peranan wanita dalam masyarakat disini adalah lebih rendah daripada lelaki. Ini ditentukan kerana jantina yang didapati melalui warisan, atau kelahiran. Mereka sering diberikan tugas-tugas yang agak ringan. Keutamaan yang diberikan kepada lelaki dalam masyarakat dapat diperhatikan dengan jelas dimana Penghulu dan Datok Empat iaitu dua orang yang jadi pemimpin utama diperingkat kampung disini adalah didokong oleh orang lelaki. Dalam Jawatan Kuasa Kampung juga tidak terdapat seorang wanita pun duduk sebagai wakil. Jadi lelakilah yang berada dalam susunan pentadbiran peringkat kampung.

Wanita juga disamping itu merasakan diri mereka adalah tidak setaraf dengan lelaki. Buktinya, tiada wanita yang sama-sama berbual dengan lelaki dikedai-kedai kopitiam. Lelaki juga lebih bebas dari wanita untuk kemana-mana baik siang malam. Namakala tindak-tanduk wanita pula sentiasa diawasi oleh ^e ketua keluarga.

Dari segi lain pula, segala urusan yang bersangkutan dengan keluarga dan masyarakat, adalah dipertanggung-jawabkan kepada lelaki ketua keluarga. Misalnya dalam gotang-royong membina pagar sawah, lelakilah yang akan bekerja keras melaksanakan

nya. Wanita juga ada peranannya, misalnya menyediakan makanan dan minuman, yang mana tugas ini agak ringan.

Begitu juga dalam kenduri kendara, lelakilah yang akan membuat kerja yang berat seperti mencari kayu, mendirikan khemah dan sebagainya. Ringkasnya peranan lelaki adalah mengadakan mana-mana yang tiada dan mendekatkan mana yang jauh. Manakala wanita pula bertugas memperlakukan apa yang patut kepada benda-benda yang telah diadakan itu. Dalam kontek ini peranan lelaki dan wanita adalah memenuhi fungsi masing-masing. Segala arahan baik dari peringkat kampung atau peringkat lebih atas adalah disampaikan atau ditujukan kepada lelaki ketua keluarga dan mereka lah yang akan bertindak selanjutnya.

Terdapat berbagai pertubuhan disini yang dianggotai oleh lelaki dan wanita. Pertubuhan itu adalah seperti Persatuan Pedadang, Khairat Kematian* dan UMNO. Wanita pula ada pertubuhan Wanita UMNOnya. Sebenarnya pertubuhan wanita UMNO ini tidak banyak bergerak, kerana keadaan kehidupan wanita disini tidak begitu mengizinkan wanita berpolitik. Pertubuhan-pertubuhan itu

* Sebilangan orang menubuhkan satu badan dimana tugas badan itu adalah mengumpulkan wang dari ahli-ahli badan itu bila berlaku kematian. Mereka yang menjadi ahli berhak mendapat kumpulan wang itu bila dia, ibu-bapa, anak, saudara-sara dan lain-lain orang yang disyaratkan meninggal dunia.

kecuali pertubuhan Wanita UMNO adalah dipimpin keseluruhannya oleh orang lelaki.

Juga terdapat pertubuhan belia disini yang dianggotai oleh anak-anak muda lelaki dan perempuan. Sebenarnya pertubuhan ini tidaklah bergerak cergas kecuali kelas urusan rumah-tangga untuk wanita, dan sesekali kegiatan bercorak hiburan dan sukan. Bahkan pertubuhan ini tidak mempunyai bangunan sendiri sebagai pusat untuk bergerak. Bila hendak bermesyuarat di sebagainya tempatnya ialah di Balai Raya. Pucuk pimpinan pertubuhan belia ini juga dipegang oleh lelaki.

5.11a PELAJARAN DAN PENDIDIKAN.

Kesedaran masyarakat disini tentang pelajaran sekarang ini adalah agak tinggi dibandingkan dengan taraf pelajaran di beberapa buah kampung yang bersekitaran. Buktinya, tiada seorang pun kanak-kanak yang sepatutnya bersekolah yang tidak bersekolah. Kanak-kanak disini umumnya sekurang-kurangnya mendapat pendidikan sehingga tamat tingkatan tiga samada sekolah Melayu, Inggeris atau Arab.

Sebelum tertubuhnya sekolah menengah kebangsaan di kampung ini tiga tahun lalu, ramai juga kanak-kanak yang tak dapat melanjutkan pelajaran ketingkatan satu samada sekolah Melayu atau Inggeris, kerana sekolah ini jauh belaka. Dimasa itu ramai ibu-bapa berkecenderungan menghantar anak-anak perempuan kesekapung ini. Marak juga seorang dan berpadu kahar dibungsi.

kolah Ugama atau Arab yang ada dikampung ini. Anak lelaki pula dihantar kesekolah menengah Melayu atau Inggeris. Tapi setelah tertubuhnya sekolah menengah Melayu dikampung ini maka ibu-bapa disini telah mula mengalihkan pandangan kesekolah ini. Bagaimanapun sekolah Ugama disini masih juga punya penuntut lagi yang bercampur dengan penuntut dari kampung bersekitaran.

Kesedaran tentang pelajaran ini berkemungkinan dari sekurang-kurangnya dari tiga sebab. Pertama, umumnya ibubapa disini mempunyai taraf pelajaran yang rendah, kalau dapat menamatkan setakat darjah enam sekolah Melayu itu adalah satu keuntungan besar. Jadi mereka sudah merasai bagaimana susah dan hinanya kalau tidak berpelajaran. Oleh itu mereka tidak mahu anak-anak mereka nanti mewarisi keadaan mereka. Kedua, mereka inginikan anak-anak mereka berjaya dalam bidang pelajaran, sekurang-kurangnya untuk menandingi kalau tidak dapat mengatasi anak-anak saudara-mara mereka di Negeri Sembilan. Mereka ini ingin membuktikan bahawa mereka juga mampu memberi pelajaran kepada anak-anak mereka, dan secara tak langsung membuktikan bahawa perpaduan mereka tidaklah sia-sia. Kalau ada saudara-mara mereka datang kesini atau mereka pergi ke Negeri Sembilan, diantara topik-topik perbualan yang popular ialah pelajaran anak-anak mereka. Mereka sering membanding-bandinkan dan mencari pembaikan tentang pelajaran anak-anak mereka. Ketiga, ramai guru-guru yang tinggal disini sentiasa memberi perangsang secara langsung atau tidak kepada ibu-bapa disini untuk memajukan pelajaran anak-anak dikampung ini. Mereka juga senang dan bersedia bila dihubungi.

Sering juga kedapatan anak-anak mereka bersekolah ditempat lain, selalunya sesudah berjaya dalam tingkatan tiga. Mereka ini samada tinggal dirumah sewa, asrama atau pun dirumah saudara mara. Ramai diantara ibu-bapa disini yang ada anak mereka tinggal dengan neneknya atau saudara-mara yang lain di Negeri Sembilan. Kadang-kadang anak mereka itu masih kecil lagi, baru hendak masuk darjah satu. Mereka sanggup berpisah dengan anak-anak mereka yang masih kecil ini semata-mata mengutamakan pelajaran. Mana-mana yang gagal SRP atau SPM juga dihantar ke sekolah persendirian untuk mengambil peperiksaan sekali lagi. Ada juga diantara anak-anak ini yang perempuan. Ini bererti ibu-bapa disini sentiasa memberi peluang kepada anak-anak mereka yang gagal ini untuk mencuba lagi.

Tidaklah berlebihan kalau kampung ini dikatakan mengatasi kampung lain dalam bidang ini. Buktinya, disini terdapat sebuah Tadika (taman didikan kanak-kanak), dan inilah satu-satunya tadika yang terdapat dimukim ini. Ia didirikan secara bergotong-royong serta bantuan derma dari orang-orang tempatan. Nampaknya setakat ini sambutan ibu-bapa terhadap tadika ini adalah manggalakkan. Jadi anak-anak sudah mula dididik sejak kecil-kecil lagi. Inilah satu bukti yang menunjukkan taraf kesedaran masyarakat disini adalah lebih tinggi berbanding dengan kampung-kampung lain dalam mukim ini.

Begitu juga tentang pendidikan kerohanian. Apa yang jelas disini terdapat sebuah sekolah menengah rendah Ugama, klu-

sus untuk anak-anak dimukim ini. Untuk itu terdapat sebuah asrama penuntut lelaki disini bagi menampung penuntut dari kampong yang berjauhan. Di sebelah petang dan malam juga anak-anak dihantar kemesjid untuk belajar mengaji Quran dan pengetahuan ugama Islam. Jadi ibu-bapa disini juga tidak mengabaikan pendidikan kerohanian.

Manifestasi kesedaran tentang pelajaran ini dapat dilihat dari kejayaan anak-anak disini. Ada yang sudah masuk maktab, universiti dan ada juga yang telah melanjutkan pelajaran keseberang laut.

5.12a GELARAN.

Gelaran ini bukanlah bermaksud gelaran yang dianugerahkan oleh raja. Gelaran ini adalah dibawa dari Negeri Sembilan bersama-sama dengan perpindahan mereka. Antara gelaran-gelaran yang dapat dikesan disini yang masih lagi digunakan ialah Menteri (Menteri), Memporang (Imam Perang) dan Merajo (Sri Maharaja). Disebalik gelaran itu tidak ada atau menggambarkan apa-apa keistimewaan atau kelainan dalam status dan peranan seseorang itu.

5.13a ISTILAH PANGGILAN KEKELUARGAAN.

Disini adik-beradik ibu-bapa lelaki yang tertua dipanggil oleh anak-anak buah mereka Pak Long atau Pak Embong; yang kedua, Pak Ngah, yang ketiga; Pak Lang. Selepas itu panggilan itu sudah jadi berbagai-bagai mengikut keadaan fizikal seseorang itu,

misalnya kalau tinggi akan di panggil Pak Anjang, kalau Hitam akan dipanggil Pak Itam dan seterusnya. Tapi apa yang jelas bagi yang bongsu tetap dipanggil Pak Cu. Begitu juga bagi yang perempuan, panggilan itu sama digunakan dengan menggantikan perkataan Pak itu dengan Mak.

Begitu juga didalam satu-satu famili atau lebih tepat lagi dikalangan adik-beradik terdapat juga penggilan tertentu mengikut umur. Panggilan itu serupa juga seperti memanggil Pak dan Mak saudara diatas, cuma perkataan itu digantikan dengan perkataan Bang dan Kak.

Istilah 'indok' juga digunakan untuk memanggil perempuan yang pertaliannya dengan 'ibu' ialah sepupu; iaitu emak mereka dengan emak 'ibu' adik beradik.

Pak Long atau Pak Long dalam satu kekeluargaan punya peranan yang agak besar juga keatas anak-anak buah mereka dari Pak Cu atau Mak Cu. Ini mungkin kerana mereka sudah berumur dan berfikiran luas daripada yang lain. Begitu juga dalam famili Bang Long atau Kak Long adalah lebih peranannya dari adik beradik yang lain. Dia adalah lebih dipercuryai dan kadang-kadang jadi 'pemangku' peranan ibu-bapa untuk menjaga adik-beradik kalau ibu-bapa tidak ada dirumah atau sudah meninggal dunia.

5.14a BAHASA (LOGHAT).

Loghat Negeri Sembilan adalah amat jelas kedengaran dalam

pertuturan orang-orang disini.* Bagi mereka yang berasal dari Negeri Sembilan atau mengetahui loghat Negeri Sembilan, perkara yang pertama sekali dapat diketahui dikampung ini ialah persamaan loghatnya seperti yang digunakan di Negeri Sembilan, walau-pun kampung ini dilingkungi oleh masyarakat yang punya loghat yang berbeza. Mereka yang berasal dari Negeri Sembilan pada hari yang pertama sampai kesini akan merasakan mereka masih lagi berada seperti disalah sebuah kampung di Negeri Sembilan. Ini kerana loghat yang digunakan disini boleh dikatakan tidak ada langsung bedanya dengan apa yang dapat didengar di Negeri Sembilan.** Bahkan pengkaji rasa cuma loghat ini sajalah yang hampir tiada perubahan langsung semenjak mereka menduduki kampung ini kira-kira 45 tahun lalu. Loghat ini jugalah yang menjadi satu identiti untuk membedakan orang-orang yang berasal dari Negeri Sembilan dengan mereka yang bukan berasal dari sana.

Mengapa loghat ini tidak berubah pengkaji rasa ianya disebabkan mereka tidaklah terputus langsung dengan saudara-mara mereka di Negeri Sembilan. Kalau pun mereka tidak kerap kesana saudara mara mereka disana pula kerap datang kemari. Mereka juga cenderung untuk kebandar Kuala Pilah untuk tujuan tidak resmi. Juga disini mereka mempunyai cukup anggota bagi membolehkan mereka berinteraksi dengan menggunakan loghat ini. Dan loghat

* Untuk tujuan kajian ini loghat Negeri Sembilan adalah dimaksudkan seperti loghat yang digunakan oleh masyarakat Melayu di daerah Kuala Pilah.

** Ini difahami benar-benar oleh pengkaji kerana beliau berasal dari Negeri Sembilan, daerah Kuala Pilah; dan dibesarkan disana.

ini diikuti oleh anak-anak mereka. Pengkaji rasa kalau keadaan ini berterusan, maka loghat ini sajalan merupakan ciri utama yang menunjukkan masyarakat disini berasal dari Negeri Sembilan.

Dalam sebab-sabab famili disini, kepimpinan dan keputusan dalam kerisitik dalam tangannya bapa. Begitu sebaliknya dan keputusan dalam famili kalau buang perantauan atau diajak pulang kembali.

Apa yang menarik perhatian, masyarakat disini (orang-orang Negeri Sembilan) tidak pula tertarik hati untuk menyesuaikan loghatnya dengan loghat orang Pahang. Sebaliknya orang-orang Pahang sendiri cuba 'mengajuk-ngajuk' loghat percakapan orang Negeri Sembilan. Orang Negeri Sembilan disini walau berbual dengan sesiapa pun dalam situasi yang tak formal akan menggunakan umumnya loghat Negeri Sembilan. Bahkan dalam mesyuarat atau majlis yang formal dimana terdapat percampuran orang dari berbagai negeri, dalam percakapan mereka walaupun loghat itu cuba disembunyikan, tapi hakikatnya masih jelas lagi kedengaran.

Seperkara lagi yang menarik perhatian, kanak-kanak disini yang dilahirkan disini samada ibu-bapanya orang Melaka, Johor misalnya, mereka dalam pertuturan dengan kawan-kawannya akan menggunakan loghat Negeri Sembilan. Lebih-lebih lagilah kalau kalau salah seorang ibu atau bapanya berasal dari negeri Sembilan. Bagaimana pun anak-anak orang Pahang sendiri dalam perbuatannya, mereka akan menggunakan loghat orang Pahang. Ini kerana anggota kekeluargaan mereka yang lain umumnya tinggal di kampong atau tempat-tempat lain dalam negeri Pahang ini.

BAHAGIAN B: KEPIMPINAN DAN KUASA.

yang patut dan apa yang tidak. Halikatnya, seluruh keputusan

5.1b DALAM FAMILI.

Dalam sesebuah famili disini, kepimpinan dan kuasa adalah terletak dalam tangan bapa. Segala cadangan dan keputusan dalam famili kalau tanpa persetujuannya tidak akan berjaya. Dia berkuasa menjaya atau menggagalkan satu-satu rancangan. Bagaimana pun ibu (isterinya) juga mempunyai peranan dalam membuat sebarang keputusan, tapi hakikatnya dia tak boleh memberi kata putus. Dengan kata lain segala keputusan atau cadangan mestilah dirujukkan kepada pengetahuan bapa terlebih dulu.

Bapa adalah bertanggung-jawab dalam segala hal yang bersangkutan dengan buruk-baik familinya. Kalau baik, dia lah yang sepatutnya menerima pujian dan merasa bangga dan kalau buruk pula dia lah yang terlebih dulu menerima cacian dari masyarakat. Dengan sebab itulah mereka terpaksa berhati-hati mengawas dan mentadbir rumah-tangga, jangan dicaci oleh orang.

Dalam perkahwinan anak-anak, bapalah yang memutuskan bakal isteri atau suami anak-anak mereka. Kalau dia tidak bersestuju walaupun semua anggota famili dan kekeluargaan yang lain sudah bersetuju, perkahwinan itu tetap tidak akan berjaya sepenuhnya. Begitu juga dalam hal-hal lain seperti apa yang harus dibeli, berapa banyak wang yang harus disimpan dan sebagainya adalah diputuskan oleh bapa. Bagaimana pun ini bukanlah bermakna mereka menggunakan hak mutlaknya itu dengan membuta tuli.

Mereka tetap berunding dengan isteri dan anak-anak tentang apa yang patut dan apa yang tidak. Hakikatnya satu-satu keputusan itu tidak akan berjaya dilaksanakan sepenuhnya kalau tanpa keizinannya.

Bagaimana pun dalam famili yang tak lengkap, kepimpinan dan kuasa bapa ini diambil alih oleh orang lain. Misalnya, kalau sesebuah famili itu tiada berbapa lagi kerana meninggal dunia, maka isteri pula yang mengambil peranan sebagai bapa. Dan kalau suami-isteri kedua-duanya sudah meninggal, maka peranan bapa itu diambil oleh anak-anak mereka yang tertua, kalau anak-anak mereka sudah besar. Tapi kalau masih kecil lagi, ia akan diambil alih oleh adik-beradiknya (bapa atau mak saudara anaknya).

Kesimpulannya mengapa bapa mempunyai peranan dalam kepimpinan dan kuasa yang besar dalam famili ialah kerana umumnya famili disini adalah famili asas, dimana memerlukan bapa sebagai ketua keluarga berperanan diatas nama sesebuah famili, manakala buapak kadim umumnya tinggal di Negeri Sembilan.

5.2b DATOK EMPAT.

Tugas seorang Datok Empat tidak khusus kepada satu hal saja, dia bertugas dalam segala hal yang bersangkutan dengan anak-buahnya. Misalnya dalam soal perkanwinan, sakit pening, perkelahian, perceraian, ekonomi, keselamatan bahkan juga soal keugamaan. Pendek-kata segala hal yang melibatkan masyarakat dikampong ini adalah dirujukkan kepada beliau. Beliaulah yang jadi

orang pengantara diantara kerajaan dengan masyarakat disini. Seluruhnya ini kerana segala peraturan dan ketetapan itu dibuat dalam sesebuah kampung dia adalah sebagai orang yang paling atas sekali dalam susunan kuasa. Dia jugalah sepatutnya mempengerusikan Jawatan Kuasa Kampung yang seramai 12 orang itu. Tapi kerana di kampung ini ada Penghulu, maka Datok Empat jadi orang yang kedua dan tugas mempengerusikannya itu dipegang oleh Datok Penghulu. Segala keputusan dan tindakan yang akan dibuat adalah dirundingkan dahulu bersama ahli jawatan kuasa kampung.

Orang Kuasa dari ^{seggi} sosial juga adalah besar. Misainya, sebarang perkanwinan adalah sebelumnya mesti diujukkan padanya untuk mendapat persetujuan. Ini adalah diperingkat idealnya, kerana kalau ibu-bapa yang ingin menerima menantu itu tidak mendapat persetujuan darinya, beliau tidaklah boleh berbuat apa-apa. Beliau tidak berkuasa untuk menghalangnya. Tapi akibatnya buruk kepada sesiapa yang melanggar tegahannya. mereka nanti tidak akan dipedulikan dalam segala hal. Ini juga merupakan denda yang berat dari segi sosial pada orang yang melanggar tegahannya tadi. Orang-orang lain juga akan turut sama terikut-ikut mengenepikannya. Akibatnya kalau kenduri-kendara atau sakit-pening maka tiada siapa yang ingin menolong atau melawatnya kecuali saudara-mara yang dekat saja.

Namun begitu, Datok Empat tidaklah menggunakan prinsip 'kuku besi' dalam segala suruhan atau larangannya. Segala yang dilarangnya itu adalah juga menjadi kebencian masyarakat dan se-

kalau seorang Datok Penghulu itu tidak ada ia mungkin kerana seluruhannya itu adalah juga menjadi kerelaan masyarakat ke seluruhannya. Ini kerana segala suruhan dan larangan itu sudah dikaji buruk-baiknya dengan kebijaksanaan sendiri dan juga bersama-sama Ahli Jawatan Kuasa Kampung.

Jawatan ini adalah diperolehi melalui pencapaian. Bagaimana pun anak Datok Empat, lelaki yang tertua adalah diutamakan untuk menggantikannya. Dalam soal pemilihan ini, taraf pelajaran tidaklah menjadi satu indek yang terpenting. Kalau tak ada syarat-syarat seperti diatas barulah peluang ini diberikan pada orang lain. Datok Empat yang ada sekarang adalah anak lelaki kepada Datok Empat yang terdahulu yang berasal dari Negeri Sembilan.

Dia dilantik oleh Pejabat Daerah untuk tempoh waktu yang tidak ditetapkan. Seterusnya perkara ini disampaikan kepada Sultan Pahang untuk ditauliahkan menjadi Datok Empat yang resmi diakui oleh masyarakat dan negeri. Dia tidak mendapat gaji bulanan, cuma mendapat elau sebanyak \$90.00 setahun. Disamping itu dia juga mendapat keistimewaan dikecualikan dari membayar cukai tanah sawah 10 ekar.

5.3b DATOK PENGHULU.

Beliau sebenarnya bertugas untuk sebuah mukim Pelangai ini, tetapi kebetulan dia tinggal dikampung ini. Jadi dia menduduki tingkat paling atas dalam struktur kepimpinan dan kuasa dalam kampung ini. Jawatan ini didapati melalui warisan, tapi

kalau seorang Datok Penghulu itu tiada anak lelaki, maka jawatan itu akan dibukakan kepada anak tempatan saja.

Beliau adalah dilantik oleh Sultan Pahang secara terus. Beliau menerima gaji bulanan yang membolehkannya hidup cuma ber-gantung diatas gaji itu. Juga dalam perlantikan ini taraf pelajaran seseorang calun itu dititik-beratkan.

Dalam kenduri-kendara yang besar seperti perkahwinan, beliau tidak pernah tidak dijemput. Kedatangan beliau disambut dengan besar hati oleh tuan rumah. Dimajlis seperti ini dia tetap akan duduk dihujung kalau diatas rumah. Bagaimana pun hubungannya agak jarang sedikit dengan penduduk di kampung ini kerana dia juga terpaksa mengawasi mukim ini. Beliau pun jarang-jarang tak tentu fasal kerumah orang atau duduk berbual-bual di kedai kopi. Dengan itu penduduk disini merasa hormat padanya.

Tugas beliau ialah menguruskan segala kerja atau arahan dari pejabat daerah. Beliau juga memberi arahan, misalnya dia bersama-sama Pegawai Daerah dengan nasihat Jabatan Pertanian menetapkan tarikh permulaan turun kesawah. Untuk memohon bagi mendapatkan tanah juga penduduk disini sepatutnya melalui beliau. Beliau disediakan oleh kerajaan rumah dan balai sendiri. Dibalai inilah sebagai tempat orang-orang dimukim ini mengadu dan disinilah juga sebagai pusat kalau ada pegawai-pegawai kerajaan datang melawat mukim ini. Disinilah juga mereka menerima taklimat mengenai mukim ini dari Penghulu.

Kuasa beliau adalah besar juga. Beliau boleh mendenda sebanyak \$50.00 kebawah atas kesalahan bukan jenayah. Dengan itu beliau boleh dikategorikan sebagai majistret kelas tiga. Bagaimana pun kuasa ini belum pernah digunakannya lagi. Belum pernah lagi dalam sejarah kampung beliau mendenda anak-buahnya. Tugas Datok Penghulu dimukim ini dan sekali-gus dikampung ini secara keseluruhannya ialah; mempengarusikan Jawatan Kuasa Kampung, Penyelaras Keselamatan Mukim, Penasihat Kemajuan Kampung dan Penasihat Persatuan Belia.

Beliau mengatakan setakat ini tiada masaalah yang besar khususnya dalam mentadbirkan kampung ini. Orang-orang Negeri Sembilan disini kata beliau menurut saja apa yang diarahkan atau keputusan darinya. Orang-orang Negeri Sembilan disini juga menyembah Sultan Pahang sesuai dengan perbilangan yang berbunyi;

Dimana bumi dipijak,

Disitu langit dijunjung.

Juga taat-setia mereka sudah berkiblat keseluruhannya ke negeri Pahang. Mereka tidak lagi mempersoalkan hal-hal politik atau pemerintahan di Negeri Sembilan. Mereka tidak lagi menghiraukan siapakah Yamtuan Besar di Negeri Sembilan atau Menteri Besarnya. Kalau pun dibincangkan, itu adalah sepatutnya saja atas dasar ilmu pengetahuan semata-mata. Dengan ini memudahkan Datok Penghulu menjalankan segala urusan atau kerja yang diarahkan oleh Pejabat Daerah atau Negeri.

BAHAGIAN C: EKONOMI.

3 - 5 ekar

bilangan

12 orang.

5.1c PEKERJAAN (SUMBER MATA PENCARIAN).

Pekerjaan dan sumber mata pencarian orang disini adalah datangnya dari berbagai-bagai punca. Punca ini pula tidaklah terasing-asing kerana pada hakikatnya, misalnya seorang penoreh getah itu juga mengerjakan sawah disamping memelihara ternakan dan mendapatkan hasil ~~dari~~ dari dusun buah-buahan. Namun begitu peniaga nampaknya sudah ada kecenderungan yang besar untuk mengkhususkan kegiatan mereka dalam perniagaan saja. Tapi dalam perniagaan sendiri mereka masih juga tidak khusus. Misalnya, sebuah kedai runcit juga menjadi kedai kopi dan disamping itu membeli getah dan sebagainya.

Sumber yang biasa disini ialah daripada getah, padi, ber-niaga, ternakan dan buah-buahan. Disamping itu ada juga yang bekerja buruh diladang, bertukang dan sebagainya, tapi ini tidaklah meluas.

a. Getah. Masyarakat disini yang sekurang-kurangnya menetap selama sepuluh tahun disini, kesemuanya mempunyai kebun getah sendiri. Ada diantara mereka yang mempunyai lebih dari 30 ekar seorang. Mereka ini biasa ^{nya} telah tinggal diantara 35 hingga 40 tahun disini. Kesemua kebun getah itu adalah carian. Mana-mana yang mempunyai keluasan diantara 3 hingga 5 ekar itu baru berpindah kesini kira-kira 10 hingga 15 tahun yang lepas. Seterusnya (lihat jadual 1) disebelah.

Luas.	Bilangan.
3 - 5 ekar	12 orang.
6 - 8 "	9 "
9 - 11 "	6 "
12 & lebih	3 "
Jumlah	30 "

Jadual 1. Keluasan dan bilangan pemilik tanah getah.

i) Peringkat penghasilan. Penoreh getah disini selalu-nya tidak pernah mula menoreh sebelum pukul enam pagi. Walau-pun mereka tahu menoreh pagi-pagi itu banyak menghasilkan susu tapi mereka tidak dapat berbuat begitu. Antara sebab-sebabnya ialah sebelum mereka pergi menoreh mereka selalunya terlebih dulu sembahyang subuh. Lain-lain sebab mungkin kebun mereka agak jauh dari rumah, lebih-lebih lagi kalau kenderaan tidak boleh sampai ketempat itu. Mereka juga mungkin takut kepada bintang seperti ular, harimau dan sebagainya untuk menoreh pagi-pagi kerana mungkin kebun mereka semak dan ada pula yang bersempadan dengan hutan besar. Keletihan semalam juga mungkin belum hilang lagi menyebabkan mereka mengambil masa yang panjang untuk tidur. Mungkin juga kebun getah mereka tak luas kerana setengahnya telah disewakan kepada orang. Jadi tak perlu pergi pagi-pagi sangat untuk menoreh.

Getah yang ditoreh itu selalunya dikepingkan, tapi amat jarang dimasukkan kerumah asap. Ada juga rumah asap yang dijalankan secara bersyarikat, tapi perjalannya tak begitu licin kerang sejauh lebih dari itu dengan masukkan pacuan tanah

bahkan ada yang ditinggalkan begitu saja. Ini kerana mereka yang bersyarikat itu tak dapat bebas menjualkan getah-getahnya pada bila-bila masa mereka perlukan wang kerana mereka terpaksa menanti hari penjualan yang ditentukan terlebih dulu. Jadi sebab itulah mereka lebih suka mengepingkan getah dan mengeringkan dirumah masing-masing. Selain dari itu kerjanya ringkas dan cepat tidak seperti membuat yang untuk diasapkan, terpaksa berhati-hati dan mesti bersih. Untuk menyediakan getah begini terpaksa mengambil masa yang agak panjang sedikit kerana selalunya mereka tetapnya berebut-rebut mesen getah dengan rakan yang sama-sama bersyarikat semasa mengepingkannya. Kelambatan ini dibabkan kerana kelambatan mula menoreh. Mereka perlu cepat supaya cepat dapat berihat kerana selalunya disebelah petangnya mereka ada kerja lain yang hendak dilakukan. Getah yang tidak diasapkan kadang-kadang tak perlu digunakan tapisan dan menjemurnya dimana-mana saja, seperti ditepi jalan raya, diatas pagar dan sebagainya. Walau pun mereka tahu getah begini bermutu rendah dan harganya murah tapi alasan mereka membuatnya mudah, tidak cerewet serta cepat.

Untuk cepat dan mudah ini, ada pula satu kecenderungan baru iaitu mereka tidak mengepingkan getah mereka. Sebaliknya mereka membuat getah buku saja. Cara baru ini dianggap menguntungkan daripada membuat getah keping. Apa tidaknya, segala bahan-bahan torehan akan dimasukkan sekali dalam cawan itu dan dikacau bersama-sama cuka getah. Bahkan ada orang yang kadang-kadang membuat lebih dari itu dengan memasukkan sedikit tanah

untuk memberatkan getah itu. Selain dari itu seperti yang dikatakan diatas cara ini cepat siap dan cepat dapat wang. Pagi menoreh petang sudah boleh dijual, kerana menjual getah buku dimasa basah-basah adalah satu perkara yang biasa disini. Tapi kalau getah keping dijual basah, perbuatan ini agak memalukan juga seolah-olah sesak sangat.

ii) Masalah. Getah diusahakan, pertama, dalam usaha walaupun dalam kampung ini ada dua buah kedai Melayu yang membeli getah tapi ada kecenderungan mereka yang menjual getah cuba melarikan diri dari menjual kakedai-kedai ini. Alasan mereka berikan ialah kedai Melayu ini membeli getah dengan harga yang lebih murah daripada kedai-kedai Cina dipekan-pekan yang berdekatan. Lebih-lebih lagi kalau kuantiti getah mereka itu banyak sampai empat, lima pikul. Tapi kalau sedikit saja setakat 10 hingga kepada 20 keping saja mereka umumnya akan menjual disalah sebuah kedai ini. Rugi-rugilah, kerana kalau rugi pun baru seringgit dua saja. Kalau diantar juga kekedai Cina pun, kepentitan dan malu (pada pembeli getah Melayu) yang didapati tidak sama nilainya dengan keuntungan seringgit-dua. Tambahan pula dengan menjual sekali sekala kekedai Melayu ini dapat sedikit sebanyak mengeratkan perhubungan sosial mereka.

Dalam soal menjual getah ini ada sedikit pertentangan dengan sikap masyarakat disini terhadap ras asing. Di kampung ini tidak digalakkan ras-ras asing berniaga.* Dalam kontek ini seo-

* Sebabnya akan dihuraikan dengan lebih lanjut selepas ini dibawah tajuk 'berniaga' didalam bab ini juga.

lah-olah mereka anti peniaga ras asing. Tapi pada hakikatnya mereka masih lagi mahu menyokong ras itu dengan pergi menjualkan getah mereka kekedai-kedai Cina. Disinilah bukti yang jelas menunjukkan masyarakat disini lebih mementingkan nilai ekonomi dari nilai sosial.

ii) Masaalah. Getah diusahakan, pertama, dengan menoreh sendiri; dan kedua, dengan diberikan pada orang lain menoreh dimana hasilnya dibagi dua. Tapi sebenarnya kalau diperhatikan betul-betul bahagi dua itu tidaklah tepat. Apa yang pengkaji dapati hasil getah itu dibagi mengikut kadar 4:6. Tuan punya dapat 4 bahagian dan orang yang menoreh dapat 6 bahagian, dan kadang-kadang lebih.

Cara pembahagian itu ialah cuma getah keping saja yang dibagi dua; getahbuku dan getah sekerap diambil oleh orang yang menoreh (kuli). Jadi dengan itu tuan punya getah (taukeh) akan mendapat bahagian agak kurang dari kuli. Disini timbul masalah utama dalam institusi 'taukeh-kuli' ini, sehingga timbul ungkapan jenaka seperti "taukeh makan ikan bilis, kuli makan ayam". Ini hanya terjadi kalau kuli itu seorang yang tidak jur. Kuli yang begini dengan berbagai cara cuba membanyakkan hasil getah buku dan getah sekerap, sekaligus hasil getah keping pula akan berkurangan. Antara beberapa cara yang selalu dibuat oleh kuli ialah; pertama, dengan mengangkit getah awal dari masa yang sepatutnya. Jadi semasa dia mengangkit, getah itu masih menitik lagi. Hasilnya bulat-bulat terserah kepada dia (kuli)

sebagai getah buku. Kedua, dengan tidak mengangkit langsung beberapa batang atau beberapa baris daripada getah yang telah ditoreh. Ini biasanya dilakukan kepada pokok yang agak jauh daripada jalan atau ditepi-tepi sempadan dengan tanah orang lain. Perbuatan ini hanya berani dilakukan oleh kuli kalau taukehnya jarang-karang melawat kebun getah. / Dengan menipu langsung. Ini selalunya dilakukan oleh kuli yang dibenarkan oleh taukeh membawa getah keping untuk dikeringkan dirumahnya (kuli). Caranya ialah dengan menjualkan beberapa keping getah bersendirian tanpa pengetahuan taukeh. Cuma taukeh yang memberi kepercayaan yang penuh kepada kulinya yang selalu tertipu.

Tiga cara diatas tadi selalunya dilakukan oleh kuli setelah sekurang-kurangnya dua tiga bulan dia menoreh. Dalam tempoh ini kuli tadi akan mempelajari perangai taukehnya, apakah dia sering melawat kebun getahnya, apakah taukehnya mencatatkan beberapa hari telah kulinya menoreh atau mencatatkan beberapa keping getah telah terkumpul.

iii) Cara-cara taukeh mengatasinya. Sebenarnya masaalah kuli yang tidak jujur ini tak dapat ditentukan sebelum kuli itu mula menoreh. Ini kerana semasa kuli itu memohon untuk menoreh mereka selalunya berjanji yang indah-indah seperti akan menoreh dengan sebaik-baiknya macam hak sendiri dan sebagainya. Sebarang syarat yang ditetapkan oleh taukeh akan dengan cepat saja disetujui. Tapi kuli yang tidak jujur ini setelah dua tiga bulan menoreh, mereka mulalah menampakkan 'belang'nya.

Jadi ada sekurang-kurangnya empat cara pula bagaimana taukeh-taukeh getah ini mengatasinya. Cara-cara itu adalah; pertama, suruh kuli bawa getah kerumahnya (taukeh). Bila getah keping telah dihantar kerumahnya, kuli tak boleh buat apa-apa lagi, segala-galanya terserah pada taukeh. Cara ini selalunya kalau kebun getah itu lebih dekat dengan rumah taukeh. Tapi kalau kebun getah itu jauh daripada rumah taukeh dan hampir pula dengan rumah kuli, cara ini tidak dapat dipraktikan atas sebab-sebab peri-kemaknusiaan. Cara ini paling popular disini.

Kedua, bagi dua getah buku dan getah sekerap. Selalunya kuli yang tiada getah lain untuk ditoreh yang bersedia menerima syarat ini. Disamping itu pihak taukeh pula ada beberapa syarat yang sedia dimaklumi. Getahnya hendaklah terang dan dekat dengan jalan yang sekurang-kurangnya boleh dilalui basikal. Pokoknya masih muda dan selalunya getah kawin. Cuka getah di tanggung oleh taukeh sendiri. Caralini tidak popular, dan kalau dilakukan selalunya kepada kuli-kuli India yang tidak berugama Islam. Ketiga, berikan pada orang bukan Melayu. Mereka ini selalunya India. Dengan mereka ini, taukeh selalunya agak bebas dan tegas untuk menetapkan syarat. Taukeh lebih sanggup memarahi kalau syarat yang dikenakan telah dilanggar, atau pun memberhentikan saja. Masyarakat pula tidak menghiraukan sangat apakah syarat atau tindakan yang dibuat itu wajar atau tidak; tidak seperti dengan kuli-kuli Melayu lebih-lebih lagi saudara mara yang sekampung, sebarang syarat yang agak melampau dan sebarang tindakan yang agak zalim akan sering di perbualkan dikedai-kedai

kopi. Ini tentulah sedikit sebanyak memberi kesan pada kehidupan sosialnya.

Lagi pun dengan kuli-kuli begini, taukeh tidak pernah mengharapkan apa-apa kemudahan sosial yang lain selain daripada kepentingan ekonomi semata-mata. Buktinya kuli-kuli begini tidak pernah bertungkus-lumus dalam kenduri-kendara, dan kadang-kadang tak pernah dijemput. Atau dalam kematian misalnya, belum pernah kuli-kuli tadi datang melawat. Dari segi ini taukeh akan beruntung kerana kuli tadi dapat menumpukan sepenuh masa pada pekerjaan menorehnya, dan hasilnya tentulah lebih kalau dibandingkan dengan kuli-kuli Melayu yang terpaksa selalu berhenti kalau ada kenduri-kendara, mesyuarat, lebih lagi kematian.

Keempat, memajakkan. Ini adalah satu cara paling akhir. Selalunya hanya dilakukan pada pokok yang sudah terlampaui tua atau yang hendak ditanam semula. Caranya, tuan punya getah akan menyerahkan getahnya kepada sesiapa saja dengan bayaran yang telah ditentukan sekian-sekian banyaknya dan masa sekian-sekian lamanya. Selalunya berlaku tawar-menawar terlebih dulu. Tuan punya getah akan meletakkan harga pajakan setinggi-tinggi yang boleh dan sebaliknya pula pada penerima pajakan.

Dengan pajakan ini wang dapat dahulu. Memajakkan getah bermakna seolah-olah membunuh getah, kerana penerima pajakan tadi akan sedaya upaya akan memaksimakan pengeluarannya dengan apa saja cara. Antara cara-cara yang pernah dilakukan ialah;

Pertama, dengan membubuh ubat yang boleh melipat-gandakan pengeluaran susu getah, tapi selalunya pokok getah yang diperlakukan begini selalunya akan mati setahun dua selepasnya. Kedua, dengan membuat beberapa banyak tapak torehan pada satu-satu pokok. Kadang-kadang ada yang sampai sepuluh saluran dan cawan penakungnya (susunya) pula tidak memerlukan kalau ada yang sampai tiga empat buah pada sepokok. Ketiga, dengan menoreh tiap-tiap hari tanpa mengira hujan atau tidak. Kalau hujan pada malamnya, mereka akan mula menoreh agak lewat sedikit. Apa yang penting, hasil mesti dikeluarkan setiap hari tanpa menghiraukan apakah getah itu akan ditimpa penyakit atau akan mati.

Bagaimana pun cara ini tidak popular. Penerima pajakan selalunya berbangsa Cina yang tinggal di pekan Mancis. Mereka berulang alik dari tempatnya kesini.

Dan cara mengatasi masaalah yang terakhir ialah dengan menoreh separuh-separuh. Maksudnya dalam satu-satu kawasan yang agak luas itu akan dibagi dua. Sebahagian akan diberikan pada orang lain dan sebahagian lagi ditoreh sendiri. Jadi kuli tadi oleh kerana taukehnya sama-sama menoreh tidak berani buat apa-apa lagi.

Selain dari itu terdapat juga masaalah alam semula jadi misalnya musim luruh yang selalunya berjalan kira-kira tiga empat bulan dalam setahun. Dimusim ini penoreh getah dan taukeh getah akan menerima tekanan ekonomi yang paling hebat. Masa

ini hasil susu getah akan turun keperingkat paling minimanya. Akibatnya akan dirasai oleh semua orang tak kira dia taukeh, ku-li atau pun penerima pajakan.

Untuk mengatasi masaalah ini tidak ada cara-cara tertentu yang sering diikuti. Masing-masing ada caranya sendiri. Bagaimana pun dimasa ini terdapat ladang-ladang seperti FELDA dan RISDA, maka kekerapan untuk bekerja diladang-ladang ini adalah tinggi. Mereka bekerja sebagai buruh bergaji hari dengan kontektor-kontektor disana. Masaalah lain yang umum adalah seperti hujan, penyakit getah, pokok getah tumbang atau patah oleh ribut dan sebagainya. Cuma tuhan saja yang berkuasa untuk mengatasinya. Masaalah haraga getah turun naik juga menjadi masaalah utama disini.

b. Padi. Menanam padi adalah merupakan kegiatan pertanian yang kedua dalam mata pencarian selepas getah. Maksudnya kepada penoreh-penoreh getah saja kerana umumnya peniaga-peniaga disini tidak tertarik hati untuk bergiat dalam menanam padi. Menanam padi dengan menoreh getah itu seolah-olah dua kerja yang saling melengkapi. Getah sumber wang tunai, padi bahan makanan utama. Kalau ada pun yang menjual padi, hanyalah kerana terpaksa. Setelah ada padi, cuma sedikit saja wang lagi diperlukan untuk membeli keperluan harian. Sudah tentulah ada; kalau tidak banyak lebihan wang untuk membeli barang-barang mewah. Keadaan ini dirasakan kerana membeli beras itu satu beban yang

berat; beras terpaksa digunakan setiap hari. Soal-soal lain seperti belanja persekolahan anak-anak boleh ditempoh-tempohkan, beras tidak. Maka sebagaimana yang dilaksanakan di atas, ia mengikut kesesuaian masing-masing. Selain dari itu tiap orang mempunyai sawah walau pun kadar keluasannya berbeda-beda. Ada juga yang berlebihan sehingga disewakan pada orang lain atau diusahakan setakat mana yang terdaya, dan selebihnya dibiarkan begitu saja kalau tiada orang yang hendak menyewa. Kadar sewa yang dikenakan selalunya ialah 10:2. Maksudnya tiap-tiap sepuluh gantang padi yang dihasilkan akan diberikan pada tuan punya sawah sebanyak dua gantang. Tapi kalau penyewa itu terdiri dari anggota kekeluargaan, sewa itu jarang-jarang yang diambil kesemuanya, dan kadang-kadang tidak diambil langsung kalau didapati penghasilan disatu-satu musim itu tidak memuaskan.

Kesemua sawah-sawah disini adalah carian suami-isteri. Luas-luasnya adalah seperti dibawah. (lihat jadual 2)

Luas	Bilangan.
1 - 2 ekar	18 orang.
3 - 4 "	9 "
5 & lebih	3 "
Jumlah	30 "

Jadual 2. Keluasan dan bilangan pemilik tanah sawah.

i) Peringkat Penghasilan. Padi yang ditanam disini keseluruhannya dari jenis padi ringan atau padi dua kali setahun. Jenis-jenisnya adalah seperti Malinja, Bahagia dan Apollo mengikut kegemaran masing-masing. Selain dari itu tiap orang akan menyediakan beberapa lopak untuk ditanam dengan padi pulut. Pulut amat mustahak semasa kenduri-kendara atau hendak menyambut puasa dan hari raya. Tiap-tiap jenis padi lebih kurang sama saja jangkas masanya dari menanam hingga menuai. Penggunaan baja adalah meluaskerana jabatan pertanian ada memberikan sub-sidi dalam membeli baja iaitu separuh-separuh. Biasanya tarikh mula bersawah ialah bulan Februari hingga Julai, dan Ogos hingga Januari dengan berhenti kira-kira sebulan selepas tiap-tiap kali menuai.

i.i) Membersihkan sawah. Ini dilakukan sebelum mula membajak terutama pada sawah-sawah yang agak semak dengan rumput. Mula-mula rumput itu diracun atau ditebas sahaja dan setelah kering akan dibakar. Setelah dimasukkan air, sawah itu akan dibajak. Sebelum itu mana-mana sawah yang rosak pagarnya akan dibela dahulu. Ini kerana sawah ini bersempadan dengan kampung orang-orang disini. Jadi kalau tidak berpagar sudah tentulah kambing dan lembu bebas masuk keluar.

i.ii) Membuat lumpur. (meluluk) Kerja ini tidak begitu susah kalau sekiranya sawah itu sebelumnya telah dibajak dua kali lalu. Tapi kalau sekali lalu saja kerjanya agak berat juga. Mereka terpaksa mengecilkan sedikit tinggalan bajakan yang ter-

dahulu. Mana-mana yang tinggi rendah akan diratakan sekaligus dengan itu mereka juga membuat lumpur, (meluluk, mengikut istilah orang-orang disini). Meluluk ini perlu untuk memudahkan kerja mengubah nanti. Caranya adalah dengan melanyak tanah sawah itu sehalus-halusnya sehingga ia menjadi begitu lembut.

i.iii) Menyemai. Terlebih dulu disediakan tapak semaiannya. Luasnya bergantunglah pada luasnya sawah yang akan di tanam nanti.. Dalam masa menyemai benih padi tidak ada sebarang upacara dilakukan atau sebarang jampi-mentera dibacakan. Hanya dimulai dengan 'Bismillah' saja. Benih padi itu ditaburkan sebagai mana sepatutnya. Tapak semaiannya dibuat disalah sebuah petak sawah, ini dinamakan 'semaian basah'. Kadang-kadang ada juga dibuat diatas darat ini, dikenali sebagai 'semaian kering'.

i.iv) Mengubah. Peringkat ini 100% dilakukan oleh wanita. Tapi ada juga kekecualiannya seperti semasa isterinya sakit, suami mahu tak mahu terpaksa salah membuatnya. Kalau tak tahu juga mereka terpaksa salah mengupah orang lain. Kadang-kadang ada juga yang meminta pertolongan dari saudara mereka di Negeri Sembilan.

Sebenarnya kerja mengubah ini tidak diminati oleh lelaki, ianya agak membosankan. Selain daripada itu kerja ini juga memerlukan ketekunan, kecermatan dan kecekapan. Kalau tidak berhasil yang telah ditanam nanti akan bengkang-bengkok atau se-

rumpun kecil serumpun besar. Kerja ini hanya dilakukan dengan satu cara saja iaitu dengan membongkok sambil mencucukkan tiga, empat batang anak-anak padi kedalam lumpur. Sambil menyucukkan itu sambil undur; kerana kalau maju anak-anak padi yang telah ditanam tadi mungkin akan terpijak. Tiga empat hari sebelum mengubah itu selalunya pesawah-pesawah disini akan menaburkan baja yang dikenali dengan nama baja pokok atau baja daun.

i.v) Merumput. Ertinya, membuangkan rumput dari sawah. Ini dilakukan sebelum padi mula terbit, dan umumnya dilakukan oleh wanita. Bagaimanapun ada juga pesawah yang tidak merumput kalau rumput dalam sawahnya kurang. Tapi sekarang merumput telah digantikan dengan meracun. Racun ini khusus untuk membunuh rumput yang tumbuh bersama-sama padi, tanpa merosakkan padi. Racun ini didapati dari Koperasi Peladang samada dengan membeli tunai atau hutang. Selepas merumput ini sekali lagi mereka membubuh baja yang dikenali sebagai baja buah.

i.vi) Menuai. Umumnya pekerjaan ini dilakukan oleh wanita kerana selain dari kerja ini agak ringan juga memerlukan perhatian yang teliti, kerjanya rumit dan membosankan. Tapi disini dimasa ini tidak ada lagi orang yang menuai dengan menggunakan 'tuai'; kesemuanya menggunakan banting. Cara begini amat mudah dan cepat walau pun hasil yang didapati akan kurang sedikit dari hasil kalau menggunakan 'tuai'. Sebabnya, banyak padi yang dibantingkan itu masih lagi tinggal ditangkainya, terutamanya kalau yang membantingkan itu tidak begitu cermat

dan tak penyayang orangnya. Juga ada padi yang berpelantingan dan berciciran dalam proses menyabit dan membanting tadi. Tapi oleh kerana cara ini cepat dan mudah, perkara ini boleh dimaafi.

Masaalah ini cara pengatasinya; sebagaimana diatas, turut

i.vii) Mengangin. Ia bertujuan memisahkan padi yang bernas dengan yang hampa. Secara tradisi ialah dengan memasukkan padi kedalam nyiru sebanyak mana yang terdaya untuk diangkat, kemudian padi tadi digugurkan sedikit-sedikit sambil mengarah keangin datang. Ini umumnya dilakukan oleh wanita. Tapi kini ada cara baru dimana satu alat dinamakan 'kipas padi' digunakan. Padi dimasukkan kedalam satu corong diatas alat tadi dan dalam masa yang sama seorang lain akan memusingkan kipas alat itu. Kipas ini adalah berfungsi sebagai mengantikan angin. Dengan menggunakan alat ini kerja mengangin dapat dicepatkan berkali ganda.

Kemudian daripada itu barulah padi tadi disimpan samada dalam kepok atau dalam guni yang ditempatkan didalam atau diluar rumah. Bila padi itu diperlukan, ia akan dijemur dan diantar kemesen padi untuk dijadikan beras. Tiada lagi orang yang menumbuk padi disini, kecuali untuk membuat emping.

ii) Masaalah. Sebenarnya masaalah menanam padi yang datang dari manusia boleh dikatakan tiada langsung, baik ditanam sendiri maupun disewakan pada orang. Masaalah tidak cukup untuk dimakan sehingga musim akan datang kerana tidak cukup sawah juga tidak timbul, kerana banyak lagi sawah yang terbiar atau yang tidak diteroka. Cuma masaalah alam semula jadi sahaja seperti se-

rangga yang merosakkan padi, burung, lembu, kambing dan masaalah sakit pening.

Masaalah ini cara mengatasinya; serangga diracun, burung dihalau, lembu kambing dipagar. Sakit pening pula samada di-'upah-seraya'kan* untuk disudahkan atau mengupah terus pada satu orang. Selalu juga mereka minta tolong dari saudara mala mereka yang di Negeri Sembilan. Masaalah banjir walau pun jarang-jarang berlaku namun kalau sesekali berlaku amat membimbangkan. Mujurlah kampung ini terletak dihulu sungai, jadi air yang bertakung itu tidak pernah berlarutan.

c. Berniaga. Gulungan peniaga ini berbeda cuma dari segi pengkhususan mata pencarian dan tempat. Tempat bermaksud, mereka menjalankan perniagaan disatu kawasan seolah-olah berpusat disatu tempat didalam kampung ini. Daripada 21 buah (pintu) kedai yang terdapat disini, 14 daripadanya dipunyaai oleh orang-orang yang berasal dari Negeri Sembilan. Ini bermakna ^{Kira-kira} ~~73%~~ daripada kedai-kedai ini adalah kepunyaan orang-orang Negeri Sembilan, samada ia sendiri atau ibu-bapanya berasal dari sana.

Jenis-jenis kedai ini adalah seperti kedai barang runcit, kedai sayur-sayuran, kedai kopi, kedai membeli getah, kedai gunting, kedai membaiki basikal dan motorsikal, kedai menjual dan

* Maksudnya meminta tolong dari orang untuk mengerjakan sesuatu dengan separuh bayar dan separuh lagi semata-mata minta tolong sahaja.

membuat kain baju dan lain-lain lagi. Pendek-kata semuanya lengkap untuk keperluan penduduk disini. Ada juga kecenderungan satu-satu buah kedai itu menjalankan beberapa jenis perniagaan dalam satu masa yang sama seperti disamping membeli getah, mereka menjual barang-barang runcit dan menjadi kedai kopitiam pun. ~~sebab modal hingga apabila harga jual atau harga beli~~ tetapi seumpama Umumnya mereka yang berkedai ini mengkhususkan pekerjaan mereka dalam bidang ini saja. Mereka yang berniaga ini merasakan sudah mencukupi pendapatannya untuk makan pakai. Gulungan inilah yang membuat harta seperti ada yang kebun getahnya melebihi 30 ekar, rumah besar dan punya kereta. Keseluruhannya yang berniaga tinggal dikedainya, kalau ada rumah pun akan ditunggu oleh anak-anak mereka yang sudah boleh diharap atau pun oleh ibu-bapa mereka.

~~sebab, bilangan penduduk dan lama berada di sini~~
ini ~~ini~~ Pengkaji tidak tahu pendapatan masing-masing kerana tiada seorang pun yang mahu memberi-tahunya bagi sebulan, atau pun mereka sememangnya tidak tahu langsung. Ini disebabkan mereka tiada latihan dalam perniagaan secara formal seperti menyimpan kira-kira. Tapi dipandangkan dari cara hidup dan harta mereka yang ada, rasanya pandapatan mereka adalah mencukupi.

~~dan lain-lain lagi~~
Sekurang-kurangnya ada dua faktor utama yang menyebabkan ramai orang-orang disini meminati lapangan perniagaan ini dan boleh menyara hidup atasnya. Pertama, mereka punya tak ramai atau tak ada langsung saudara mara disini. Jadi pelanggan kebanyakannya terdiri dari orang-orang yang bukan anggota kekeluargaan. Ini membolehkan mereka bersifat tegas seperti menjual

dengan harga paling maksima dan membeli dengan harga paling minima. Kalau-lah pelanggan mereka kebanyakannya terdiri dari saudara-mara atau ada hubungan semenda-menyenda, perkara begini adalah tidak begitu memungkinkan, seperti apa yang pernah dilihat oleh Mohd. Yusuff Haji Kassim di Jempol.(4) Bagaimana pun dalam soal harga samada harga jual atau harga beli adalah tetap serupa seperti yang dikenakan kepada orang lain. Cuma dalam soal menagih hutang saja mereka bertimbang-rasa sedikit kerana sebagai saudara-mara, mereka faham dan melihat sendiri apa-apa masalah yang saudara-mara mereka hadapi sehingga tak mampu menjelaskan hutang mereka. Bagaimana pun kerana bilangan saudara-mara mereka tidak ramai disini, maka perkara sebagini tidaklah menjaskan sangat perniagaan mereka.

Kedua, bilangan pelanggan dari luar kampung adalah ramai. Ini kerana disini ada banyak pilihan, disamping banyak perkhidmatan yang boleh didapati. Disamping itu ramai juga pelanggan terdiri dari mereka yang bekerja dengan kerajaan seperti guru, pegawai pertanian dan perhutanan dan sebagainya. Ini ditambah lagi kerana disini ada wakil pos, pusat persatuan dan koperasi pedang, pondok talipon, balai penghulu, tempat untuk memesen padi dan lain-lain lagi. Baru-baru ini juga telah dibuka pekan sehari pada tiap-tiap hari Jumaat. Dengan itu menambahkan lagi tumpuan orang kesini sekurang-kurangnya seminggu sekali.

Peniaga-peniaga disini mendapat bekalan terutamanya dari Kuala Pilah (Negeri Sembilan). Jarang-jarang sekali mereka peegi

ke pekan Karak atau Bentong (Pahang) untuk mendapatkan bekalan, sedangkan jaraknya lebih kurang serupa, bahkan pekan Karak lebih hampir dari kampung ini. Ini mungkin mereka lebih biasa dan gemar dengan pekan di Negeri Sembilan seperti mereka lebih biasa dengan loghatnya. Juga jalan untuk ke Kuala Pilah adalah lebih baik lagi.

Bekalan-bekalan juga didapati dari lori atau van yang datang sendiri kekampung ini dari luar. Juga ada yang mendapat bekalan dari kedai jual borong disini.

i) Masaalah. Masaalah yang timbulnya dari struktur masyarakat, institusi atau norma dan nilai masyarakat disini yang boleh menjasakan perniagaan sebenarnya tidaklah banyak. Masaalah kebanyakannya adalah datang dari individu dan kedai itu sendiri. Peniaga disini tidak bimbang sangat untuk mendapatkan pelanggan, kerana pelanggan ramai yang datang dari luar kampung ini. Masaalah yang biasa ialah mereka tak dapat untung banyak, kerana harga barang bekalan yang dibeli tidak jauh jaraknya dari harga jualan.

Masaalah lain adalah seperti kesilapan, misalnya timbang-an yang tak betul lebih-lebih lagi dalam membeli getah. Masyarakat disini menganggap itu adalah sebagai penipuan dan tak sepatutnya seorang Islam menipu. Dalam kedai kopi pula mungkin keadaan kebersehan kedai itu tidak memuaskan menyebabkan pelanggan lari kekedai lain.

telah ii) Cara-cara mereka mengatasinya. Mereka cuba memperbaiki keadaan dan kelemahan kedai sendiri, seperti menjaga kebersihan dan mutu minuman bagi kedai-kedai kopi, mengadakan seboleh-bolehnya dalam satu-satu kedai runcit itu segala barang-barang keperluan harian dan sebagainya.

Mereka juga manjolarkan berbagai-bagai perniagaan dalam sesebuah kedai. Misalnya, sebelah kedai dibuat kedai kopi sementara sebelah lagi dibuat kedai runcit yang mana tuan punyanya adalah sama. Dengan ini kerugian yang mungkin terdapat dalam kedai-runcit kopi sedikit sebanyak boleh ditanggung oleh keuntungan kedai runcit dan sebaliknya. Selain daripada itu kedai kopi dalam kontek ini berfungsi juga sebagai daya penarik kepada kedai runcit dan sebaliknya. Pelanggan yang datang membeli barang-barang runcit mungkin akan singgah dulu minum sementara taukeh kedai mangambil barang-barang yang diminta atau pun sebaliknya.

Mereka juga mengadakan daya penarik, misalnya membeli peti talivisyen untuk ditonton dengan percuma. Mereka yang duduk menonton itu akan berasa serba salah kalau mereka tidak minum atau makan sesuatu di kedai itu. Daripada 10 buah kedai kopi disini, cuma tiga buah saja yang tidak ada peti talivisten.

Kalau lainnya tidak begitu baik pula, ia boleh dijadikan tempat bagaimana pun pertandingan ini hanyalah dikalangan peniaga-peniaga Melayu saja. Tiga empat tahun lalu ada juga sebuah kedai ras lain yang cuba berniaga untuk masyarakat disini, tapi

telah dipulaukan dan akhirnya kedai itu tutup. Setelah dikaji dari segi sejarahnya, kampung ini dulu sebelum tahun 1948 (musim dharurat) telah didiami oleh peniaga Cina yang agak ramai juga bilangannya. Bila tiba musim dharurat mereka semuanya habis lari. Sejak dari itu orang-orang disini seolah-olah telah sepakat tidak akan membenarkan ras-ras lain membuka perniagaan disini. Maksudnya menghalang mendirikan kedai disini kerana berdasarkan pengalaman yang lepas. Mereka berpendapat kalau jatuh bangun pun dalam perniagaan biarlah dikalangan orang-orang Melayu. Bagaimana pun sumber bekalan bahan perniagaan disini adalah masih lagi dari kedai-kedai Cina. Perkara ini telah di terima sebagai satu hakikat yang tak dapat atau belum dapat lagi dielakkan oleh mereka.

a) Buah-buahan. Buah-buahan yang dimaksudkan disini ialah buah-buahan yang bermusim. Jadi sumber dari buah-buahan ini tidaklah boleh diharapkan sangat kerana adakalanya jadi dan adakalanya tidak. Durian dan rambutan diantara buah-buahan itu kalau berbuah dengan baik, akan mendatangkan hasil yang boleh dikatakan lumayan juga. Selain daripada itu buah-buahan seperti bidara (mata kucing), mamggis, langsat, rambai, kundang dan sebagainya juga turut memberikan sumbangan. Tapi durianlah yang diambil perhatian lebih kerana harganya belum pernah 'jatuh'. Kalau isinya tidak begitu baik pula, ia boleh dijadikan 'tempoyak'.

Durian selalunya tidak perlu dijual keluar dari kampung ini kerana permintaan dalam kampung ini sentiasa mengatasi penawaran. Kadang-kadang Cina dari luar datang sendiri membelinya.

Saudara mara yang ingin membeli durian ini kalau buah itu sudah ada dirumah, maka harganya akan serupa saja dengan harga jualan kepada orang lain. Mereka tidak berkecil hati kerana mereka faham-memahami bahawa dusun itu bukannya harta pesaka. Tapi kalau saudara mara ini pergi kedusun itu sendiri untuk makan saja, mereka tidak pernah dikenakan bayaran, lainlah kalau hendak dibawa pulang.

Selalu juga dimusim buah-buahan ini dipesankan saudara mara dari Negeri Sembilan untuk datang makan. Selalu juga mereka datang disamping itu dapat juga menziarahi saudara disini. ~~Sejauh ini tidak banyak lagi diperlukan.~~ ~~Ada satu yang~~ ~~disebut~~ Binatang ternakan. Binatang yang selalu dipelihara ialah lembu, kambing dan ayam itik. Tapi lembu adalah dianggap paling senang dipelihara dan lumayan pula hasilnya. Ia tidak pernah dikandangkan diwaktu malam, dan bebas makan dan tidur dimana-mana. Mungkin inilah sebabnya tidak ramai orang disini menanam sayur-sayuran disekitar rumahnya. Dalam pada itu ada juga lembu-lembu yang dicederakan, mungkin ia mengotorkan rumah orang.

Disini juga ada institusi lembu pawah dari kerajaan. Mak-sudnya, lembu betina diberikan kepada orang-orang yang layak untuk memeliharanya. Lembu/dipelihara sehingga dapat anak betina.

Bila sudah dapat anak betina, ibu lembu itu diserahkan semula kepada kerajaan untuk dipawahkan pula kepada orang lain. Ini adalah satu faktor mengapa lembu banyak dipelihara disini.

Diantara tujuan lembu-lembu itu dipelihara ialah, sebagai pelaburan atau simpanan. Lembu yang dipelihara untuk dijualkan satu masa nanti adalah jadi satu pelaburan. Disamping itu kalau ada yang lebih sedikit wang misalnya dimusim buah-bahan akan membeli lembu yang seolah-olah sebagai menyimpan pula. Bila-bila wang itu diperlukan, wang itu akan 'dikeluarkan' dengan menjualkan lembu itu.

Juga untuk tujuan kenduri kendara. Ada ibu-bapa yang mula memelihara lembu bila anak gadisnya mula meningkat remaja. Bila anak itu berkahwin nanti sekurang-kurangnya wang untuk membeli lauk sudah tidak banyak lagi diperlukan. Ada juga yang memeliharanya semata-mata untuk tujuan ber'korban' semasa Hari Raya Haji.

Kambing dan ayam itik pula, dipelihara kerana orang lain memelihara. Tidak ada tujuan khusus sebagai sumber ekonomi yang utama dalam pemeliharaannya. walau pun begitu dimasa kecemasan yang memerlukan wang segera, binatang ini juga turut dijual. Ayam itik disebelih bila ada saudara mara datang atau kenduri kecil-kecilan, Kambing pula dimasa kenduri yang agak besar sedikit misalnya semasa berkhatan anak-anak atau bertunang.

5.2c PEMBAHAGIAN KERJA.

Di kampung ini pembahagian kerja adalah berdasarkan jangkaan suami isteri dan tanah yang mereka dibelai. Dalam tina, patut-mematuhi dan timbang-rasa. Ia diputuskan dalam satu-satu famili itu. Bagaimana pun kita boleh dapat kecenderungan lelaki bekerja menoreh getah dan perempuan bersawah padi. Tetapi disebelah petangnya suami tetap akan menolong isteri kesawah. Dan dimasa-masa tertentu pula spami akan berhenti menoreh buat beberapa ketika misalnya, semasa menuai. Sebenarnya tiada lagi orang disini dimasa ini yang menuai padi (dengan menggunakan 'tuai') kecuali mereka perlukan padi muda untuk dibuat 'emping'. Sebagai gantinya pesawah disini telah menggunakan 'banting' keseluruhannya. Pekerjaan membanting ini selalu-nya akan dilakukan oleh lelaki kerana kerja ini dirasakan lebih berat. Wanita akan menyabit padi dan mengumpulkannya.

Bagaimana pun ada kekecualianya. Kita juga boleh mendapati suami saja yang bersawah sepanjang musim kalau isterinya sakit. Dan kadang-kadang kita juga boleh mendapati isteri saja yang menoreh kerana mungkin suaminya ada kerja lain seperti bertukang rumah dan juga kalau suaminya berpenyakit yang tak boleh bekerja kuat. Dalam perniagaan pula dapat diperhatikan secara keseluruhannya suami dan isteri bersama-sama menguruskannya.

5.3c PEMILIKAN HARTA.

Dikampung ini pemilikan harta adalah berdasarkan timbang-rasa, patut-mematuhi dan melalui persetujuan kedua belah pihak, iaitu suami isteri. Misalnya kalau satu keluarga itu mempunyai

Jadi untuk mengejekkan isteri suaminya, mereka akan membeli dua kawasan tanah kampung; tanah yang mula-mula dimiliki dibubuh nama isteri dan tanah yang kedua dibubuh nama suami. Begitu juga tanah getah dan lain-lain harta. Katalah kalau semua tanah getah mereka seluas 10 ekar maka mungkin 6 ekar dibubuh nama suami dan 4 ekar lagi kepada isteri atau pun sebaliknya.

Oleh kerana kampung ini telah terbuka lebih kurang 46 tahun yang lalu maka ramai juga jenerasi peringkat pertama dulu yang telah mati atau pulang semula ke Negeri Sembilan, dan ada juga yang meninggalkan anak-anak yang telah berkawin disini. Mereka tak mahu mengikut ibu-bapa mereka balik ke Negeri Sembilan, lebih-lebih lagi yang wanita kerana mungkin ditegah oleh suami mereka. Jadi tanah itu dibagi-bagikan diantara anak-anak mereka mengikut kesukaan atau patut masing-masing. Maka kadang-kadang ada tanah sawah atau kampung yang seolah-olah tanah pusaka yang mutlak hak wanita kalau di Negeri Sembilan diberikan pada anak lelaki.

Jika kedatangan mereka yang mula-mula iaitu diperingkat jenerasi yang pertama, mereka meneroka suami-isteri, selalunya tanah yang mula-mula diteroka itu diberikan pada isteri. Sebabnya masa dulu-dulu, mengikut cerita orang tua-tua, kampung ini adalah ditengah hutan rimba. Banyak binatang buas seperti harimau, gajah dan sebagainya yang membuatkan mereka sentiasa berada dalam kebimbangan. Dalam keadaan ini kebanyakan isteri sering mendesak suaminya untuk pulang semula ke Negeri Sembilan.

Jadi untuk mengelakkan isteri masing-masing merungut begini maka suami membubuhkan nama isterinya keatas tanah yang mula didapati, dengan harapan isteri itu akan sayang meninggalkan kampung ini. Bila dapat tanah yang lain pula kemudiannya maka dibubuhkan pula nama suami.

Jadi corak pemilikan harta disini bukanlah dipengaruhi oleh Adat Perpatih. Ia adalah merupakan keputusan peringkat suami isteri.

5.4c PEWARISAN HARTA.

Dalam perwarisan harta ini juga pengaruh Adat Perpatih boleh dikatakan amat sedikit dipakai, dan kalau ada tempat-tempat yang serupa dengan dasar Adat Perpatih itu cuma kata orang-orang disini adalah cara kebetulan saja. Kesemua 30 orang yang dikaji mendakwa diri mereka nanti akan membagikan harta mereka mengikut hukum Islam, iaitu sistem Faraid. (5) Cara perwarisan begini adalah bersesuaian dengan Adat Temenggong yang diamalkan oleh orang-orang Pahang.

Hakikatnya terdapat variasi dalam corak perwarisan harta ini hingga susah hendak mengesan kecenderungan yang sering diikuti. Perwarisan hanyalah mengikut keputusan individu-individu berdasarkan patut dan yang hak. Namun begitu ada juga kerapan ibu-bapa disini memberikan tanah kampong dan tanah sawah kepada anak perempuan lebih-lebih lagi yang memeliharanya semasa tua. Ini juga berdasarkan patut dan hak bukannya mereka

mengamalkan dasar Adat Perpatih. Cuma corak ini bersetujuan dengan kebetulan dengan Adat Perpatih, kata mereka. Bagi mereka memang patut anak perempuan diberi rumah, kampung dan sawah kerana biasanya mereka yang memelihara ibu-bapa mereka yang sudah tua. Peralihan namabiasanya dilakukan semasa mereka masih hidup lagi, tapi kalau sudah meninggal dunia tanpa meninggalkan wasiat, system Faraid tetap akan digunakan.

Bila salah seorang ibu-bapa meninggal dunia, mana yang masih hidup akan tinggal dirumah salah seorang anak-anak mereka. Sudah tentulah anak yang ini akan mendapat bahagian harta lebih dari adik-beradiknya yang lain.

Dalam perwarisan harta, tiada corak-corak tertentu yang harus diikuti. Tapi apa yang jelas ialah kesemua harta itu nanti akan diwariskan kepada anak-anak mereka semua. Ibu-bapa disini akan mewariskan harta kepada siapa yang difikirkan layak untuk menjaga dan menambahkannya. Misalnya kalau sebuah kedai itu difikirkan anak lelakinya berkebolehan mengelolakan setelah dia mati, maka kedai itu akan diberikannya kepada anak lelaki dan sebaliknya. Begitu juga pada rumah, tanah kampung dan tanah sawah, kalau difikirkan anak lelakinya patut menerima bahagian oleh sebab-sebab yang mereka sendiri fahami maka harta itu akan diberikan kepada anak lelakinya. Hakikatnya ialah ibu-bapa disini bebas berbuat apa saja terhadap harta mereka.

Oleh kerana keluarga yang dikaji itu masih belum meninggal lagi, maka timbul masaalah untuk mendapatkan fakta. Apa yang didapati cuma niat atau hajat mereka saja. Didapati umumnya mereka bersetuju harta peninggalan mereka dibahagikan mengikut sistem Faraid. Namun begitu dalam temu-bual, mereka memberikan jawapan yang berbagai-bagai. Ada yang mengatakan dibahagikan sama rata, ada yang ingin memberikan tanah sawah dan kampung saja kepada anak perempuan dan kebun getah atau kedai kepada anak lelaki, dan ada juga yang berniat tidak ingin harta mereka dibagi-bagikan tetapi berniat untuk dijadikan koperasi diantara anak-anak. Disini dapat kita perhatikan bagaimana bebasnya mereka berbuat sesuka hati terhadap harta benda mereka tanpa sekatan adat dan sebagainya. Inilah mungkin satu contoh yang menunjukkan tujuan mereka berpindah keluar dari Negeri Sembilan hendak bebas, sudah terlaksana.

Untuk mendapatkan fakta yang lebih tepat, pengkaji mendapatinya dari orang tua-tua yang telah mengalami atau melihat beberapa contoh perwarisan harta. Apa yang dapat dikesan ialah selalunya cuma rumah, tanah kampung dan sawah diwariskan kepada anak-anak perempuan mereka, tak kira dia anak sulung atau tidak. Harta lain seperti dusun atau kebun getah diwariskan kepada anak lelaki. Pembahagian ini selalunya dilakukan semasa ibu-bapa masih hidup lagi. Bagaimana pun pembahagian ini juga berdasarkan patut dan timbang rasa, melihatkan keadaan anak-anak mereka. Kalau anak itu kurang bernasib baik sama dari segi pelajaran, fizikal dan sebagainya, ibu-bapa selalunya menyediakan

sedikit harta untuknya sebagaimana yang patut. Tapi kalau anak-anak mereka mampu berusaha sendiri mencari harta, dia tetap juga mendapat bahagian tetapi bahagiannya adalah lebih sedikit dari adik beradiknya yang kurang bernasib baik tadi.

5.5c PEMBAHAGIAN HARTA SETELAH BERCEPASI HIDUP ATAU MATI.

Dalam pembahagian harta selepas bercerai ini masih lagi dapat dikesan adanya sedikit persamaan dengan dasar Adat Perpatih. Persamaan ini mungkin cara kebetulan saja kerana ia sesuai dengan keadaan disini. Ini kerana kesemua peserta yang dikaji tidak mengaku mereka akan menggunakan prinsip Adat Perpatih. Tapi pada hakikatnya pada kes-kes yang telah lalu atau yang akan berlaku mengikut kata mereka, dasar Adat Perpatih ternyata diikuti. Ini mungkin dari pengaruh Adat Perpatih yang tidak mereka sedari terbawa-bawa kesini. Namun begitu dasar Adat Perpatih ini khususnya tentang pembahagian harta ini telah banyak berubah atau diubah-suaikan mengikut keadaan, cuma sekira-kira dapat dikesan saja bentuk idealnya seperti mana dalam perbilangan,

"Pembawa kembali,
Dapatan tinggal,
Carian bagi,
Mati laki tinggal kebini,
Mati bini tinggal kelaki,
Kalau tiada anak antara keduanya.

Carian bagi itu dilakukan lebih-lebih lagi kalau sebelum bercerai belum lagi ditentukan harta atau hak masing-masing.

Mungkin semua tanah terletak atas nama isteri atau sebaliknya. Jadi semasa bercerai ini maka harta itu dibagikan dengan perstujuan kedua belah pihak.

Dalam 30 keluarga yang dikaji terdapat satu kecenderungan untuk meninggalkan harta itu lebih-lebih lagi kalau harta itu tidak banyak kepada siapa yang sanggup memelihara anak, setelah bercerai nanti. Merujuk kepada semua kes penceraian yang telah berlaku disini didapati semua anak-anak adalah dipelihara oleh isteri, sekaligus rumah yang didiami itu akan ditinggalkan pada isteri. Ini juga adalah berdasarkan timbang-rasa dan patut tidak berdasarkan adat, walaupun ia menyamai 'dapatkan tinggal'.

Dari kes-kes penceraian hidup atau mati yang telah berlaku didapati beberapa variasi dalam pembahagian harta. Dalam cerai hidup selalunya kebun getah saja yang dibagi dua, tanah sawah dan tanah kampung serta rumah akan ditinggalkan kepada perempuan. Tanah getah itu selalunya yang agak luas, tapi kalau sedikit cuma seekar dua saja selalunya ditinggalkan pada perempuan sebagai belanja menjaga anak-anak. Selalu juga lelaki yang telah bercerai itu kalau masih muda berkahwin lagi, dengan meninggalkan tempat ini. Kerana ini bagi mereka memang sewajarnyalah anak-anak dan harta sedikit-sebanyak ditinggalkan kepada bekas isterinya.

Dalam kes cerai mati yang telah berlaku pembahagian cara 'mati laki tinggal kebini dan mati bini tinggal kelaki' adalah

diikuti. Misalnya kalau isteri yang mati, maka suami yang kematian isteri tadi akan menerima semua harta mereka yang sama-sama dikumpulkan. Dia akan tinggal selalunya dengan salah seorang anak perempuannya samada yang sulung atau tidak dan hasil dari pada harta yang ada akan diserahkan kepada anak/memeliharanya sebanyak mana yang patut. Begitu juga sebaliknya kalau suami yang mati dahulu.

Untuk keturunan lebih lanjut lagi, sila lihat undullah Siddiqi

Apa yang tidak dapat dikesan persamaan ialah tentang 'pembawa kembali'. Lelaki yang membawa barang-barangnya dahulu jarang yang mengambil balik harta yang dibawanya. Sebabnya, mungkin kalau diambil balik pun tidak boleh menjadikan dia kaya. Juga dengan berbuat begitu agak memalukan tambahan pula harta yang dibawa dulu seperti kain baju dan sebagainya semasa penceraihan itu banyak telah musnah atau rosak. Bagaimana pun harta seperti motorsikal atau kereta tetap dibawa balik.

NOTA KAKI.

- 1). Menurut De Jong, op. cit. hal: 123; juga Abdullah Siddik op. cit, hal: 123.
- 2). Nordin Selat, op. cit, hal: 44.
- 3). Untuk huraian lebih lanjut lagi, sila lihat Zainal Keling, op. cit, hal: 231.
- 4). Difahami dari kajian Mohd. Yusuff Hj. Kassim, op. cit.
- 5). Untuk keterangan lebih lanjut lagi, sila lihat Abdullah Siddik, op. cit, hal:176.

Seterusnya dalam perindahan ini juga ditunjukkan segera kekeliruan yang bertambah kecil. Anggota keluargan mewariskan tanah atau bangunan dikatakan sebaliknya di Negri Sembilan. Rumah-rumah yang ada disediakan adalah rumah-rumah berpindah atau pun berbentuk selain pertama kali dibina dengan bahan-bahan yang baru dengan rumah-rumah tua yang berdiri dan berlakuk pula masih ada.

Seterusnya dalam perindahan ini juga ditunjukkan segera kekeliruan yang bertambah kecil. Anggota keluargan mewariskan tanah atau bangunan dikatakan sebaliknya di Negri Sembilan. Rumah-rumah yang ada disediakan adalah rumah-rumah berpindah atau pun berbentuk selain pertama kali dibina dengan bahan-bahan yang baru. Dengan penjelasan bilangan anggota keluargan ini difayati menggariskan bidang social dan ekonomi yang baik. Selain kehidupan mereka, mereka adalah hasil keturunan dari ikatan saudara-saudaraan untuk membuat setiap-satu kepercayaan dan tindakan, amalkan tidak melanggar norma-norma dan keadilan-jurug yang dianut. Maka mereka tidak lagi berperlu untuk mengglos-

BAB VI.

Orang Tempat Semenda ketika kejensnya mereka telah ditinggalkan di Negeri Sembilan. Juga terdapat kesenderungan pasangan yang telah berkahwin dan mereka ruuh sendiri kerana masih

PENUTUP.

yang telah berkahwin dengan mereka ruuh sendiri kerana masih

tidak lagi boleh untuk berbuat demikian. Mereka tidak lagi

6.1 IMPLIKASI PERPINDAHAN,

Implikasi perpindahan yang pertama sekali ialah membuatkan mereka merasakan satu kesedaran baru. Mereka sedar mereka tidak lagi berada didalam lingkungan dan kekuasaan Adat Perpatih, mereka sedar mereka berada di negeri orang, mereka sedar mereka berdagang, mereka sedar mereka sekarang hidup bersendirian; maksudnya tiada lagi saudara mara, waris, Orang Tempat Semenda yang dijangkakan akan menolong mereka dalam masa-masa kegentingan, mereka sedar mereka sekarang sudah berada dalam masyarakat yang baru dengan suasana baru dan cara berfikir dan bertindak pun mestilah cara baru.

Seterusnya dengan perpindahan ini juga bilangan anggota kekeluargaan mereka bertambah kecil. Anggota kekeluargaan mereka ramai yang ditinggalkan dikampung asal mereka di Negeri Sembilan. Mana-mana yang ada disini adalah samada mereka sama-sama berpindah atau pun terbentuk melalui perkahwinan dan kelahiran anggota baru. Dengan pengecilan bilangan anggota kekeluargaan ini didapati mempengaruhi bidang sosial dan ekonomi yang lain.

Dalam kehidupan mereka, mereka adalah lebih bebas dari ikatan semenda-menyenda untuk membuat satu-satu keputusan dan tindakan, asalkan tidak melanggar norma-norma dan kepentingan orang ramai. Disini mereka tidak lagi terpaksa menimbangkan

Orang Tempat Semenda kerana sebenarnya mereka telah ditinggalkan di Negeri Sembilan. Juga terdapat kecenderungan pasangan yang telah berkahwin disini membina rumah sendiri kerana masih banyak lagi tempat untuk berbuat demikian. Mereka tidak lagi bertumpu-tumpu membina rumah di kawasan tanah pesaka kerana tanah pesaka juga telah ditinggalkan di Negeri Sembilan.

Bilangan anggota kekeluargaan yang menjadi kecil akibat perpindahan ini akan menyebabkan perhubungan diantara anggota kekeluargaan menjadi bertambah rapat, kerap dan kukuh. Antara satu orang dengan seorang yang lain yang sama-sama tergolong dalam satu-satu kekeluargaan amat mengambil berat diantara satu sama lain; sakit seorang sakit semua, malu seorang malu semua. Walaupun ini pada logiknya akan menjadikan kegiatan ekonomi mereka tetapi oleh kerana bilangan anggota kekeluargaan tidak ramai lagi buat masa ini, maka keadaan itu tidaklah membawa kesan yang besar.

Tambahan pula hubungan sosial masyarakat disini tidak berjalan serentak dengan hubungan ekonomi. Maksudnya samasa mereka menjalankan kegiatan ekonomi, hubungan sosial seboleh-bolehnya disampingkan buat sementara waktu, dan sebaliknya. Bagaimana pun keadaan ini tidaklah dapat dielakkan dikalangan anggota satu-satu famili, yang tinggal serumah.

Oleh kerana dikalangan anggota kekeluargaan mempunyai hubungan yang rapat, kerap dan kukuh, maka perkahwinan antara

anggota kekeluargaan tak mungkin sama sekali. Mereka seboleh-bolehnya tidak mahu mengambil anggota kekeluargaan mereka baik disini mau pun yang di Negeri Sembilan untuk dijadikan menantu. Sebab-sebabnya telah diterangkan dalam bab yang lepas. Cuma yang nak ditekankan sekali lagi ialah dengan perpindahan itu anggota kekeluargaan menjadi kecil, sebagai akibatnya perkahwinan sesama anggota kekeluargaan seboleh-bolehnya cuba untuk dielakkan.

Sebaliknya pula hubungan mereka dengan saudara mara di Negeri Sembilan menjadi kian renggang (bukanlah bermakna mereka bermusuhan) dengan perpindahan itu. Ini ditambah pula dengan keengganannya orang-orang disini mengambil pasangan untuk berkahwin dari kalangan saudara-mara mereka di Negeri Sembilan. Keingganan ini bertambah lagi diperingkat jenerasi kedua, iaitu anak-anak yang dilahirkan disini. Mereka kian tidak menghiraukan anggota kekeluargaan yang sperut atau sesuku dengan mereka yang mana peratusnya banyak di Negeri Sembilan. Bagaimana pun saudara mara mereka di Negeri Sembilan ada pula cara-cara tersendiri untuk merapatkannya. Contohnya mereka datang selalu bila ada kesempatan samada untuk melawat-lawat saja atau untuk menolong kerja saudara mara disini. Atau dengan mengambil untuk dipelihara anak-anak saudara mereka disini dirumah mereka di Negeri Sembilan. Dengan ini anak-anak itu menjadi seolah-olah jembatan merapatkan hubungan yang kian renggang itu. Jadi dengan itu kalau keadaan ini berterusan hubungan mereka tidak mungkin akan terputus langsung.

6.2 KESIMPULAN.

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa perubahan dalam isi dan dasar Adat Perpatih amat besar disini, tapi bagaimana pun masih lagi dapat dikesan saki-baki isi dan dasar Adat Perpatih itu. Bahkan ada persamaan yang paling menonjol dalam satu-satu perkara. Misalnya tegahan berkahwin sesuku atau seperut, masih lagi belum sanggup dilangkahi oleh masyarakat disini. Tetapi mereka ada memberikan rasional mereka sendiri untuk membenarkan atau menyokong tegahan itu. Bagaimana pun, walau atas alasan apa sekali pun, hakikatnya masyarakat disini dengan masyarakat di Negeri Sembilan masih lagi tidak mahu menjadikan kahwin sesuku atau seperut sebagai satu amalan.

Disamping itu ada juga institusi seperti yang terdapat di Negeri Sembilan yang sudah lenyap langsung disini, misalnya dalam institusi pentadbiran Adat Perpatih. Disini tiada lagi Buapak, Lembaga dan seterusnya. Ia telah digantikan sepenuhnya oleh Datok Empat dan Datok Pnegrulu.

Ada juga institusi yang tak berubah sangat atau dengan kata lain institusi ini masih lagi diamalkan dimasa initeapi telah diubah suaikan, contohnya pembahagian harta selepas bercerai. Dalam hal seperti ini kita tak dapat hendak mengatakan tidak berubah langsung atau pun sudah hilang langsung.

Perubahan atau perbedaan yang begitu besar dalam segala

Bentang faktor yang menyebabkan mereka berpindah dari kebidang secara keseluruhannya, adalah sama-sama disebabkan oleh perpindahan masyarakat itu sendiri dan sekaligus dengan peninggalan daripada mengamalkan sistem kehidupan Adat Perpatih. Bahkan sebahagian daripada tujuan mereka berpindah kesini berdasarkan dakwaan mereka adalah untuk lari dari sistem kehidupan Adat Perpatih. Mana-mana persamaan yang terdapat itu kata mereka ada secara kebetulan dan sesuai pula dengan masa dan keadaan tempat ini. Bukan sekali-kali niat mereka untuk mengikut sistem kehidupan Adat Perpatih. Untuk menyokong dan membenarkan dakwaan mereka itu, mereka mencari alasan lain. Antaranya ialah mereka mengatakan mereka kini sudah berada didalam lingkungan Adat Temenggong iaitu adat orang-orang tempatan. Juga ugama Islam menjadi sandaran yang baik untuk membenarkan dakwaan mereka itu.

Bagaimana pun, walau atas alasan apa sekali pun persamaan yang terdapat itu pengkaji rasa adalah berpunca dari pengaruh isi dan dasar Adat Perpatih yang tidak dapat mereka kikis kerana telah menjadi darah daging. Contoh yang baik ialah tentang ketidaktinginan mereka kawin seperut atau sesuku. Larangan ini hanya terdapat dalam Adat Perpatih. Sebagai perbandingan kalau mereka ini berasal dari Negeri Johor yang tidak mengamalkan Adat Perpatih, pengkaji rasa larangan seperti ini tidak akan terjadi. Jadi nyatalah pengaruh Adat Perpatih itu belum dapat dikikis 100%. Tambahan pula larangan ini sentiasa di 'perbaharui' oleh orang-orang Negeri Sembilan yang datang kesini, seperti saudara-mara atau pun pemergian mereka sekali sekala ke Negeri Sembilan juga sentiasa menyedarkan mereka tentang larangan itu.

Tentang faktor yang menyebabkan mereka berpindah dari Negeri Sembilankesini, sudah pengkaji huraikan dengan panjang lebar dalam bab yang lepas iaitu berdasarkan kajian disini dan juga dari hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lain, maka memang tak dapat dinafikan bahawa ada isi dan dasar Adat Perpatih itu yang menyebabkan atau mendorong mereka berpindah dari Negeri Sembilan. Suka ditekankan disini tentang perkataan 'ada' itu yang bermaksud bukan semua isi dan dasar Adat Perpatih itu yang menjadi faktor menyebabkan mereka berpindah. Ini kerana kalaulah semua isi dan dasar Adat Perpatih itu menjadi faktor menyebabkan mereka berpindah, sudah tentulah tiada orang yang tinggal di Negeri Sembilan. Perlu diingat bahawa perpindahan mereka bermula sebagaimana yang dapat dikesan disekitar awal tahun 1930an, yang mana masa itu Adat Perpatih masih lagi berpengaruh dengan kuat. Disamping itu pengkaji tidak menafikan ada faktor-faktor perseorangan yang menyebabkan orang-orang disini berpindah dari Negeri Sembilan.

Juga telah dihuraikan baik secara langsung atau tidak yang dengan perpindahan itu menyebabkan perubahan dalam sistem sosio-ekonomi masyarakat disini, dan perubahan itu kait-mengait pula. Maksudnya perubahan dalam sistem sosial akan mempengaruhi sedikit sebanyak kegiatan ekonomi dan sebaliknya. Samada perubahan itu menyebabkan masyarakat disini lebih daik dari keadaan asal atau tidak, itu tak jadi soal; yang pentingnya ada perubahan berlaku dengan pesat. Bagaimana pun dari pemerhatian dan dakwaan mereka, didapati mereka merasa senang hati dan bebas hidup

disini. Senang hati kerana tidak terikat oleh beberapa aturan sistem kehidupan Adat Perpatih yang tidak disukai oleh mereka. Bebas untuk bertindak atau membuat sebarang keputusan tanpa menghiraukan apa Orang Tempat Semenda dan ketua-ketua adat akan kata.

- 2) Maka sebagai keseluruhannya dapatlah dikatakan perubahan dalam aturan sistem tadbiran Adat Perpatih (kepimpinan dan kuasa) lebih besar daripada perubahan dalam sistem perekonomian dan perubahan dalam perekonomian lebih besar daripada sistem kehidupan sosial.

Akhir sekali dapatlah dikatakan masyarakat disini sedang dalam proses peralihan (transitional) dari bentuk asal mereka menuju kesatu bentuk atau identiti baru yang tak dapat diramalkan. Itu terpulanglah kepada pengkaji baru yang/dalam kajian masyarakat yang akan datang.

- 3) G.A. De Soysa, Hierarchy in the Malay Peninsula and Neighbouring Countries, London, George Routledge & Sons Ltd., 1951.

- 4) H. Djajakusumah, Adat Minangkabau, Pelangi Ilir, Bandung, Jakarta, 1957.

- 5) Mohd. Yusuki Haji Hassan, Adat-adat Melayu Selatan, Pustaka Sinar Jaya, Kajian Ilmiah, Institut Ant. & Soc. Universiti Malaya, 1973/74.

- 6) P. H. De Joossewijn De Jong, Minangkabau and Major Sociopolitical Structures in Indonesian, Leiden, 1982.

SENARAI BIBLIOGRAFI.

- 1) Abdul Kahar Bador, Adat Perpatih Di Tanah Mengandung,
2) Swift, H.G Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu
Universiti Malaya, K.L, 1960.
- 2) A Dictionary of the Social Sciences, Tavistock Publica-
tion, 1964.
- 3) Abu Chik Mat Sarom, Asal Usul Adat Perpatih, Malay Press,
4) Sornalim Ibrahim, Kuala Pilah, 1962.
- 4) Azizah Kassim, Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu
berAdat Perpatih, Thesis M.A. Universiti
Malaya, Kuala Lumpur, 1969.
- 5) Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia
Penerbitan Universiti Malaya, Kuala
Lumpur, 1975.
- 6) G.A De. C. De Moubray, Matriarchy, in the Malay Peninsula
and Neighbouring Countries, London, Ge-
orge Routledge & Son Ltd., 1931.
- 7) M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, Bulan
Bintang, Jakarta, 1957,
- 8) Mohd. Yusuff Haji Kassim, Pekeda†-pekedai Runcit Melayu
Mukim Ulu Jempul, Kajian Ilmiah, Jabatan
Ant. & Sos. Universiti Malaya, 1973/74.
- 9) P. E. De Josselin De Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan,
Socio-Political Structure in Indonesia,
Leiden, 1922.

- 10) Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, (Salinan diperpustakaan Universiti Malaya) 1975.
- 11) Swift. M.G Malay Peasant Society in Jelebu, London, The Athlone Press, 1965.
- 12) Zainal Keling, Sistem Kekeluargaan di Melaka Utama, Thesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.
- 13) Norhalim Ibrahim, Kekeluargaan dan Ekonomi dalam Masyarakat Melayu di Rembau, N.S, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Melayu, 1971.
- 14) Beattie, J. Other Cultures, Cohen & West, London, 1964.